

DR.30.7.2001

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 30 Julai 2001**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) pendekatan kementerian supaya Polis Cawangan Khas (Special Branch) dapat memainkan peranan yang penting dan berkesan seperti mana di zaman darurat dahulu untuk menjaga kepentingan keamanan negara; dan
- (b) apakah tindakan kementerian untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran polis untuk menangani masalah jenayah ICT, komersial dan jenayah besar yang serba canggih dan pintar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia tidak pernah berganjak dari peranannya bagi memastikan keamanan negara terus terpelihara. Semasa darurat, peranan yang dimainkan oleh Cawangan Khas adalah lebih kepada membanteras kegiatan militan dan subversif yang dicetuskan oleh pengganas komunis dan sekutunya. Perjanjian damai dan perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya pada 2 Ogos 1989 merupakan satu kejayaan besar Cawangan Khas yang berjaya membebaskan negara dari ancaman militan pengganas komunis. Selepas tamatnya ancaman dan juga keganasan pihak komunis negara terus berdepan dengan kegiatan pelampau yang bertindak di luar batasan undang-undang dan perlembagaan bertujuan untuk melemahkan kerajaan serta

mencapai matlamat perjuangan mereka. Bagi memastikan keamanan negara terus terpelihara Cawangan Khas telah mengambil langkah pembanterasan dan juga pencegahan melalui beberapa tindakan eksekutif berdasarkan undang-undang yang sedia ada walaupun langkah-langkah tersebut dilihat kurang popular.

Hasil dari tindakan tegas pemantauan itu dan peranan Cawangan Khas secara berterusan negara telah mengecapi keamanan dan juga keharmonian masyarakatnya sebagaimana yang kita saksikan hari ini. Cawangan Khas juga akan memantau aktiviti-aktiviti subversif, penyuluhan, sabotaj atau mana-mana percubaan hendak memporak-perandakan negara kita.

- (b) Polis Diraja Malaysia dalam usaha memastikan semua pegawai polis berpengetahuan dan mahir dalam memerangi jenayah ICT, komersial dan juga penjenayah besar telah melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:-
- (i) kuasa pendedahan kepada undang-undang cyber telah dijalankan di seluruh negara pada tahun 1998 dan tahun 2000;
 - (ii) kursus-kursus jenayah cyber diadakan dua kali setahun di Maktab Pegawai Kanan Polis yang dihadiri oleh pegawai penyiasat dari seluruh negara;
 - (iii) mewujudkan Cawangan Siasatan Jenayah Teknologi di Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan untuk menguatkuasakan undang-undang cyber. Pegawai yang menganggotai cawangan ini dipilih dari pegawai yang mempunyai kelayakan, keupayaan dan berpengetahuan dalam bidang ICT;
 - (iv) mewujudkan makmal komputer forensik di Cawangan Siasatan Jenayah Teknologi untuk memberi bantuan kepada pegawai penyiasat cawangan jenayah teknologi dan juga jabatan lain dalam kes yang melibatkan komputer;

- (v) menjalin kerjasama dengan agensi luar yang terlibat dalam ICT seperti MAMPU, MIMOS, PICOM, Telekom dan juga lain-lain agensi;
- (vi) menjalinkan kerjasama dua hala dengan pasukan polis dari luar negeri. Kerjasama ini membolehkan PDRM berkongsi maklumat dan pengalaman berkaitan pendekatan yang dilakukan dalam menangani kes-kes yang melibatkan jenayah ICT, komersial dan jenayah;
- (vii) pengambilan pegawai baru dalam PDRM mengambil kira kelayakan akademik seperti akauntan, sains komputer, jurutera dan lain-lain kelulusan. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan soalan Special Branch. Sebagaimana yang saya dapat ketahui bahawa semenjak perjanjian di antara kerajaan dengan komunis apabila komunis telah menyerah diri pada tahun 1980 iaitu semua *network*, dengan izin, *intelligence gathering network*, *informers sting operation special branch* telah dibubarkan, disuspended, dengan izin. Jadi, dalam keadaan sedemikian Special Branch juga di'*downgraded*'. Kalau dahulunya siapa yang hendak jadi IGP mesti datang daripada Pengarah *Special Branch* baru jadi IGP kerana *he is the keeper of all the intelligence reports* Kalau orang yang itu hendak dilantik jadi *commissioner of police* atau ketua polis negeri dia juga terdahulu dari menjadi ketua, *head special branch*. Tetapi tidak lagi sekarang selepas tandatangani komunis tidak ada lagi. Maknanya, kepentingan Special Branch telah nampak jelas iaitu tidak lagi di'*emphasiskan*', dengan izin. Jadi, persoalannya dalam keadaan yang ada sekarang yang mana jenayah ataupun subversif elemen bukan lagi menerusi senjata dan sebagainya tetapi boleh, macam kita ini duduk di Parlimen, duduk di pejabat besar ataupun di universiti-universiti umpamanya kita mesti ingat iaitu Jamaat Islamiyah di Egypt, dengan kumpulan Sukri Mustafa bergabung di Egypt mencetuskan satu gerakan yang sampai ke Algeria sekarang adalah keadaan yang boleh. yang Sekarang polis sudah *stand down*. Dalam keadaan sedemikian apakah pendekatan yang dibuat oleh pihak polis dan kerajaan supaya perkara yang berlaku Egypt dan di Algeria tidak berlaku di Malaysia. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa walaupun ancaman militan komunis tidak lagi berada di kalangan kita tetapi ancaman-ancaman yang lain seperti yang saya nyatakan tadi akan terus berlaku di negara kita. Oleh itu, untuk makluman kerajaan dan juga pihak polis akan memantau hal-hal yang ada kaitan dengan keselamatan negara kita sama ada yang didatangkan daripada luar negara ataupun di dalam negara kita. Jadi, oleh itu, saranan Yang Berhormat bahawa meminta kerajaan supaya memberikan perhatian yang serius tentang masalah ICT daripada luar negara dan juga kemungkinan juga ancaman-ancaman yang boleh dibuat melalui ICT kepada pihak-pihak yang tertentu, kerajaan sedang mengatur langkah-langkah supaya perkara-perkara ini dapat dipantau dan cuba dibanteras. Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian. Baru-baru ini dalam bulan Mei Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat satu kenyataan bahawa beliau diancam dibunuh melalui Internet. Sejauh manakah hasil siasatan pihak polis ataupun ini hanyalah satu kenyataan politik, dan jika ia kenyataan politik adakah ia tidak menjejaskan keselamatan? Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan tadi. Ancaman pembunuhan ini ataupun mana-mana ancaman terhadap individu memang ada dari masa ke semasa. Tetapi pihak polis tidak akan melepaskan pandangan dan akan memberikan perhatian yang serius di mana ada ancaman-ancaman terutama sekali ancaman bunuh kepada Perdana Menteri yang kita kasahi, sudah tentulah pihak polis akan berusaha untuk mencari dan cuba untuk membanteras ancaman-ancaman seperti ini. Terima kasih.

2. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai pembinaan jalan raya dari Pitas ke Pamol (Sandakan) melalui kawasan Paitan dan sungai-sungai. Berapakah peruntukan yang disediakan dan bilakah jalan raya tersebut dijangka akan siap.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jalan raya dari Pitas ke Pamol dilaksanakan melalui dua projek iaitu pertama, projek menaik taraf jalan dari Pitas ke Kanibongan sepanjang 28 kilometer dan kedua, projek pembinaan jalan dari Nanguh ke Kanibongan sepanjang 150 kilometer.

Bagi projek naik taraf jalan dari Pitas ke Kanibongan, kontraktor telah pun dilantik dengan harga kontrak sebanyak RM40 juta dan telah memulakan kerja pada 15 Januari 2001. Mengikut kontrak kerja-kerja pembinaan akan siap pada 14 Julai 2003 iaitu dengan tempoh pembinaan selama dua setengah tahun dan kemajuan fizikal setakat ini ialah 10.8%.

Bagi projek membina jalan dari Nanguh ke Paitan pula ianya dilaksanakan dalam dua fasa seperti berikut:

- (a) Fasa 1 dari Nanguh ke Pamol ke Paitan sepanjang 100 kilometer; dan
- (b) Fasa 2 dari Paitan ke Kanibongan sepanjang 50 kilometer.

Bagi fasa 1 kontrak telah pun dilantik dengan harga kontrak sebanyak RM289.65 juta. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 19 Oktober 2000 dan dijangka akan siap pada 18 April 2004 dengan tempoh pembinaan selama tiga setengah tahun juga. Kemajuan fizikal bagi Fasa 1 setakat ini ialah 15.7%.

Bagi Fasa 2 pula reka bentuk kejuruteraan telah pun siap dan kerja dijangka akan dapat bermula pada bulan Disember tahun ini dengan memakan masa lebih kurang dua setengah tahun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kedua-dua jalan raya ini kedua-dua fasa mahupun daripada Pamol ke Kanibongan atau Pitas Ke Kanibongan melintasi kawasan perkampungan yang terpencil dan termundur dan mengikut pelan induk kedua-dua fasa jalan raya ini ia melintasi kawasan tanah-tanah orang kampung yang belum diukur dan dengan itu belum dikeluarkan geran ataupun title. Pada saat ini beberapa kawasan telah pun dilalui tanpa bayaran apa-apa pampasan walaupun orang kampung memiliki tanah ini melalui hak asasi tanah bumiputera ataupun dengan izin *native customer rights*. (NCR). Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan supaya tanah perkampungan yang dituntut oleh para penduduk, pemilik melalui NCR ini diberi pampasan yang wajar. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang biasa dilakukan untuk projek-projek yang lain jika sesuatu pembinaan jalan melibatkan tanah kepunyaan individu maka sewajarnya dari segi undang-undang dan dari segi hak dalam perlembagaan mereka yang terjejas dengan sesuatu projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan sudah tentunya akan

diberikan pampasan. Jadi, soal yang sama tentunya akan diberikan kepada mereka yang terlibat dengan projek ini.

3. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa setakat ini terdapat lima (5) syarikat penerbangan asing telah menarik perkhidmatannya dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan apakah masalah sebenarnya boleh berlaku demikian dan apakah perancangan kerajaan untuk menarik syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa untuk menggunakan KLIA.

Timbalan Menteri Kementerian Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Kerajaan sememangnya sedar bahawa lima buah syarikat penerbangan asing telah menamatkan perkhidmatan ke KLIA. Syarikat-syarikat penerbangan tersebut ialah Qantas, Lufthansa, British Airways, All Nippon Airways dan Aeroflot. Walau bagaimanapun, dari jumlah ini All Nippon Airways telah pun memulakan semula perkhidmatan mereka ke KLIA. Di samping itu, adalah difahamkan juga bahawa Aeroflot sedang menimbang kemungkinan untuk menyambung semula penerbangan ke KLIA.

Dalam hal ini, walaupun terdapat beberapa syarikat penerbangan yang menamatkan penerbangan ke KLIA seperti yang disebutkan pada masa yang sama terdapat beberapa syarikat penerbangan baru yang telah memulakan penerbangan dan beberapa syarikat penerbangan yang sedia ada yang menambah kekerapan penerbangan ke KLIA.

Untuk makluman Yang Berhormat, operasi syarikat penerbangan ke destinasi tertentu adalah bergantung kepada pelbagai faktor dan pertimbangan komersial. Antaranya termasuk kos operasi, jumlah penumpang, untung atau rugi operasi dan keahlian "*airlines alliance*". Kerajaan akan terus merancang dan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan dan menarik syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa untuk menggunakan KLIA. Perancangan dan langkah-langkah termasuk seperti berikut:

- (i) meneruskan dan menitikberatkan pengamalan dasar pengangkutan udara yang liberal;
- (ii) terus mengadakan rundingan-rundingan udara dengan negara-negara asing untuk menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa mengadakan penerbangan ke Malaysia;

- (iii) terus memberi insentif untuk menarik syarikat-syarikat penerbangan. Misalnya, mulai 1 Mei 2001 syarikat-syarikat penerbangan baru yang memulakan penerbangan serta syarikat-syarikat penerbangan sedia ada yang menambahkan penerbangan tidak akan dikenakan apa-apa caj bagi pendaratan dan memakir untuk tempoh yang sesuai dari tarikh permulaan penerbangan baru ataupun tambahan itu di KLIA sekiranya penerbangan-penerbangannya mencapai sekurang-kurangnya '*load factor*' sebanyak 25%; dan
- (iv) terus mengadakan program pemasaran dan promosi KLIA. Misalannya, Malaysia Airports Berhad telah mengadakan perbincangan serta *presentation* mengenai KLIA dengan beberapa syarikat penerbangan asing termasuk Scandinavian Airlines Sytem, Air France, Continental Airlines, American Airlines, Air Afrique, Air New Zealand dan Air Canada. Di samping itu, Malaysia Airports Berhad telah melantik sebuah organisasi pakar perunding antarabangsa untuk mengukuhkan lagi usaha-usaha pemasaran KLIA.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kerajaan memberi insentif berkaitan dengan menarik syarikat kapal terbang untuk datang ke KLIA, terdapat dakwaan bahawa pengurusan KLIA tidak begitu cekap dan juga bayaran yang dikenakan begitu mahal dan selanjutnya juga dalam perancangan untuk menjadikan KLIA ini sebagai lapangan terbang utama di rantau ini, tidakkah kerajaan mempunyai cadangan untuk memberi ataupun mempelawa pelabur asing untuk melabur dalam Malaysia Airport Berhad? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Ramli bin Ngah Talib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini pentadbiran KLIA oleh Malaysia Airport Berhad adalah sangat memuaskan dan tidak perlulah kita untuk mempelawa mana-mana pihak untuk melabur di MAB.

Keduanya, pentadbiran yang dilakukan oleh MAB adalah baik dan sempurna kerana baru-baru ini KLIA telah mencapai satu tahap pengiktirafan antarabangsa sebagai lapangan terbang yang kedua terbaiknya dari segi satu urusan yang dijalankan oleh airport ataupun lapangan terbang.

Yang ketiga, caj ataupun fee pendaratan yang dikenakan oleh MAB di KLIA adalah sangat-sangat berpatutan malah ia merupakan antara yang terendah di rantau ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong, Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Eh,*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi termasuklah empat langkah untuk memajukan KLIA ini nampaknya ada beberapa perkara yang tidak dijawab. Yang pertamanya, faktor yang sebenarnya mereka tidak datang sama ada para penumpang tidak berminat untuk mendarat di KLIA, saya tidak tahu, cuma jawapan tadi tidak tepat. *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Rompin *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Rompin sibuk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak kena mengena dengan soalan tambahan. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw:Jadi, Pengerusi Tenaga sekarang TNB kemudian PAC.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada soalan tambahan. Ada?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, dia kacau sangat. Saya sebutkan tadi bahawa saya pun hendak memajukan KLIA tetapi empat langkah ini saya berharap dapat dipertingkatkan supaya kita boleh sama-sama memajukan KLIA. Cuma kita hendak tahu kelemahan-kelemahan yang wujud termasuk pengurusan MAB sama ada pengurusan ini benar-benar cocok dengan perkembangan semasa, ini memang satu perkara dan bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini berapa syarikat penerbangan yang mendarat di KLIA? Kalau kita bandingkan dengan Changi, berbanding dengan Hong Kong apakah prestasi kita di dalam KLIA?

Tan Sri Dato' Seri Ramli bin Ngah Talib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyangkal adanya *enuendo* yang mengatakan bahawa pengurusan KLIA oleh MAB tidak sempurna, malah ianya sangat sempurna, seperti yang saya katakan tadi kerana ianya telah diiktiraf oleh satu badan antarabangsa yang mengiktiraf tentang kecekapan pengurusan lapangan terbang di seluruh dunia.

Yang keduanya, saya menyangkal juga *enuendo* itu tadi mengatakan tidak baik urusannya kerana ianya bertentangan dengan kenyataan yang ada kerana penumpang sebenarnya telah meningkat walaupun ada empat lima buah syarikat tadi telah berhenti oleh kerana masalah-masalah mereka sendiri, masalah umpamanya kewangan dan juga *strategic alliances* mereka dan juga masalah perancangan mereka sendiri.

Jadi, itu tidak dapat kita elakkan kerana bukan semua syarikat penerbangan dalam dunia ini untung, kebanyakannya rugi. Jadi, oleh kerana mereka hendak menyelesaikan masalah-masalah kewangan itu, maka mereka terpaksa membuat sesuatu tindakan yang tertentu yang kita sendiri tidak dapat kawal.

Saya menyangkal mengatakan bahawa pengurusan lapangan terbang kita tidak cekap kerana ia bertentangan dengan statistik-statistik yang ada, penumpang umpamanya meningkat sebanyak 1.66 juta orang pada tahun 2000 dibandingkan dengan tahun 1999, sudah meningkat 1.66 juta orang. Dan estimate kehilangan penumpang pada tahun 2000 akibat daripada tidak adanya pendaratan daripada empat buah syarikat ini adalah di antara 200,000 dan 300,000 sahaja dan masih ada 1.3 juta lebih penumpang walaupun tiga empat syarikat ini tidak mendarat ataupun tidak meneruskan pendaratan mereka di KLIA. Selain daripada itu pendapatan juga telah meningkat sebanyak RM15.5 juta pada tahun 2000 dibandingkan dengan tahun 1999.

Jadi, semua angka ini yang berhadapan dengan Yang Berhormat yang patut tahu adalah menyangkal dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, belum jawab lagi mengenai [Disampuk] perbandingan dengan Changi,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Dr. Tan Seng Giaw:Hong Kong belum jawab lagi. Hanya setakat 'penyangkalannya' atau [Ketawa].....

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau) tidak hadir]

5. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi

masalah dan kelemahan pengurusan taman-taman pertanian seperti Taman Pertanian Bukit Cahaya Sri Alam supaya lebih berdaya maju dan mampu menarik pelancong dalam dan luar negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pengurusan Taman Pertanian Malaysia di Bukit Cherakah Shah Alam diluluskan oleh Unit Taman Pertanian Malaysia di bawah kementerian.

Sejak dibuka kepada orang ramai pada September 1999 hingga kini Unit Taman Pertanian Malaysia telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik. Namun, bagi mempertingkatkan lagi kecekapan pengurusannya kerja-kerja yang memerlukan kepakaran teknikal serta penyelenggaraan rumah iklim empat musim telah dikontrakkan kepada syarikat swasta untuk dikendalikan.

Sehingga ini pada tahun 2000 sebanyak RM3.8 telah pun dibelanjakan bagi membaiki dan menaik taraf kemudahan awam dan infrastruktur di Taman Pertanian Malaysia agar keselesaan dan keselamatan pengguna sentiasa terjamin. Terima kasih.

6. **Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kenapa Kertas Dasar K-Ekonomi masih belum disiapkan, melebihi jangka 6 bulan seperti yang dijanjikan oleh kerajaan; dan
- (b) pihak manakah yang menyebabkan kelewatan ini berlaku.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, draf Pelan Induk K-Ekonomi telah siap dan kini di peringkat semakan sebelum dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan. Walaupun pada awalnya kerajaan telah merancang untuk menyiapkan Pelan Induk K-Ekonomi pada akhir Mac 2001 tetapi proses untuk menyiapkannya telah mengambil masa memandangkan beberapa perkara seperti berikut:

- (i) ianya merangkumi pelbagai sektor termasuk pembangunan sumber manusia, sektor-sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian, kewangan serta teknologi maklumat dan komunikasi dan yang lain. Beberapa kumpulan kerja mengikut sektor

ditubuhkan dan dari sektor awam dan swasta bagi mendapatkan input;

- (ii) menentukan konsep dan definisi serta petunjuk-petunjuk untuk sesuatu ekonomi berasaskan pengetahuan perlu dibuat dengan teliti hanya ianya perlu jelas dan mudah difahami oleh rakyat jelata serta lapisan agensi pelaksana; dan
- (iii) usaha melibatkan penyertaan segenap lapisan masyarakat serta mendapatkan pandangan dan idea daripada rakyat. Ini adalah untuk memastikan pelan induk k-ekonomi benar-benar mencerminkan penglibatan dan pandangan rakyat. Program-program yang telah dijalankan termasuk musyawarah k-ekonomi peringkat negeri yang melibatkan antara lain Ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan negeri, penghulu, pengetua serta persatuan pengguna dan badan bukan kerajaan. Input daripada kaum belia juga telah diperolehi sementara satu bengkel k-ekonomi antarabangsa telah juga diadakan untuk mendapatkan pengalaman dalam menyediakan Pelan Induk K-Ekonomi dari negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyediakan kajian bagi merumuskan pelan induk bukanlah satu perkara yang mudah, banyak aspek perlu diselidik, diolah, dicerakin dan diuji sebelum dapat dibuat satu rumusan. Dalam pada itu peningkatan kepada ekonomi baru merupakan peralihan kepada *unchartered territory*, dengan izin, kita tidak dapat banyak belajar dari pengalaman orang lain walaupun ada yang mempunyai pelan induk masing-masing. Namun Malaysia mempunyai *headstart*, dengan izin, dengan tertubuhnya Koridor Raya Multimedia dan pelbagai aplikasi induk di bawah program berkenaan.

Datuk Napsiah binti Omar: Isu ekonomi ialah isu negara, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat apakah sumbangan yang signifikan, apakah cadangan-cadangan pula negeri-negeri yang diperintah oleh pihak pembangkang dan apakah sumbangan-sumbangan pihak pembangkang terhadap menangani isu negara ini. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, dalam proses menyiapkan Pelan Induk K-Ekonomi, pihak kerajaan dan pihak pakar perunding memang juga cuba mendapatkan input daripada kerajaan-kerajaan negeri yang diperintah oleh

pihak parti pembangkang. Mereka memang sudah memberikan juga pendapat mereka dan kesemua ini masih dalam pertimbangan pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, memandangkan beberapa buah negeri selepas diperintah oleh pihak pembangkang keadaan ekonomi makin merosot, maka kita mendapati bahawa tidak banyak yang kita dapat menerima input dari mereka. Terima kasih.

Datuk Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa satu musyawarah k-ekonomi ini telah diadakan bagi negeri yang diperintah oleh PAS khususnya negeri Terengganu yang dianjurkan bersama oleh ISIS dan kerajaan negeri dan telah mendapat sambutan dan input yang sangat baik. Adakah ini tidak disedari oleh pihak Yang Berhormat apabila menjawab soalan daripada Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun saya jawab sebentar tadi. Sekian, terima kasih. *[Ketawa] [Disampuk]*

7. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]:** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah Suruhanjaya Syarikat Malaysia akan mewujudkan sistem urusan secara digital selain perkhidmatan kaunter untuk menambahkan kecekapan perkhidmatan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan satu badan berkanun yang dinamakan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang menggabungkan ROC dan ROB bertujuan menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan untuk menjalankan fungsi dan tanggungjawab sebagai badan kawal selia dan menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan. Salah satu tumpuan utama selepas penubuhan badan berkanun ini adalah untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dengan menyediakan kemudahan sistem *e-filing, e-payment* dan *e-service*.

Pada masa ini ROC telah melaksanakan sistem urusan secara digital melalui Sistem Pengurusan Dokumen dan Bekalan Maklumat Bersepadu yang menggantikan sistem semakan mikro filem dan fail. Melalui sistem ini pengemaskinian data syarikat dan dokumen yang diserahkan disimpan di ROC dikendalikan secara sistem komputer dan disimpan di dalam cakera optik. Dengan yang demikian salinan dokumen dan maklumat syarikat boleh diperolehi menerusi semakan atau cetakan komputer di mana-mana kaunter pejabat ROC. Perkhidmatan ini telah diberikan kepada pelanggan ROC.

Di samping itu, kementerian telah mendapat peruntukan sebanyak RM20 juta untuk pembangunan sistem komputer ROB dan ROC yang bertujuan menyediakan kemudahan perkhidmatan melalui sistem elektronik. Pada masa ini kementerian ini telah menyiapkan dokumen cadangan dan telah pun mengeluarkan tawaran kepada syarikat-syarikat perunding untuk mengemukakan cadangan mengenai pelaksanaan sistem komputer dan bagi membolehkan sistem elektronik dijalankan. Semua kemudahan tersebut telah dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Pembangunan sistem elektronik yang dijalankan akan menyediakan kemudahan perkhidmatan iaitu *e-filing*, *e-incorporation of companies*, *e-payment* dan *e-service*.

Melalui sistem *e-filing*, orang awam boleh memfailkan dokumen syarikat melalui komputer tanpa perlu datang ke kaunter. Sistem *e-incorporation of companies* akan membolehkan proses penubuhan syarikat juga dijalankan melalui komputer. Melalui sistem *e-payment* pembayaran yang dibuat oleh pelanggan kepada ROC bagi mendapatkan perkhidmatan atau serah simpan dokumen boleh dilakukan melalui elektronik. Sistem *e-service* pula adalah untuk menyediakan perkhidmatan bekalan maklumat korporat kepada pelanggan secara elektronik di mana pelanggan boleh memperolehi maklumat melalui Internet.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan yang amat jelas tadi. Memandangkan sistem digital mampu memberi perkhidmatan yang lebih mantap, tepat dan pantas, adakah pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia bercadang agar semua setiausaha syarikat Malaysia yang berkelayakan turut mewujudkan sistem urusan secara digital di syarikat-syarikat mereka. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, itulah hasrat kerajaan apabila sistem elektronik telah pun disempurnakan oleh pihak kerajaan. Tetapi kita belum ada cadangan untuk membuat satu syarat bahawa semua setiausaha syarikat pun mempunyai kemudahan untuk membuat semua ini secara elektronik. Walau bagaimanapun, kita fikir adalah lebih sesuai dan akan juga menyenangkan urusan-urusan setiausaha syarikat kalau mereka juga melengkapkan pejabat mereka dengan kemudahan elektronik untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih cekap dan sempurna.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekiranya perkhidmatan-perkhidmatan e-

filling, e-payment dan e-services telah disediakan, bolehkah Dewan diberitahu syarikat manakah yang mendapat tender perisian dan perkakas dan berapakah kos yang terlibat dalam kos perisian dan perkakas tersebut dan jumlah kos yang terlibat bagi perisian dan perkakas tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab bahawa RM20 juta telah pun diperolehi untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan melalui sistem elektronik dan cadangan menyiapkan dokumen cadangan telah pun dikeluarkan. Syarikat-syarikat perunding telah pun diminta untuk buat tawaran. Lepas itu apabila ini siap, kita akan menentukan kos tentang lain-lain yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

8. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sebab kerajaan meletakkan kesemua hakim, pegawai pendakwa dan peguam Persekutuan di bawah Legal and Judicial Services Commission, memandangkan mereka memainkan peranan yang berlainan di bidang kehakiman dan bercanggah dengan doktrin pemisahan kuasa dalam sistem demokrasi;
- (b) mengapakah kerajaan menghendaki peguam yang mempunyai 7 tahun pengalaman kerja untuk memegang jawatan di Majlis Peguam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Dalam bidang kehakiman bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan terhad sehingga hakim Mahkamah Sesyen sahaja dan tidak meliputi hakim Mahkamah Tinggi, Rayuan dan Persekutuan. Secara jelasnya Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan bertanggungjawab terhadap pegawai kehakiman seperti hakim Mahkamah Sesyen, majistret, Penolong Kanan Pendaftar dan pegawai perundangan seperti Timbalan Pendakwa Raya, peguam Persekutuan dan pegawai penggubal undang-undang. Walaupun pegawai kehakiman dan perundangan berada di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, ia tidak bercanggah dengan doktrin pemisahan

kuasa kerana di dalam menjalankan tugas. Mereka bertanggungjawab kepada ketua perkhidmatan yang berlainan iaitu pegawai kehakiman kepada Ketua Hakim Negara, manakala Pegawai Perundangan kepada Peguam Negara;

- (b) Kerajaan berpendapat disebabkan Majlis Peguam merupakan badan yang dipertanggungjawabkan oleh undang-undang untuk mentadbir BAR Malaysia, menjaga kepentingan profesion undang-undang dan tingkah-laku kepada peguam bela dan peguam cara adalah baik dan kena pada tempatnya jika ahli jawatankuasa majlis tersebut terdiri daripada mereka yang berpengalaman luas dan telah menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada 7 tahun.

Akta Profesion Undang-undang 1976 memberikan banyak kuasa kepada Majlis Peguam termasuk berhubung perkara yang menyentuh amalan dan etika profesion serta kuasa untuk mewakili keseluruhan BAR Malaysia dalam apa-apa perkara. Justeru itu, amatlah tidak wajar sekiranya Majlis Peguam turut dianggotai oleh mereka yang tidak memiliki pengalaman yang luas sebagai peguam bela dan peguam cara. Sekian.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya merasa hairan kenapa jawapan saya ini tidak dijawab oleh Menteri yang menjaga hal ehwal kehakiman tetapi dijawab oleh Timbalan Menteri. Ini saya rasa agak aneh. *[Disampuk]*

Soalan saya ialah, memang saya tahu Legal and Judicial Services Commission ini melibatkan hakim di Mahkamah Sesyen atau Majistret sahaja tetapi kita tahu yang Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ini diketuai oleh Peguam Negara. Peguam Negara mempunyai kuasa untuk menentukan kenaikan pangkat, transfer majistret dan lain-lain. Jadi, dengan meletakkan majistret dan juga pegawai kanan Pendakwa Raya dalam Suruhanjaya seperti ini bukankah ia akan mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh hakim di Mahkamah Sesyen sehingga mereka selalu terpaksa untuk membuat keputusan

yang pro kepada kerajaan. *[Disampuk]* Adakah ini satu muslihat kerajaan untuk meletakkan mereka semua dalam suruhanjaya ini.

Tentang soalan yang kedua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Satu cukuplah. *[Disampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, saya ada dua soalan. Soalan yang kedua itu, kita lihat kenapakah badan-badan profesional yang lain seperti akauntan dan lain-lain itu tidak menentukan bahawa seseorang ahli mesti mempunyai pengalaman kerja selama 7 tahun boleh menjadi penjawat dalam sesuatu badan profesional. Kenapakah hanya Majlis Peguam sahaja. Adakah ini disebabkan oleh kebanyakan peguam yang muda mereka lebih progresif, mereka agak radikal, jadi kerajaan takut mereka, jadi mengadakan had seperti ini supaya mereka ada 7 tahun pengalaman sebelum memegang jawatan di Majlis Peguam. Kenapakah kerajaan begitu takut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...kepada peguam yang muda.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya jawabkah, Menteri jawab serupa sahaja. Jawapannya akan jadi serupa.

Tadi, Yang Berhormat telah tanya berkenaan kenaikan pangkat. Barangkali kalau pembangkang menjadi pemerintah, amalan tersebut akan berlaku. Tetapi kalau Barisan Nasional yang memerintah, maka sudah pasti kehakiman ini akan menjadi satu badan yang saksama dan akan memastikan bahawa pangkat-pangkat yang hendak dinaikkan akan mengikut kriteria-kriteria yang ditentukan oleh badan kehakiman yang tersebut.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, untuk makluman Yang Berhormat, yang menentukan 7 tahun adalah Bar Council sendiri, bukan kerajaan dan mereka yang mempunyai undang-undang dan memandangkan bahawa 7 tahun dalam perundangan pun tidak mencukupi masa, tetapi oleh kerana pada pandangan mereka, 7 tahun sudah cukup untuk memberi kematangan kepada peguam bela dan peguam cara untuk menduduki Bar Council dan Bar Council yang menentukan 7 tahun ini. Sekian.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat pagi, good morning. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Arab?

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Tidak, dapat lama sedikit bercakap. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mandarin tidak sebutkah?

Seorang Ahli: Arab, Arab.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Ya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih . Sabahul khair, *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan sedikit soalan tambahan. Kita ini biasalah, pembangkang sudah memang kerja dia. Kalau mana yang sebelah dia, okay, alright. Bila tidak sebelah dia, salah. Termasuklah hakim-hakim, yang sebelah dia, dia kata hakim itu betul. Yang tidak, hakim itu salah.

Saya cuma hendak timbulkan sedikit, kes banyak tertangguh kerana mungkin masalah kekurangan hakim majistret. Jadi, ini menjadi satu masalah kepada orang ramai yang hendak dibicarakan menunggu begitu lama, tidak selesai. Tidak adakah satu cadangan daripada kerajaan, dalam bidang kehakiman ini ditambah sedikit hakim, tambah ramai majistret dan selepas itu, saya tidak tahulah dari segi peraturan undang-undang ini, boleh buat jadual, garis panduan oleh kerajaan. Makna kalau perbicaraan kes yang kecil ini, berapa lama tempohnya. Tidaklah kadang-kadang kes yang kecil ini pun sampai dua tahun. Kes yang besar sudahlah. Kalau dapat disusun, jadi mungkin orang ramai tidak tertunggu-tunggu, bila perbicaraan. Seksa dia hendak menunggu, tidak mendapat keputusan. Ada yang pendek, ada yang lama. Ini terpulang kepada hakim tetapi mungkin kalau ada garis panduan kes-kes tertentu yang boleh kerajaan timbangkan supaya dapat diselesaikan kes dengan baiknya. Itu sahaja.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, hakim Mahkamah Sesyen sekarang ini kita mengisi 79 orang hakim Mahkamah Sesyen, yang belum diisi hanya 8 orang. Jumlah hakim Mahkamah Sesyen ini adalah 87 orang.

Untuk pertanyaan Yang Berhormat, memang kita dapat difahamkan bahawa ada kes-kes yang tertunggak kerana perkara-perkara ini tidak dapat dielakkan oleh kerana ada sebab-sebab yang tertentu. Kadang-kadang yang datang ke mahkamah tidak membawa, dengan izin, witness dan sebagainya. Jadi, saya akan melihat

perkara ini dan maklumkan kepada Jabatan Peguam Negara supaya kes-kes ini dapat dilaksanakan secepat mungkin.

9. **Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang diambil kerajaan untuk mengatasi masalah kira-kira 200 pesakit yang memerlukan pemindahan sumsum tulang setahun di negara ini tidak dapat menjalani pembedahan kerana kos rawatan yang sangat tinggi di luar negara. Hospital negara ini dilaporkan kekurangan peralatan untuk menjalankan pemindahan sumsum tulang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, pemindahan sumsum tulang adalah kaedah rawatan yang digunakan untuk penyakit '*malignan*' kanser seperti *acute myeloid leukaemia* dan penyakit bukan *malignan* seperti *thalassemia* major. Dianggarkan terdapat lebih kurang 300 hingga 350 orang yang memerlukan pemindahan sumsum tulang ini setiap tahun di Malaysia.

Prosedur pemindahan sumsum tulang bukan sahaja bergantung kepada fasiliti dan peralatan di hospital tetapi juga bergantung kepada adanya penderma yang sesuai. Penghalang utama di sini adalah untuk mendapatkan penderma yang sesuai di mana hanya 25% hingga 30% sahaja yang boleh mendapat penderma sumsum tulang yang sesuai.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pemindahan sumsum tulang di negara ini adalah seperti berikut:

- (i) Penambahan jumlah katil berserta peralatan. Pada bulan Februari 2001, Institut Pediatrik di Hospital Kuala Lumpur telah menambahkan jumlah katil pemindahan sumsum tulang kanak-kanak dari 2 katil kepada 4 katil. Ini terlaksana dengan siapnya satu bangunan baru berharga RM1.5 juta bersebelahan Institut Pediatrik. Pada bulan Mei 1999, 2 buah katil untuk pesakit pemindahan sumsum tulang dewasa telah dibuka di Hospital Kuala Lumpur;
- (ii) Langkah kedua ialah penubuhan tabung "*Cord Blood*". Ini adalah kaedah rawatan baru di mana *cord blood* diambil dari tali pusat dan uri yang lazimnya dibuang selepas kelahiran. *Cord Blood* boleh digunakan menggantikan sumsum tulang bagi mereka yang tidak mempunyai penderma yang sesuai.

Tabung *Cord Blood* telah diluluskan penubuhannya dan dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2002.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen ini tetapi dalam konteks kesihatan ini selain daripada masalah sakit sumsum ini, kesihatan mental yang akhir-akhir ini kita dengar dan lihat banyak peristiwa yang berlaku yang menyebabkan kesihatan mental rakyat banyak yang terganggu dan banyak kejadian yang mengerikan berlaku. Apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan satu monitoring and controlling system supaya penyakit mental yang berlaku ini dapat dibaikkan.

Apakah pandangan Yang Berhormat tentang masalah gila politik ini. Yang saya hendak sebut ini kerana ada kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin pembangkang ini yang

Seorang Ahli: 20 tahun dah...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...mengatakan bahawa "kita menentang UMNO bukan kerana namanya UMNO, kerana UMNO itu berkawan dengan orang kafir, itu sebab kita tentang UMNO dan juga darah orang UMNO ini halal," ini kenyataan gila ataupun tidak, Yang Berhormat?

Seorang Ahli: 20 tahun gila kuasa!

Seorang Ahli: Sana gila kuasa.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang terkeluar daripada soalan asal. [*Sorak*][*Ketawa*] Namun demikian, kesihatan mental ini adalah satu aspek yang penting tetapi seperti Yang Berhormat sedia maklum, kementerian pun telah membentangkan pindaan kepada Rang Undang-undang Kesihatan Mental untuk bacaan kali pertama. Saya rasa dengan lulusnya rang undang-undang ini saya rasa kita boleh mempelawa pihak swasta untuk turut memainkan peranan di dalam menjaga kesihatan mental rakyat .

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita minta-minta dalam Dewan ini tidak ada yang gilalah. [*Ketawa*]

Jadi, saya mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kita kekurangan penderma tulang sumsum yang sesuai tetapi mengikut pembacaan saya di beberapa negara tertentu, ada negara-

negara miskin ada menjual, menawarkan tulang-tulang seperti ini. Apakah kita boleh membeli tulang-tulang tersebut daripada negara-negara tersebut kerana saya ada baca. *[Disampuk]* Ini tidak ada yang gila di sini, tidak tahu melainkan ada orang mengaku gila. Minta jawapan.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan membeli tulang...*[Ketawa]*...maksudnya tulang tetapi ini berkaitan dengan sumsum. Jadi, ini adalah melalui proses pemindahan darah. Jadi, kesukaran di sini adalah untuk mendapatkan satu sample darah yang boleh bersesuaian. Biasanya itulah sebabnya kita mendapatkan daripada bayi kembar kerana ini adalah satu proses untuk matching itu adalah terlalu sukar. Seperti yang saya katakan tadi peratus kejayaannya adalah 20% hingga 25%. Itulah sebabnya Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan penubuhan Tabung Cord Blood. Saya rasa dengan wujudnya tabung ini masalah ini dapat diatasi dengan lebih mudah lagi.

[Soalan No. 10.- Y.B. Tuan Saupi bin Haji Daud (Tanah Merah)] tidak hadir.

11. **Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan bilangan koperasi yang dikelola oleh wanita dan berapa yang berjaya. Kalau ada yang gagal apakah sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk jawapan Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2001 terdapat 60 buah koperasi wanita, maknanya 100% wanita yang telah didaftarkan dan kesemuanya adalah aktif. Pada tahun sebelumnya terdapat 4 buah koperasi wanita yang tidak aktif tetapi keempat-empat koperasi tersebut berjaya dipulihkan pada tahun 2000. Pada masa sekarang terdapat 60 buah koperasi wanita yang dapat berjalan dengan baik dan ianya berjaya menjana pendapatan yang sederhana kepada anggota-anggotanya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen atas jawapan yang diberikan tadi. Kita memang sedar bahawa wanita ramai menjadi ahli koperasi. Yang disebutkan tadi bahawa ahli koperasi wanita yang keseluruhannya wanita tetapi ramai juga wanita yang menjadi ahli koperasi bercampur dengan kaum bapa.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, berapakah bilangan wanita yang menjadi ahli lembaga pengarah di dalam koperasi yang bercampur ini. Pada

pemerhatian saya begitu sedikit bilangan wanita yang diberi kepercayaan untuk menjadi ahli-ahli lembaga pengarah dalam koperasi yang bercampur dan apakah tindakan dan juga usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian supaya pemilihan ahli lembaga pengarah ini dibuat bukan melihat kepada gender – pemilihan mengikut gender. Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Yang Berhormat, pemilihan lembaga pengarah wanita itu adalah ditentukan pada mesyuarat agung koperasi-koperasi yang berkenaan. Jadi, untuk terperinci kami tidak dapat berapa koperasi campuran yang mempunyai wanita sebagai lembaga pengarahnya tetapi kita memang pada dasarnya, Jabatan Pembangunan Koperasi memang menggalakkan supaya tiap-tiap koperasi bercampur itu mempunyai sekurang-kurangnya satu atau dua orang wanita dalam lembaga pengarahnya. Jadi, kita memang menganjurkanlah.

Jadi, untuk terperinci, minta maaf, saya akan beri dengan jawapan bertulis. Walau bagaimanapun, untuk sekarang jumlah wanita, pada Disember 2000 ini kita mempunyai seramai 1.2 juta ahli wanita dan segala pengurusan koperasi wanita berjalan dengan baik.

Puan Sukinam Domo: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat tadi, saya ucapkan syabas kepada wanita 60 koperasi dan 100% berjaya. Daripada 60 buah itu, saya ingin bertanya berapa koperasi yang terdapat di Sarawak dan kalau ada yang tidak begitu berjaya, apakah sebabnya? Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi koperasi wanita 100% wanita yang ada di Sarawak sekarang adalah 70 buah dan semua 70 buah koperasi adalah berjaya. Aktivitinya adalah aktiviti pengguna, kredit, perkhidmatan, pengangkutan dan perindustrian.

12. Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusof [Temerloh] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah berjaya mencapai matlamat penubuhannya. Apakah kementerian berhasrat untuk mempertingkatkan peranan agensi ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah sebuah badan bukan kerajaan yang didaftarkan sebagai private trust, dengan izin, di bawah Akta Pemegang Amanah Perbadanan 1952,

pada tahun 1986 bertujuan membantu kerajaan membasmi kemiskinan dengan menyediakan kemudahan pinjaman kecil-kecilan kepada keluarga termiskin yang layak.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk Amanah Ikhtiar Malaysia melaksanakan skim pinjaman kepada golongan termiskin.

Sejak ditubuhkan, Amanah Ikhtiar Malaysia telah mengeluarkan pinjaman sejumlah RM423,605,557 kepada 67,063 orang sahabat di bawah Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI), RM6,145,700 kepada 854 orang nelayan di bawah Skim Pinjaman Ikhtiar Nelayan (SPIN) dan RM5,552,200 kepada 826 orang ibu tunggal di bawah Skim Khas Ibu Tunggal (SKIT).

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, peranan Non Governmental Organisation (NGO) termasuk Amanah Ikhtiar Malaysia untuk membantu usaha-usaha kerajaan melaksanakan dasarnya akan dipertingkatkan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Memanglah kita tahu kerajaan amat prihatin dengan masalah rakyat sehinggakan ada pinjaman-pinjaman seperti Amanah Ikhtiar Malaysia dan kita difahamkan sebilangan besarnya adalah penerima-penerima daripada kalangan wanita dan sayadiberitahu tadi termasuk juga ibu-ibu tunggal.

Adakah kementerian boleh bercadang supaya pinjaman kepada ibu tunggal ini diberi secara terus tidak diminta balik dibayar. Yang keduanya, adakah pinjaman ini juga hanya diberi kepada orang-orang yang menyokong Barisan Nasional dan pembangkang juga ada menerima pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia ini kerana di kawasan saya terdapat dari kalangan pembangkang yang turut menerima kemudahan yang disediakan oleh kementerian di bawah pinjaman ini. Jadi, saya ingin bertanya adakah kerajaan bersedia menimbang pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia ini kepada ibu-ibu tunggal supaya diberikan terus, memandangkan mereka amat terdesak dan memerlukan pertolongan dan bantuan. Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Mengenai bantuan khas ibu tunggal, insya-Allah kita akan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap permohonan Ahli Yang Berhormat iaitu supaya mereka tidak perlu membayar balik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim ini iaitu RM20,000 diberikan kepada mereka yang layak di bawah

Skim Ibu Tunggal dan insya-Allah kita akan memberi perhatian supaya kalau dapat yang betul-betul layak ini, tidak perlu membayar balik. Terima kasih.

Mengenai sama ada pembangkang juga boleh menerima bantuan ini, saya ingin membaca, Yang Berhormat ya. Kita Kerajaan Barisan Nasional ini begitu prihatin khasnya kepada mereka yang miskin. Tetapi minta-mintalah mereka yang miskin ini tahulah juga berterima kasih dan bersyukur. Jadi, daripada per objektif Amanah Ikhtiar Malaysia iaitu tujuannya ialah untuk mengurangkan kemiskinan di Malaysia melalui pembiayaan Ikhtiar kepada isi rumah miskin luar bandar bagi menjalankan pelbagai kegiatan untuk menambahkan pendapatan tanpa mengira bangsa, agama, jantina dan fahaman politik. Tengok, begitu liberal dan open-minded Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah masa kita untuk k Soal Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 10 dan 13 hingga 67 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) 2001****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah., “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[26 Julai 2001]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya meminta Yang Berhormat bagi Arau menyambung ucapan.

11.08 pagi

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya yang berakhir pada hari Khamis yang lalu. Pada minggu lalu saya telah menyentuh beberapa isu yang berkaitan dengan wanita dalam perkhidmatan awam semasa membahaskan Rang Undang-undang Pencen (Pindaan).

Saya telah menyentuh mengenai gangguan seksual di tempat kerja. Isu ini adalah isu yang jarang diperkatakan secara terbuka, walaupun kehadirannya dalam pekerjaan tidak dapat dinafikan. Mengikut satu kajian oleh pensyarah-pensyarah di Universiti Utara Malaysia, penemuan-penemuan yang dikesan menunjukkan isu gangguan seksual di tempat kerja perlu diberi perhatian. Daripada empat jenis gangguan seksual iaitu fizikal, verbal, bukan verbal dan visual gangguan yang paling serius ialah dalam bentuk fizikal.

Daripada kajian yang dilaksanakan oleh kumpulan pensyarah UUM didapati daripada sampling kajian yang dibuat penemuannya adalah seperti berikut:-

Perbuatan-perbuatan yang dianggap sebagai gangguan seksual iaitu daripada kajian dibuat didapati perlakuan menuntut habuan seks secara desakan ataupun ancaman sebanyak 79%. Cubaan memaksa secara fizikal ataupun melakukan hubungan seks 79%.

Gangguan seperti ciuman, pelukan – 73%. Ini Tuan Yang di-Pertua, peratusan-peratusan yang menunjukkan keadaan ini tinggi tetapi tidak pernah ataupun jarang disebutkan kerana kita dalam masyarakat Malaysia terutamanya bagi orang-orang Melayu, memang kita jarang ingin menyentuh perkara-perkara yang begini.

Menyentuh bahagian sulit – badan – 72%. Cubaan memaksa teman wanita secara lisan untuk melakukan hubungan seks – 72%. Dan membayangkan janji, hadiah, layanan baik jika diberi kerjasama dalam bentuk seks – 68%.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang saya sebutkan tadi menunjukkan bahawa kita harus memberi perhatian yang serius kepada gangguan seksual di tempat kerja dalam perkhidmatan awam. Kajian ini dilakukan di dalam agensi-agensi kerajaan dalam perkhidmatan awam.

Kalau kita melihat siapa yang mengganggu, ramai yang mengganggu adalah rakan sekerja – 46%; orang luar daripada organisasi – 15%; pekerja bawahan – 11% dan ketua-ketua jabatan – 8.7%. Yang ada dalam Dewan ini kebanyakannya ketua-ketua jabatan ini tidak besar, yang besarnya ialah rakan sekerja iaitu orang bawahan yang bekerja bersama-sama dengan rakan-rakan wanita yang bekerja di jabatan.

Jika dilihat kenapa perkara ini tidak begitu tersebar dan tidak diambil tindakan secara meluas. Kajian menunjukkan bahawa apabila kompelin ataupun apabila ada pekerja-pekerja yang membuat kompelin, tidak ada tindakan yang diambil. Ini didapati sebanyak 52%. Dan juga pihak-pihak yang membuat rayuan ataupun yang mengetengahkan gangguan seksual ini mendapati ia akan ditimpa masalah yang lebih besar sebanyak 47%. Rakan-rakan juga ramai yang menasihatkan supaya jangan diambil tindakan, 33% daripada rakan-rakan daripada penjawab soalan ini mengatakan bahawa ramai daripada rakan-rakan mereka menasihatkan jangan dibawa perkara ini ke tengah kerana perkara ini susah untuk diselesaikan.

Begitu juga dari segi pihak pengurusan, mengikut kajian pengurusan juga menasihatkan pekerja-pekerja sebanyak 30% supaya perkara ini tidak diketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat, apakah effect daripada gangguan seksual yang berlaku kepada pekerja-pekerja wanita dalam perkhidmatan awam. Gangguan seksual ini akan membuatkan pekerja berkenaan cuba mengelak untuk berjumpa dengan pihak yang mengganggu. Ini akan mengganggu urusan kerja beliau. Beliau juga lebih suka berusaha untuk menukar tempat kerja. Ini bererti bahawa pekerja-pekerja yang terlibat tidak dapat menumpukan kepada tugas ataupun kepada kerja yang sepatutnya mereka lakukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat dari Arau, sekarang kita sedang membincangkan Rang Undang-undang Pencen. Apa pendapat Yang Berhormat Arau sekiranya ada berlakunya gangguan seksual dalam perkhidmatan awam, panggillah mereka yang terlibat dalam perkhidmatan ini supaya mereka dipencenkan. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya membahaskan perkara ini pun dalam ucapan saya minggu lepas menyebutkan bahawa kita kerugian tenaga apabila ada wanita yang membuat pilihan berhenti daripada bekerja. Bagi wanita-wanita ini sebelum umur 40 tahun mereka tidak dapat memohon untuk mendapatkan pencen kerana pencen awal bagi negara kita cuma diberi setelah umur 40 tahun.

Maknanya mereka akan meninggalkan kerja mereka dan bagi wanita-wanita yang telah pun dilatih, mempunyai latihan-latihan profesional, ini merupakan kerugian kepada negara, sebab itulah saya mengemukakan perkara ini dalam Dewan ini untuk diberi perhatian oleh pihak kementerian.

Saya tadi menyebutkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pokok Sena.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sekejap! Minta maaf Yang Berhormat, saya belum lagi boleh memberi jalan.

Saya tadi juga menyebutkan bahawa apa yang berlaku ini bukan sahaja setakat pekerja wanita berusaha untuk menukar tempat kerja, tetapi prestasi kerja juga akan berkurangan kerana mereka tidak dapat menumpukan perhatian kepada pekerjaan. Di samping itu mereka akan tertekan, akan mendapat gangguan emosi, seperti terperanjat, marah, kecewa, malu, geram dan mengakibatkan hubungan sosial yang tidak sempurna di jabatan.

Dari segi reaksi fizikal, jika berlaku gangguan seksual ini di tempat kerja, ia akan menghasilkan reaksi fizikal seperti sakit kepala, tidak boleh tidur, letih, susah bernafas, dan pelbagai lagi gangguan kesihatan yang mungkin kalau dilihat secara umum tidak dapat dikesan bahawa ia adalah hasil daripada gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat dari Arau. Berkaitan dengan soal gangguan seksual ini, saya bersetuju bahawa ada pihak-pihak tertentu yang menghalang daripada

wanita-wanita yang diganggu untuk membuat laporan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa gangguan ini juga kadang-kadang ada kaitan ataupun halangan-halangan untuk report itu dibuat dan tindakan dibuat, tindakan diambil ke atas mereka ini juga ada kaitan dengan soal campur tangan politik.

Saya hendak tunjuk satu contoh, kes yang berlaku di UNISEL, Universiti Industri Selangor, milik penuh Kerajaan Negeri Selangor. Ada report sehingga membawa kepada report polis dan sebelum daripada report polis itu, pegawai-pegawai tertinggi di situ telah membuat satu report kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor, kepada pihak Menteri Besar supaya mengambil tindakan ke atas pegawai tinggi tertentu, saya tak hendak sebut nama dan jawatannya di dalam UNISEL tersebut.

Tetapi akhirnya tidak ada sebarang tindakan dibuat sehingga memaksa satu report polis dibuat oleh abang kepada seorang pekerja wanita yang terlibat dalam gangguan seksual ini. Ini pun polis tidak mengambil apa-apa tindakan kerana di sana ada gangguan politik sehingga membawa kepada Naib Chanselor Universiti Industri ini, Datuk Kamarudin Kaja, telah ditarik kuasanya, walaupun dia masih kekal sebagai Naib Chanselor tetapi dia tidak ada kuasa untuk menjalankan pengurusan dan pentadbiran tersebut dan kuasa Naib Chanselor itu diberi kepada Timbalan Menteri Besar Selangor sekarang. Ini menunjukkan bahawa ada campur tangan politik dalam kes-kes seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau bolehkah kita tumpukan perbincangan kita kepada akta pindaan, dan bukan Akta induk?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak menyentuh sedikit sahaja lagi, tetapi hendak menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Saya tidak bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebutkan. PAS ini selalu ambil kesempatan. Apa sahaja yang berlaku selalunya dikaitkan dengan tindakan politik. Gangguan seksual ini sebenarnya adalah soal peribadi. Peribadi seseorang, tidak kira dia dalam kedudukan politik yang mana, tetapi ini adalah soal sikap dan peribadi seseorang. Ia tidak ada kaitan dengan politik.

Kalau hendak diperkatakan soal cara Yang Berhormat bercakap tadi seolah-olah hendak mengaitkan pihak yang berkuasa iaitu parti yang berkuasa. Kalau dilihat dari segi itu, sebenarnya Pergerakan Wanita UMNO dan juga Yang Berhormat

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, inilah perjuangan kita sebenarnya, kita memperjuangkan supaya wanita di negara kita diberi peluang bekerja dan wanita di negara kita dilindungi dan memudahkan mereka memberi perkhidmatan kepada negara dan mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Ini sebenarnya yang kita lakukan pada hari ini, dan ia patut diberikan pengiktirafan dan kredit kepada perjuangan politik kepimpinan wanita di negara kita. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya akhirnya dalam hal ini, saya ingin menyentuh mengenai peraturan-peraturan undang-undang yang ada di negara kita secara ringkas iaitu kalau kita melihat peruntukan mengenai gangguan seksual ini, kita ada peruntukan Seksyen 503 dan Seksyen 354 di bawah Kanun Keseksaan. Mengikut peruntukan ini ia berbunyi: "*Barang siapa dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan*"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Pilah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, silakan.

Datuk Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahuilah Yang Berhormat, tadi disebut mengatakan gangguan seksual ini adalah suatu perkara peribadi yakni gangguan peribadi. Bagaimana pula ada sesetengah menteri besar itu, yang tidak beri wanita bekerja kerana wanita itu lawa, atau cantik. Bukankah ini merugikan negara, kalau wanita tidak dapat berkhidmat untuk membangunkan negara oleh kerana rupanya. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Pilah. Ini sebenarnya diskriminasi gender berlaku. Kalau sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, kalau cantik, kalau lawa tak bekerja, saya rasa itu bukan isu yang sepatutnya ditimbulkan, bukan kerana cantik dan lawa itu disimpan di rumah, tetapi kita harus mendidik masyarakat kita supaya menghargai kecantikan itu sebagai satu anugerah Allah dan kita menghargai keupayaan dan kebolehan wanita itu bekerja, yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Ini yang kita lakukan hari ini dan sebahagian daripada wanita memberi sumbangan kepada negara kerana sebahagian daripada penduduk negara kita adalah wanita. Ini telah membawa suatu pencapaian yang baik bagi negara kita. Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Pilah.

Saya hendak menyambung tadi, kalau kita lihat daripada Seksyen 509 Kanun Keseksaan, mengikut peruntukan ini ia berbunyi: "*Barang siapa dengan maksud*

hendak mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda dengan maksud supaya perkataan ataupun bunyi itu didengar atau supaya isyarat atau nada itu dilihat oleh seseorang itu atau mengganggu kesantunan seseorang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya sekali."

Di bawah seksyen ini gangguan seksual yang melibatkan perkataan bunyi, isyarat atau perlakuan menunjukkan benda-benda yang mengaibkan sahaja yang disifatkan sebagai jenayah di bawah Seksyen 509. Perlakuan fizikal seperti meraba, mencium, menggesel, memegang atau seumpamanya tidak boleh didakwa di bawah peruntukan ini.

Bagi Seksyen 354 Kanun Keseksaan mengikut seksyen ini ia berbunyi: *"Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah pada mana-mana orang dengan maksud hendak mencabul atau dengan mengetahui mungkin bahawa ia akan dengan jalan demikian itu akan mencabul kehormatan orang itu hendaklah diseksa, dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun atau dengan denda atau dengan sebat atau mana-mana kedua-dua daripada seksaan-seksaan itu."*

Peruntukan ini memerlukan kepada elemen penting untuk didakwa iaitu pertamanya iaitu niat untuk mencabul kehormatan dan kedua mesti ada unsur serangan atau kekerasan jenayah. Jika tidak ada unsur serangan atau kekerasan, maka kesalahan itu di bawah seksyen ini susah untuk dibuktikan.

Seterusnya seksyen ini juga tidak merujuk kepada gangguan seksual. Ia hanya menggunakan "mencabul kehormatan". Apakah jika individu melakukan gangguan seksual tanpa kekerasan boleh dilepaskan ataupun tingkah laku individu itu termaktub sebagai gangguan seksual. Kesimpulannya jenayah gangguan seksual tidak boleh dilihat mengikut niat seseorang itu sahaja seperti dalam Kanun Keseksaan. Apa yang lebih penting jika perlakuan seseorang itu membuat seseorang individu rasa terganggu walaupun pengganggu tidak berniat untuk menjatuhkan maruah atau mengaibkan kehormatan sepatutnya diambil kira sebagai satu kesalahan jenayah yang boleh dihukum menurut undang-undang. Dengan itu peruntukan Seksyen 509 dan 354 perlu dipinda dengan lebih jelas memasukkan perkataan gangguan seksual.

Dalam Perintah Am bab D, secara khusus untuk pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam, dalam Perintah Awam bab D yang digunakan untuk kedua-dua dalam sektor awam ialah dinyatakan sebagai seseorang pekerja tidak boleh berkelakuan sedemikian cara sehingga menjatuhkan imej organisasi, ini terlalu umum kenyataan ini. Masalah yang terdapat dalam kenyataan ini ialah ia tidak memberi secara terperinci apa yang dimaksudkan sebagai sedemikian cara. Ini menimbulkan kekeliruan dalam mentafsirkan tingkah laku yang terjumlah dalam gangguan seksual.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada Akta Pencen 1980. Jika kita lihat dalam Akta Pencen 1990, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada perkara yang menyebutkan tertakluk kepada Seksyen 16 Pencen Terbitan yang diberi dalam hal-hal keadaan Subseksyen 4 hendaklah kena dibayar selama tempoh tidak melebihi 12½ tahun sebaik sahaja berikht tarikh kerratian pegawai itu dan selepas itu penerima itu dengan syarat, dia adalah pemastautin di Malaysia dan terus menerima 70% daripada amaun yang diberikan. Mengikut takrifan kenyataan ini bahawa mereka yang telah diberikan pencen di negara kita cuma boleh menerima pencen tersebut 100% dalam masa 12 tahun. Selepas itu cuma diberikan 70% sahaja daripada jumlah pencen. Saya berharap pada pihak kerajaan dapat mengkaji seksyen ini kerana kalau kita lihat selepas 12 tahun seseorang berpencen, ia akan melalui satu jalan yang lama dan ia akan sampai kepada satu tahap di mana keadaan kehidupan dan perbelanjaan sara hidup meningkat tinggi.

Dalam pada seseorang yang telah menerima pencen itu dipanjangkan umur oleh Allah S.W.T selepas 12 tahun dalam keadaan sara hidup yang tinggi, kita telah memotong pencennya kepada 70% sahaja. Ini saya rasa satu peraturan yang harus diberikan pertimbangan semula kerana kita dapati ramai di antara mereka yang menyuarakan kegelisahan dan juga menyuarakan rasa tidak puas hati dengan peraturan yang saya sebutkan tadi.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah saya dengar panjang lebar Yang Berhormat Arau mengatakan gangguan seksual di tempat kerja di sektor awam tetapi saya hairan pada akhirnya beliau tidak memberi cadangan untuk selain daripada meminda Kanun Keseksaan, Penal Code tetapi tidak

mencadangkan bahawa pihak kerajaan supaya menerima pakai Kod Amalan Mencegah Gangguan Seksual di Tempat Kerja yang telah dikemukakan oleh kerajaan sendiri untuk sektor swasta tetapi sektor awam tidak diterima pakai. Mengapa tidak mencadangkan supaya kerajaan menerima pakai di sektor sendiri? Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat lebih awal lagi daripada apa yang telah saya sebutkan tadi, saya memang ingin di akhir jawapan saya mencadangkan Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Yang Berhormat telah mengemukakan dengan lebih awal dan memang itulah sebenarnya yang ingin saya cadangkan dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian akan menggunakan Kod Amalan Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Saya ada satu tulisan daripada pihak Kementerian Sumber Manusia. Mengapakah kod amalan ini tidak digunakan? Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang saya rasa memang walaupun kita dalam parti yang berlainan tetapi dalam soal wanita ini nampaknya pembangkang pun menyokong kita Barisan Nasional dalam memperjuangkan hak-hak wanita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan di sini iaitu dalam Akta Pencen 1980 Seksyen 12, di sini menyebutkan Tuan Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan pegawai lain daripada pegawai-pegawai negeri atau pihak berkuat kuasa negeri berkenaan dengan pegawai negeri boleh atas permohonan pegawai itu memberi tujuan tentang persaraan seorang pegawai apabila atau setelah dia mencapai umur 45 tahun bagi;

- (i) seorang wanita (pegawai perempuan)
- (ii) seorang pegawai perkhidmatan bomba yang berpangkat pegawai rendah dan ke bawah
- (iii) seorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Penolong Penguasa Polis
- (iv) seorang pegawai penjara yang berpangkat rendah daripada Penguasa
- (v) seorang jururawat lelaki di hospital sakit otak.

(b) 50 tahun bagi pegawai lelaki lain daripada pegawai-pegawai (ii-iv)).

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat daripada sini, ada satu diskriminasi kepada pegawai wanita. Saya melihat di dalam seksyen ini, pegawai wanita tarafnya diletakkan sama dengan pegawai perkhidmatan bomba berpangkat pegawai rendah, pegawai polis berpangkat rendah, seorang pegawai penjara berpangkat rendah, seorang jururawat lelaki di hospital sakit otak tetapi lelaki dalam definisi yang lain. Kenapa ada *discriminate* dalam soal itu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian dan yang akhirnya Seksyen 16 mengenai Pencen Terbitan yang disebutkan di sini pencen....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Larut bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan pencen pilihan ini kerana kita tahu apabila pencen ini ditambah kepada pencen sebenar 55 tahun walaupun ada pilihan. Pertama kita minta kerajaan kaji balik supaya mereka sudah hendak pencen sebelum Oktober ini tiba-tiba kena sambung umur 56 tahun itu setahun lagi. Mereka sudah rancang macam-macam, ada setengah itu mungkin ada penyakit dan sebagainya tiba-tiba macam katakan tadi, umur dia tidak sampai kepada 56 tahun. Jadi kita minta kerajaan supaya mengkaji perkara ini supaya digenapkan tempoh pencen ini supaya mereka dapat pencen penuh sebab sebelum Oktober ini mereka sudah rancang dengan keluarga dan sebagainya untuk berpencen. Tiba-tiba disambung setahun lagi, tidak sampai; mungkin sehari, dua hari atau tiga empat bulan lagi tidak cukup 56 tahun dan mereka mungkin ditakdirkan meninggal dunia. Kita minta kerajaan kaji balik perkara ini supaya pencen mereka digenapkan sepenuhnya, itu satu.

Keduanya, peluang untuk kenaikan pangkat umpamanya jawatan-jawatan penting yang tidak banyak seperti ketua pengarah. Ada pegawai di bawah sudah nampak bahawa bos itu hendak pencen, tiba-tiba pencen itu dilanjutkan, ini akan menutup peluang kepada pegawai yang menunggu untuk mengisi kekosongan kerusi tersebut dan kalau demikian, kita minta kerajaan mengkaji balik perkara ini supaya tidak timbul kekecewaan kerana kita tahu ramai yang berpencen yang setelah tamat perkhidmatan yang menyokong pembangkang. Jadi kita tidak mahu supaya timbul kekecewaan, salah tafsir berhubung dengan soal pencen ini.

Saya juga ingin minta penjelasan Yang Berhormat setuju atau tidak, kita minta kerajaan kaji balik Akta Pencen yang mana wakil-wakil rakyat yang pencen muda ini, sebelum umur 50 tahun ditakdirkan mereka tidak lagi dipilih sebagai calon menunggu umur 50 tahun ke atas baru mendapat kelayakan pencen. Ini pun ditakdirkan juga kalau berlaku sebab mereka yang bertanding selepas pilihan raya tahun 1990 hanya layak mendapat pencen selepas mereka mencecah usia 50 tahun ke atas. Jadi bayangkan, kalau kelayakan menjadi calon wakil rakyat 21 tahun tiba-tiba pencen pada umur 40 tahun, mereka kena tunggu lagi 10 atau 15 tahun untuk mendapat pencen kelayakan ini. Jadi saya minta supaya kerajaan kaji balik perkara ini supaya ianya tidak menjejaskan jentera dan perkhidmatan kerajaan kerana kita tahu bahawa setakat hari ini perkhidmatan dan sumbangan pegawai kerajaan adalah amat baik. Cuma kita bimbang kerana kelonggaran beberapa aspek pencen ini boleh menimbulkan masalah-masalah kemudian. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut atas pandangan-pandangan yang dikemukakan tadi. Bagi pegawai-pegawai yang akan mencecah umur 55 tahun, saya rasa ini terpulang kepada pihak kementerian tetapi apa yang saya difahamkan bahawa akan diberikan pilihan kepada mereka sama ada mereka hendak menerima atau hendak berpencen.

Saya bersetuju dengan beberapa perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi termasuklah mengkaji semula umur wakil-wakil rakyat menerima pencen. Buat masa sekarang ini, umur wakil-wakil rakyat yang berjawatan cuma boleh mendapat pencen setelah berumur 50 tahun. Ini sebenarnya menjadikan keadaan politik kita menjadi tidak sihat kerana bagi mereka yang merasakan bahawa mereka masih muda, belum lagi sampai masa berpencen tentulah kalau dapat mereka hendak mengekalkan kedudukan mereka kerana masa berpencen itu masih panjang, sudah tentu sesetengah daripada mereka mempunyai tanggungan, anak dan sebagainya yang masih belajar dan ini tidak adil sebenarnya bagi mereka sedangkan pegawai-pegawai kerajaan kita boleh mengambil *optional*, 40 tahun boleh mengambil *optional* untuk mendapat pencen lebih awal.

Bagi pegawai-pegawai kerajaan yang berpencen yang menentang kerajaan, saya dalam ucapan saya pada minggu lepas, saya hendak menyebutkan sekali lagi, kadang-kadang kita tidak sedar bahawa walaupun pegawai-pegawai perkhidmatan awam telah berpencen tetapi kita mendapat gaji dan juga kita mendapat ganjaran yang begitu besar daripada kerajaan tanpa kita ada apa-apa tanggungjawab kepada

kerajaan sebab kita sudah berpencen. Kalau kita tengok di sini, Pekerja Rendah Awam - R11. Kalau gaji terakhirnya RM752 ia akan mendapat ganjaran RM16,929 sekiranya dia telah memberikan perkhidmatan selama 25 tahun dan pencen dalam masa 20 tahun sebanyak RM90,288 dengan jumlah RM107,217, ini yang diterima walaupun dia berpencen selepas 20 tahun dia berpencen. Bagi pembantu tadbir yang menerima gaji RM1502,60, dia mendapat ganjaran RM33,808.50 dan pencen selama 20 tahun sebanyak RM180,312 berjumlah RM214,120. Tambahan pula bagi kakitangan kerajaan yang berpangkat besar. Kita ambil jawatan utama - gaji RM6,622 ia mendapat ganjaran RM148,995 dan pencen dalam masa 20 tahun sebanyak RM794,640 lebih daripada setengah milion dan jumlah semua RM943,635 - hampir RM1 milion ditanggung oleh kerajaan selepas pencen. Kalau kita menyedari hakikat ini Yang Berhormat, saya rasa sepatutnya tidak berlakukan apa Yang Berhormat sebutkan tadi penentangan dan sebagainya, bukan dalam soal memberi sokongan tetapi memberi sokongan kepada program, projek dan usaha kerajaan untuk membangunkan negara.

Adalah amat malang bagi mereka yang telah pun bersama-sama dengan kerajaan dalam membangunkan negara ini akhirnya terpengaruh dengan fitnah dan juga dengan maklumat-maklumat yang tidak tepat, akhirnya menentang kita, ini juga satu pembaziran.

Saya juga ingin mencadangkan kementerian supaya perkara ini diumumkan secara terbuka kerana ramai di antara orang yang berpencen tidak sedar bahawa mereka yang dapat kemudahan dan kewangan yang begitu besar dan mungkin kerajaan boleh memikirkan supaya mereka ini dapat digunakan tenaga mereka kerana jangka hayat rakyat Malaysia sekarang ini telahpun meningkat - wanita sampai 75 tahun, lelaki - 70 tahun, ini satu jangka hayat yang panjang dan mereka masih lagi kita dapati sihat, mereka boleh menjalankan kegiatan-kegiatan kebajikan dalam badan-badan kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balik kepada apa yang saya sebutkan tadi, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam soal wanita tadi, kita lihat Seksyen 12 ini nampak ada diskriminasi antara wanita dengan lelaki sedangkan umur wanita sekarang ini lebih panjang daripada umur lelaki. Saya membuat kajian kepada penglibatan pegawai-pegawai di peringkat perkhidmatan awam, kita dapati pegawai-pegawai wanita sekarang ini telahpun

meningkat bilangannya di dalam jawatan-jawatan sama ada di peringkat atas dan juga di peringkat-peringkat yang lain.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pencen terbitan dan lain-lain faedah yang diberikan di bawah Akta ini yang disebutkan Perkara 16 hendaklah terhenti jika penerima pencen itu ialah seorang balu apabila ia berkahwin semula. Jika penerima pencen ini ialah seorang anak yang cacat otak atau tidak berkeupayaan daripada segi jasmani. Di dalam perkara yang pertama tadi kita faham bahawa dalam peraturan pencen, sekiranya wanita itu berkahwin, suaminya meninggal, dia mendapat pencen tetapi apabila dia membuat keputusan untuk berkahwin, pencen itu akan luput dengan sendirinya kecuali kalau dia mempunyai anak yang berumur kurang daripada 21 tahun.

Peraturan ini adalah merupakan satu diskriminasi bagi wanita dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apa yang berlaku kepada suami, sekiranya isterinya meninggal? Adakah dia juga mendapat pencen? Saya difahamkan kalau seorang suami, isteri meninggal, dia juga dapat pencen. Apa hal kalau dia mempunyai empat orang isteri? Adakah dia akan mendapat pencen? Semua dapat empat pencen. Ini akan mengakibatkan undang-undang ini akan membuatkan seorang lelaki yang tidak bertanggungjawab mungkin akan jadikan sebagai satu komersial. Dia boleh berkahwin empat dan dapat empat pencen. *[Ketawa]*

Ini satu peraturan yang saya rasa perlu dikaji dan bagi wanita yang kematian suami, saya ada satu kes yang berlaku di Perlis, seorang wanita yang mana suaminya adalah Pengarah sebuah jabatan, meninggal. Dia tidak mempunyai anak, dia berkahwin tetapi, setelah dua tahun berkahwin, oleh kerana mungkin jodohnya tidak panjang dan juga mungkin suami tidak sesuai, mendapat suami yang tidak sesuai dalam kehidupan mereka, tidak dapat jodoh yang panjang, dia telah bercerai dan akhirnya, dia kehilangan pencen, dia kehilangan suami yang kedua dan kehidupannya amat melarat. Ini amat menyedihkan kita kerana peraturan di sini telah menentukan supaya peraturan ini menyebutkan "*seorang balu apabila berkahwin semula, pencennya akan hilang*".

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah alasan yang kukuh yang menyebabkan peraturan ini wujud di negara kita dan saya merasakan ia adalah satu diskriminasi, bak kata Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, *service already done*, sudah buat dah. Kita dapat pencen, tetapi bila bagi pihak lelaki, maknanya pencennya akan berterusan. Saya tidak tahulah kalau lelaki, kalau dia berkahwin,

adakah dengan perkahwinan itu akan membatalkan pencennya? Sebab bagi pihak lelaki, susah kita hendak mendefinisikan perkahwinan. Dia boleh berkahwin satu, dua, tiga dalam masa yang serentak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang ingin saya bahaskan dalam meminda Akta Pencen ini dan saya turut menyokong usaha-usaha kerajaan untuk meminda Akta Pencen ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pokok Sena. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mintalah perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 36(1), iaitu hendaklah berucap di atas rang undang-undang pindaan ini sahaja. Janganlah bercakap berkenaan dengan rang undang-undang induk yang tidak bersangkutan-paut dengan undang-undang pindaan ini. Ya, sila, sila.

11.38 tgh.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang, kesempatan untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Pencen ini iaitu untuk melanjutkan umur persaraan wajib daripada umur mencecah 55 tahun kepada umur mencecah 56 tahun.

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telahpun memberikan dalam pembentangan ini asas-asas lanjutan umur persaraan ini. Antara lainnya ialah disebut bahawa asas-asas lanjutan umur persaraan ini ialah kerana peningkatan taraf kesihatan dan kenaikan jangka hayat penduduk Malaysia, bermakna sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Arau tadi, wanita sampai sekarang ini sudah 75 tahun, lelaki 70 tahun dan ada sampai 76 tahun masih boleh kerja kuat lagi dan juga asas-asas yang lain ialah kerana untuk mengekalkan kepakaran dan juga kemahiran pegawai-pegawai yang terlatih serta untuk menjimatkan kos latihan yang akan dibuat ke atas pegawai-pegawai baru yang akan diambil.

Kemudiannya juga ialah penjimatan pembayaran pencen dan penangguhan pembayaran ganjaran. Ini merupakan asas-asas untuk kerajaan mengambil tindakan-tindakan untuk memastikan supaya lanjutan umur persaraan ini dibuat. Bagi saya, bahawa asas ini, saya kira cukup kuat untuk kerajaan bukan sahaja untuk melanjutkan umur persaraan itu daripada umur mencecah 55 tahun kepada umur mencecah 56 tahun. Kalau betul-betul kita ingin mengambil soal manfaat daripada pengalaman, kemahiran pegawai-pegawai yang terlatih ini, serta untuk

mengurangkan kos latihan dan juga kos pembayaran pencen, sepatutnya bagi saya bahawa bukannya perlanjutan umur ini kepada umur mencecah 55 tahun kepada 56 tahun. Bermakna, bahawa hanya dalam tempoh satu tahun, apakah pengalaman itu kita hendak memanfaatkan pengalaman orang yang sudah lama bekerja dengan latihan yang cukup baik dan sebagainya hanya sekadar untuk satu tahun kita memanfaatkan untuk sektor perkhidmatan awam? Sebab itu, bagi saya bahawa bukannya perlanjutan umur ini kepada 56 tahun sebab asas yang diberikan oleh kerajaan sudah cukup kukuh dan bersesuaian dengan permintaan daripada pihak Kesatuan Sekerja, CUEPAC untuk melanjutkan umur persaraan itu kepada 58 tahun dan ada juga cadangan sebelum itu untuk melanjutkan umur persaraan kepada 60 tahun. Sebabnya, kalau kita melihat umur persaraan sepertimana yang disebutkan oleh rakan-rakan yang lain bahawa, walaupun kita telah meninggalkan Brunei yang masih kekal pada umur mencecah 55 tahun, tetapi kita masih ketinggalan daripada negara-negara lain, di negara-negara ASEAN.

Umpamanya, seperti Singapura 60 tahun, Filipina 60 tahun, Thailand 60 tahun, Vietnam 60 tahun untuk lelaki, 55 tahun untuk wanita. Ini maknanya, kita masih lagi ketinggalan dan hujah kita mengatakan bahawa jangka hayat kita telah meningkat, maka kita perlu meningkatkan umur persaraan. Sedangkan pada tahun 1961 sehingga 1968, umur pencen wajib pada waktu itu di negara kita ialah umur 60 tahun. Sedangkan pada waktu itu, jangka hayat kita tidak seperti sekarang. Jangka hayat pada waktu itu, lebih rendah daripada jangka hayat sekarang tetapi umur pencen persaraan wajib bagi kakitangan perkhidmatan awam pada waktu itu daripada tahun 1961 sehingga 1968, kita boleh sampai kepada umur 60 tahun.

Tiba-tiba, waktu kita mengatakan bahawa jangka hayat kita sudah pun melebihi daripada sebelum ini, tiba-tiba kita mengekalkan umur pencen itu ataupun menambah dalam keadaan kadar yang terlalu sedikit. Ini seolah-olah maknanya, kita sendiri tidak konsisten terhadap asas-asas alasan yang kita telah kita berikan. Kita sendiri tidak mempercayai bahawa asas-asas yang kita berikan sebagai satu asas yang munasabah untuk melanjutkan umur pencen kepada kakitangan awam. Sebab, bagi saya ialah bahawa kalau seorang Perdana Menteri, berumur 76 tahun boleh bekerja dengan begitu kuat, takkanlah seorang kakitangan perkhidmatan awam ini tidak boleh diberikan had umur yang lebih daripada 56 tahun.

Saya pun tidak bersetuju kalau kakitangan awam sampai 76 tahun. Sebab ini jadi liabiliti, bebanan kepada negara pula. Sampai 76 tahun, dia jadi merapu tak tahu

apa benda [*Ketawa*]. Saya pun tidak setuju. Tetapi, maknanya biar ada had umur yang munasabah. Kalau kita mengatakan bahawa berasaskan kepada jangka hayat yang sudah meningkat, maka sudah tentulah bagi saya bahawa umur 58 tahun ini dituntut oleh CUEPAC malah lebih daripada itu, kalau boleh sampai 60 tahun, adalah umur yang munasabah untuk umur persaraan wajib bagi kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian persoalan yang saya hendak sebutkan di sini bahawa, kita hendak lanjutkan umur persaraan ini kepada umur mencecah 56 tahun. Ini bermakna, bahawa kita hendakkan mereka ini bekerja lebih lama. Dalam masa yang sama, kita tidak seharusnya hendak melihat seseorang itu bekerja lebih lama dengan pengalaman yang dapat dimanfaatkan oleh kerajaan. Kalau seorang pegawai itu, pegawai yang tidak dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab, walaupun kita ada GO, *General Order* yang boleh kita ambil tindakan tata tertib ke atasnya, tetapi kadang-kadang ada persoalan-persoalan masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam ini, kerana mereka sendiri tidak dapat hendak melaksanakan tugas mereka secara yang sebebannya berasaskan kepada profesionalisme mereka sebagai pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam itu sendiri.

Saya menunjukkan contoh bagaimana seorang pegawai yang dia sepatutnya ada bidang kuasa yang bebas, tetapi dia terkongkong untuk mengambil apa-apa tindakan dan langkah-langkah akibat daripada campur tangan politik ke atas bidang tugas yang sepatutnya dilakukan. Sebab bagi saya bahawa kalau kita hendak melanjutkan tempoh persaraan mereka, tetapi dalam masa tempoh setahun itu, mereka tidak diberikan kebebasan. Apa makna pengalaman yang kita katakan, kita hendak dapat memanfaatkan untuk kepentingan negara, kepentingan perkhidmatan awam itu sendiri. Ini seolah-olah maknanya, kita tidak bersedia untuk memanfaatkan pengalaman yang ada kepada mereka.

Umpamanya, contoh bagaimana seorang bekas Ketua Pengarah BPR, dia diganggu tugas dia. Ini, dia sendiri yang menyebut secara terbuka, dilaporkan oleh pihak akhbar, Dato' Shafie Yahya sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam. Dia disebut bahawa bagaimana seorang Perdana Menteri mengganggu dia, melarang dia daripada menjalankan siasatan ke atas bekas Gabenor Bank Negara yang sebelum itu menjadi Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi Negara terhadap kes-kes rasuah yang didapati ada kemungkinan berlaku ke atas Tan Sri Ali Abol Hassan. Ini pengakuan, sebab itu bagi saya bahawa kalau orang yang sudah

ada pengalaman kerja dengan latihan yang begitu kemas kita hantar pegawai BPR ke luar negara dan sebagainya untuk menjalankan latihan, tiba-tiba mereka diganggu, disekat kebebasan mereka untuk melaksanakan tugas dan kerja mereka, saya percaya bahawa kita lanjut sampai 60, 76 tahun pun tidak jadi. Seolah-olah kita hendak melanjutkan umur mereka itu untuk memaksa mereka melindungi segala kepentingan-kepentingan, jenayah-jenayah yang berkemungkinan seperti mana yang kita lihat bahawa dilakukan oleh pemimpin-pemimpin dalam negara kita.

Jadi, oleh sebab itu, bagi saya bahawa biarlah berlanjutan umur persaraan ini benar-benar kita katakan bahawa ianya benar-benar untuk mendatangkan manfaat kepada kehidupan masyarakat, rakyat dan juga kepentingan negara. Sebab sekarang saya lihat bahawa ada gangguan-gangguan yang secara jelas. Umpamanya, dalam kes penyiasatan BPR ke atas PUNB, Permodalan Usahawan Bumiputera ke atas bon RM19 bilion yang dibawa keluar secara yang tidak berasaskan kepada undang-undang. Saya difahamkan bahawa BPR telah menjalankan penyiasatan. Seorang audit luar, Arthur Andersen pun telah membuat satu penyiasatan yang menunjukkan bahawa membuktikan bahawa ada kesalahan-kesalahan yang membuktikan pegawai-pegawai yang terlibat dalam kes bon RM19 bilion dalam kes PUNB. Tetapi sehingga sekarang, saya lihat bahawa tidak ada sebarang satu pendakwaan diambil ke atas orang-orang mereka itu walaupun BPR telah berjaya membuat satu penyiasatan. Yang kita lihat bahawa bekas Ketua Pengarah juga akhirnya ditukar untuk menjadi Pengerusi kepada Lembaga untuk orang yang kena tahan di bawah ISA ini, Lembaga.....

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Lembaga Penasihat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Lembaga Penasihat untuk orang yang ditahan di bawah ISA. Tetapi, penyiasatan-penyiasatan yang dibuat, yang disuruh diperakui bahawa pada bulan Februari yang lalu, Dato' Zaki memperakui bahawa hampir *complete* dan saya percaya bahawa sekarang ini saya difahamkan bahawa BPR telahpun *complete* penyiasatannya tetapi, tidak ada sebarang satu siasatan, satu tindakan pendakwaan yang diambil dan ini menunjukkan bahawa orang boleh mentafsir bahawa seolah-olah pegawai BPR boleh membuat satu penyiasatan tetapi akhirnya, ianya akan ditentukan oleh kepentingan-kepentingan politik. Mungkin kerana PUNB ini duduk di bawah Yayasan Pembangunan Bumiputera yang Yayasan Pembangunan Bumiputera ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri, duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Apakah kerana tindakan tidak diambil ke atas PUNB ini,

kerana untuk menjaga beberapa kepentingan yang ada hubung kait dengan Perdana Menteri sendiri?

Jadi, sebab itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa ini alasan-alasan, petunjuk-petunjuk yang menggambarkan bagaimana kita berkehendakkan supaya perlanjutan usia persaraan ini, biar benar-benar boleh dimanfaatkan oleh kepentingan negara kita, khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan awam itu sendiri.

Ada hujah daripada pihak kerajaan sendiri, Yang Berhormat sendiri yang mengatakan bahawa perlanjutan umur sehingga 58 tahun itu perlu dikaji kerana ianya akan memberikan kesan kepada kemasukan pekerja-pekerja baru dan sebagainya. Bagi saya, sepatutnya tidak timbul persoalan kemasukan pekerja-pekerja baru, peluang pekerjaan kepada orang-orang baru ataupun generasi muda. Kalau benar-benar kita mengakui negara kita ini, ekonominya berkembang, seperti mana yang disebutkan oleh kerajaan, seringkali mengakui ekonomi kita berkembang. Sepatutnya, bila ekonomi berkembang, kita mampu menyediakan pasaran kerja yang meluas, yang tidak timbul bahawa pasaran kerja itu terhad ke dalam sektor perkhidmatan awam.

Oleh sebab itu, bagi saya kalau kerajaan merasai bahawa perlanjutan umur sampai 58 tahun ini akan menyekat peluang pekerjaan, ini bermakna kerajaan mengakui bahawa perkembangan ekonomi dalam negara kita sebenarnya tidak baik dan kerajaan gagal untuk menyediakan peluang pekerjaan secara yang lebih meluas kepada golongan muda dalam negara kita.

Jadi, oleh sebab itu, bagi saya bahawa kalau benar kerajaan telah berjaya memacu ekonomi kita berkembang secara baik dan menyediakan peluang pekerjaan yang baik, bukan sahaja di sektor awam termasuk di sektor swasta, maka saya percaya bahawa tidak timbul masalah untuk membolehkan kita melanjutkan usia persaraan ataupun pencen kepada umur 58 tahun ataupun kepada umur 60 tahun.

Perkara yang seterusnya yang saya hendak sebut di sini ialah yang berkaitan dengan soal pencen itu sendiri. Sebab, apabila sudah pencen, cukup umur sampai 56 tahun, yang kita harapkan bahawa mereka telah memberikan khidmat secara yang baik untuk perkhidmatan awam ini. Saya juga meminta pihak kerajaan untuk mengkaji supaya pencen untuk kakitangan perkhidmatan awam ini mestilah tidak di bawah paras kemiskinan. Jumlah pencen yang akan diperolehi oleh seorang pegawai dan kakitangan awam itu, tidak di bawah paras kemiskinan.

Apa yang saya melihat dan saya percaya bahawa rekod yang ada khususnya orang-orang yang pencen terdahulu daripada waktu skim gaji yang ada sekarang ini kebanyakan mereka ialah penerimaan pencen di bawah paras kemiskinan. Terdapat dalam negara kita seperti mana disebut oleh Arau bahawa seorang pekerja peringkat rendah bergaji akhirnya RM700 lebih. Ini bermakna bahawa kalau gaji akhirnya atau gaji pada umur persaraannya ialah RM700 lebih ini bermakna penerimaan pencennya di bawah paras kemiskinan. Dan sudah tentulah ini tidak membantu untuk mereka ini membina dan membangunkan kehidupan keluarga yang lebih selesa dalam negara kita. Maka sudah tentulah kalaulah pula paras kemiskinan itu dipertingkatkan maka saya percaya bahawa mungkin orang yang bergaji RM1,500 pada waktu dia pencen maka sudah tentu dia juga akan berada di bawah paras kemiskinan.

Jadi oleh sebab itu bagi saya skim gaji dan skim pencen ini harus diselaraskan dan dikaji supaya memastikan pencen yang akan diterima oleh pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam termasuk juga mereka yang duduk dalam pasukan keselamatan, angkatan tentera dan juga polis - walaupun mereka ini bukan di bawah perkhidmatan awam ada satu skim yang lain - tetapi kita mengharapkan bahawa pencen ini mestilah pencen yang membolehkan mereka menerima imbuhan pencen itu ataupun pendapatan bulanan mereka itu mengatasi melebihi daripada paras kemiskinan. Umpamanya kalau kita boleh berikan sekurang-kurangnya RM600 ataupun mana yang lebih kepada pegawai dan kakitangan kerajaan perkhidmatan awam.

Yang akhirnya juga saya hendak sebut di sini ialah berkaitan dengan soal untuk memastikan supaya wang pencen ini tidak disalahgunakan untuk kepentingan bail out mana-mana syarikat yang terdapat dalam negara kita. Saya tidak mengatakan bahawa KWAP (Kumpulan Wang Amanah Pencen) ini tidak boleh buat pelaburan dan sebagainya untuk mencari penambahan untuk memperkukuhkan dana Kumpulan Wang Amanah Pencen ini tetapi biarlah ada kemunasabahannya daripada hendak melabur di dalam syarikat-syarikat atau hendak beli syer kepada syarikat-syarikat yang memang sudah terbukti mengalami masalah, mendatangkan masalah dan membebankan masyarakat dan rakyat. Akhirnya pekerja-pekerja yang bersara ini khususnya pesara-pesara pencen ini seolah-olah kita membebankan mereka menanggung biawak hidup di tengah belakang mereka. Ini yang berlaku dalam negara kita.

Bagaimana Kumpulan Wang Amanah Pencen digunakan untuk menyelamatkan Time dotCom dan juga untuk menyelamatkan Sistem Penerbangan Malaysia. Semua kita tahu bahawa ini merupakan orang-orang yang membuat masalah tidak diambil tindakan akhirnya ditanggung oleh orang yang telah memberikan khidmat yang begitu cemerlang kepada negara kita. Kita dibebankan oleh mereka secara tidak langsungnya. Sekarang kita hendak menyelamatkan UEM dengan bebanan hutang seperti yang disebut oleh Menteri Kerja Raya, mengatakan bahawa bebanan hutang UEM ditanggung sebanyak RM22 bilion. RM22 bilion terpaksa ditanggung oleh pegawai, kakitangan perkhidmatan awam, orang yang pencen, dan seluruh rakyat dalam negara. Kita terpaksa menanggung hutang yang dibuat oleh pihak swasta yang dipindah menjadi hutang awam. Hutang yang dibuat oleh pihak swasta dipindah menjadi hutang awam yang kita semua terpaksa menanggung bebanan ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Kerajaan sangat-sangat berbangga kononnya dengan segala kejayaan penswastaan yang telah dijalankan oleh kerajaan. Seingatan Yang Berhormat, mana ada lagi penswastaan kerajaan yang masih berjaya kerana yang lain semua sudah kena bail out. Apa lagi yang tinggal yang hendak didakwa kata dasar penswastaan negara berjaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu tidak termasuk dalam peraturan mesyuarat 36 (1) itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, tetapi ia termasuk dalam penggunaan wang Kumpulan Wang Amanah Pencen. Wang orang-orang yang hendak bersara yang akan bersara.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara yang ada di depan ini ialah hendak melanjutkan masa...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, memang saya pun dok bercakap bab-bab itu, Tun. Sudah hendak habis. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Memang kita lihat bahawa tidak ada satu penswastaan yang boleh dibanggakan oleh pihak kerajaan. Cuma yang saya percaya bahawa yang boleh dibanggakan oleh pihak kerajaan bahawa satu-satunya negara di dunia yang dasar penswastaannya dijamin untung, dalam dunia ini satu-satunya negara ialah Malaysia. Negeri lain tidak ada. Penswastaan ini adalah business iaitu niaga. Untung Alhamdulillah, rugi tanggung sendiri. Tetapi Malaysialah satu-satunya negara di dunia ini yang jamin

bahawa penswastaan dijamin untung. Kalau rugi kerajaan ambil. Inilah maksud dijamin untung. Kalau rugi kerajaan ambil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ubahlah kepada tajuk lain.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak ubah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu tidak bersangkutan di bawah 36(1), ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tadi pun banyak juga. Pasal gangguan seksual

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tadi pun banyak. Seksual tadi tidak bersangkutan ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha, tidak bersangkutan. *[Ketawa]* Jadi, sebab-sebab itu saya mengharapkan bahawa tabung-tabung untuk kepentingan orang yang pencen sebab Kumpulan Wang Amanah Pencen ini ialah wang daripada EPF, caruman kerajaan ke atas pekerja-pekerja yang kemudiannya dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Pencen. Maka sudah tidak seharusnya wang tersebut disalahgunakan untuk kepentingan bail out syarikat-syarikat kroni yang bermasalah yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh negara kita.

Dan yang akhirnya ialah yang saya hendak sebut juga di sini iaitu berkaitan dengan soal seperti mana disebut oleh Yang Berhormat bagi Arau tadi. Saya percaya bahawa kenyataan Yang Berhormat bagi Arau itu sebenarnya walaupun ia bersifat pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi dia lebih bersifat bersetuju dengan cadangan PAS yang pernah mengemukakan sebelum ini bahawa seseorang isteri yang kematian suami, yang suaminya merupakan kakitangan perkhidmatan awam ini kalau dia kahwin lain pun dia masih kekal untuk dapat pencen. Sepatutnya dasar ini dilaksanakan untuk tidak merugikan seseorang balu yang kematian suami yang kadang-kadang umur dia masih muda tetapi bila orang sudah meminang dia dok fikir antara pencen dengan laki, pencen-laki. Akhirnya dia fikir dia pilih pencen. Jadi umur dia muda dia patutnya masih ada orang yang membela, kasih sayang kepada dia, melindungi dia, tetapi kerana dok fikir kalau aku kahwin pencen terlepas. Jadi, kalau aku tidak kahwin pencen..... akhirnya dia itu 'tua mergon' lagu itu sahaja.

Jadi, kita harapkan supaya kerajaan lebih melihat soal kepentingan golongan wanita khususnya balu-balu yang kematian suami mereka ini supaya mereka dari segi kewangan, prosedur untuk menyara anak-anak mereka pun terus mendapat pencen suami mereka, dan juga untuk mereka meneruskan hidup berkeluarga

bersama dengan seorang suami tidak menjejaskan kepentingan pencen mereka. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jelutong.

11.58 pagi.

Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Pencen 1980.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jangka hayat untuk rakyat Malaysia ialah 72 untuk wanita dan 68 untuk lelaki, lanjutan umur bersara adalah dialukan. Apa yang saya tidak faham ialah mengapa perlanjutan umur bersara hanya untuk satu tahun sahaja dan bukan tiga atau lima tahun yang lebih memadai mengikut situasi semasa. Pada zaman ICT sekarang kebanyakan kerja-kerja telah diambil alih oleh komputer dan labour-saving devices, dengan izin. Lagipun umur bersara di negara-negara lain di rantau ini seperti di Singapura, Filipina, Thailand dan Vietnam adalah 60 tahun. Jikalau kita ambil kira semua faktor-faktor yang dikatakan tadi, perlanjutan umur bersara untuk satu tahun sahaja adalah insignificant jikalau kita hendak mencapai matlamat pengkalan kepakaran pegawai terlatih dan berpengalaman seperti yang dikatakan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong perlanjutan umur bersara saya tidak bersetuju dengan alasan keputusan perlanjutan umur persaraan atas penjimatan pembayaran pension dan penangguhan pembayaran ganjaran. Saya berpendapat skim pencen adalah satu compensation atau ganti rugi dan bayaran terima kasih kepada pekerja-pekerja sektor awam yang telah bekerja tungkus lumus dengan gaji yang rendah seumur hidup mereka. Dengan itu kita mesti membayar pencen dengan hati yang murah dan jangan kita kaitkan perlanjutan umur bersara dengan penjimatan pembayaran pencen. Sebenarnya perlanjutan umur bersara akan menambahkan bebanan kepada kerajaan dari segi pertambahan ganjaran akibat tambahan tempoh perkhidmatan berjumlah sebanyak RM26 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak faham mengapa perlanjutan umur bersara dilaksanakan untuk semua pekerja-pekerja kerajaan. Seperti yang kita semua maklum, alam pekerjaan bertukar dengan cepat dalam era ICT sekarang. Ada kepakaran yang tidak lagi relevan pada masa kini. Ada pekerjaan yang di phase

out dengan izin, dan ada anggota-anggota kerajaan yang tidak produktif langsung. Jikalau kita melanjutkan umur bersara wholesale dengan izin, tanpa mengambil kira faktor-faktor ini, bagaimana kita dapat mencapai matlamat kerajaan kita iaitu untuk mewujudkan satu sektor awam yang produktif dan efficient dan untuk mewujudkan satu sektor awam yang produktif dan dinamik. Bukankah lebih baik kita mengadakan satu sistem di mana perlanjutan umur bersara adalah satu privilege dan bukan as of right, dengan izin? Ini bermakna anggota-anggota yang berumur 55 tahun boleh memohon untuk melanjutkan umur persaraan mereka tetapi kerajaan boleh memilih sama ada perlanjutan akan dibenarkan ataupun tidak. Tetapi untuk menjayakan skim itu kita mesti mempunyai satu sistem penapisan yang berkecuali dan bebas supaya hanya anggota-anggota yang produktif dan mempunyai kepakaran dan pengalaman yang diperlukan akan dilanjutkan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat saya ingat seorang lagi, selepas itu Menteri menjawab. Saya jemput ...

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sedikit sahaja ya. Jangan sentuh yang sudah, ya. Saya beri Bukit ...

Puan Chong Eng: Bagi lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Bukit Mertajam. Ya, Bukit Mertajam, ya. Sila.

12.02 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jelutong mengenai perlanjutan umur persaraan ini. Saya lihat dari perspektif yang lain. Kita mesti mengambil kira sektor-sektor yang kekurangan kakitangan seperti guru bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris. Pada masa sekarang kita banyak kekurangan. Dan kekurangan guru bahasa Mandarin sudah lama wujud, lebih kurang 10 tahun dan saya rasa pada lima tahun yang akan datang ianya tidak akan diatasi. Mengapa tidak kita mengambil kesempatan ini supaya membenarkan sektor-sektor seperti ini, mereka yang ingin melanjutkan perkhidmatan mereka dibenarkan secara automatik dan bukan seperti sekarang mereka perlu pohon dan mereka mengatakan bahawa permohonan itu melalui red tape yang sangat susah. Ramai mereka yang hendak

tetapi tidak dapat. Ini menimbulkan masalah kepada sekolah-sekolah seperti ratio di antara seorang guru dengan murid-murid, sampai seorang guru mengajar 45 atau 50 orang pelajar di sekolah. Dan ada di tempat-tempat di mana bilik darjah tidak boleh ditambah kan walaupun bilangan pelajar sudah bertambah kerana tidak cukup guru.

Jadi, saya berpendapat mengapa tidak kita mengambil kesempatan ini. Untuk mengadakan satu sistem pendidikan yang baik kita mesti juga mengadakan satu ratio yang baik di antara pelajar dan guru. Pada masa sekarang untuk seorang guru bahasa mengajar 45 pelajar di dalam satu bilik memang payah. Dan itulah satu sebab juga mengapa ramai guru bahasa hendak pencen lebih awal – optional pension - kerana kerja banyak dan ganjarannya kurang.

Oleh sebab itu saya ingin memohon supaya kementerian memberi pertimbangan kepada sektor-sektor yang kekurangan kakitangan khususnya guru-guru bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris. Jika mereka dibenarkan ini boleh merupakan satu langkah jangka masa pendek umpamanya untuk lima tahun yang akan datang mereka dilanjutkan sampai umur 60. Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagilah, sila.

12.05 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Selepas ini Menteri menjawab ya.

Tuan Chow Kon Yeow: ...Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk membahaskan pindaan akta ini. Tuan Yang di-Pertua, umur persaraan bagi perkhidmatan awam yang ditetapkan pada umur 55 tahun di Malaysia adalah diperkenalkan oleh penjajah British pada tahun 50 -an iaitu sistem ini adalah ketinggalan zaman pada alaf baru ini dan kelanjutan umur persaraan adalah satu isu yang sering diketengahkan kerana di Malaysia, umur persaraan adalah jauh lebih muda berbanding dengan amalan lazim di seluruh dunia.

Kerajaan pada mulanya tidak ingin menimbang permintaan yang dibuat oleh kesatuan-kesatuan sekerja, malah cadangan kelanjutan umur persaraan ditolak oleh jemaah Menteri. Akhirnya, kerajaan sedar bahawa cadangan untuk melanjutkan umur persaraan adalah berasas kerana sebab-sebab yang kita dengar di Dewan ini

seperti jangka hayat yang telah meningkat, umur 55 tahun bagi majoriti yang berada dalam perkhidmatan awam masih dianggap sihat dan cergas untuk bekerja untuk beberapa tahun lagi. Tambahan pula, ramai tenaga kerja mempunyai pengalaman yang luas akan diketepikan oleh satu undang-undang yang ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, sebenarnya Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan sejak merdeka bahawa para hakim hanya wajib bersara pada umur 65 tahun, sekiranya hakim boleh bekerja sampai 65 tahun, tidak ada sebab mengapa pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang lain tidak boleh berfungsi secara berkesan sampai umur 60 tahun. Walaupun kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan umur persaraan kepada 56 tahun, ia masih tidak dapat memenuhi tuntutan kesatuan-kesatuan sekerja seperti CUEPACS yang ingin melihat umur persaraan dinaikkan kepada 56 hingga 60 tahun.

Jadi, saya menyeru pihak kerajaan terus mengkaji isu kelanjutan umur ini kerana ini satu isu yang sangat penting dalam segi menyumbang kepada pembangunan sumber manusia yang cemerlang dan juga meningkatkan prestasi dan mutu perkhidmatan awam kepada rakyat.

Umur persaraan dalam sektor awam dan sektor swasta akan membawa implikasi yang meluas kepada negara. Satu isu yang perlu diberi perhatian, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerajaan adalah kebajikan rakyat yang telah bersara selepas menyumbang tenaga untuk berpuluh-puluh tahun kepada pembangunan negara.

Pada hari ini, ada ratusan ribu rakyat Malaysia dari golongan pesara dan warga tua yang mendapati hidup selepas persaraan adalah begitu dibebani oleh pelbagai masalah. Mereka kena berjuang dengan lebih keras untuk terus hidup dengan duit pencen yang tidak dapat menampung taraf hidup yang semakin naik. Adakah kerajaan sedar berapakah pesara kini menerima pencen yang di bawah paras garis kemiskinan iaitu RM460?

Ramai pakar ekonomi telah menyatakan bahawa consumer price index (CPI) yang dikeluarkan oleh kerajaan telah memberi indeks yang tidak dapat mencerminkan kadar inflasi yang sebenar. Saya mahu menyeru kerajaan untuk ulangkaji sistem pembayaran pencen kepada para pesara dan tanggungan mereka.

Saya setuju dengan Persatuan Pesara Perkhidmatan Awam yang memohon agar kerajaan membayar pencen bulanan yang minimum sebanyak RM500 dan juga satu elaun tahunan sebanyak pencen satu bulan untuk meringankan beban yang dihadapi oleh masyarakat pesara.

Malaysia mempunyai 350,000 orang pesara, Tuan Yang di-Pertua. Mereka yang bersara daripada sektor swasta layak untuk mendapat bayaran dari KWSP. Sungguhpun begitu, faedah yang mereka terima cuma boleh bertahan lima tahun sahaja sebelum mereka menghadapi kesulitan kewangan

Pesara-pesara perkhidmatan awam yang menerima pencen berdasarkan tempoh perkhidmatan mereka, juga menghadapi masalah yang sama dengan pesara sektor swasta.

Mengikut formula yang digunakan di mana tempoh khidmat terhad kepada maksimum 25 tahun, pencen mereka berjumlah setengah dari gaji apabila mereka bersara pada umur 55 tahun. Satu aduan yang sering kita dengar daripada golongan yang berkhidmat melebihi 25 tahun, ada yang kerja sampai 35 tahun dalam perkhidmatan awam, juga dihadkan pencen mereka kepada 50% dari gaji terakhir mereka. Kebanyakan pesara menerima pencen sebanyak di antara RM250 hingga RM400 sahaja.

Mengikut statistik tahun 1997, 70% dari pesara di negara ini menerima kurang daripada RM500, sementara 21 % menerima kurang dari RM200. Jumlah pencen ini adalah kurang dari *subsistence level*, dengan izin dan ini telah memaksa ramai pesara bergantung kepada anak-anak dan saudara-mara untuk bantuan kewangan ataupun mencari kerja-kerja yang menghasilkan pendapatan yang rendah. Walaupun umur persaraan dilanjutkan kepada 56 tahun tetapi terdapat satu golongan yang besar yang terpaksa bersara apabila mereka masih muda iaitu antara mereka adalah pasukan tentera dan polis yang 'decommissioned' pada umur antara 35 hingga 40 tahun, satu ketika di mana mereka mempunyai keluarga dan anak-anak yang perlu mereka biyai.

Ramai daripada mereka diketepikan dan akhirnya hanya mampu mendapat pekerjaan sebagai pekerja yang tidak berkemahiran atau mendapat pendapatan yang rendah, bekerja sebagai pemandu, jaga keselamatan (guard), despatch boy yang lazimnya kurang peluang untuk naik pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, pada mereka yang bersara pada umur 55 tahun, kebanyakan mereka masih banyak beban dan juga perlu membayar balik pinjaman. Kebanyakan kaki tangan perkhidmatan awam perlu bekerja sampai umur pada pertengahan 30-an, sebelum mereka mampu memohon pinjaman perumahan. Bila sampai masa bersara, kemungkinan besar mereka masih perlu bayar balik pinjaman.

Semakin ramai rakyat Malaysia berkahwin lewat dan mereka masih mempunyai anak-anak kecil apabila mereka bersara. Ramai ibu bapa yang berumur dalam lingkungan 50-an perlu membayar pendidikan anak-anak mereka. Pesara juga perlu menghadapi tekanan hidup yang lain seperti perlu membayar kos perubatan yang kian meningkat dengan rancangan kerajaan untuk mengkorporatkan ataupun menswastakan hospital-hospital awam, pesara-pesara dari perkhidmatan awam akan dibebani untuk membayar kos yang lebih tinggi untuk membeli ubat ataupun mendapat rawatan.

Akhirnya, saya ingin menyeru pihak kerajaan mengkaji semula sistem pencen yang digunakan dan juga mengkaji kemungkinan untuk memberikan pencen minimum sebanyak RM500 bagi semua pesara dan saya juga ingin menyeru kerajaan untuk terus mengkaji kemungkinan untuk melanjutkan umur persaraan kepada 60 tahun atas apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat bagi Jelutong dan Bukit Mertajam di mana walaupun kita setuju bahawa mungkin kerajaan akan bimbang bahawa sektor awam akan menjadi *oversized* dan menjadi satu beban tetapi nampaknya kerajaan selama 20 tahun kebelakangan ini telah melancarkan penswastaaan.

Jadi, kebimbangan bahawa *private sector* akan menjadi *oversize* akan dapat diatasi dengan dasar penswastaaan dan umur lanjutan ini perlulah diberikan mengikut sektor dan gred pegawai yang berkenaan di mana pegawai-pegawai yang mungkin boleh digolongkan dalam perkhidmatan khas di mana mereka mempunyai kepakaran yang baik dan yang amat diperlukan untuk membangunkan negara mereka haruslah diberi umur lanjutan bersara kepada 60 tahun iaitu mengikut gred dan sektor yang dapat keperluan untuk mengadakan ataupun mengekalkan pegawai-pegawai untuk terus berkhidmat dalam kerajaan.

Dengan ini saya ucapkan terima kasih, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, minta Timbalan Menteri menjawab.

12.15. tgh.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan serta pandangan-pandangan dari soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan rang undang-undang ini. Perkara-perkara yang telah ditimbulkan akan diambil perhatian

sewajarnya oleh kerajaan, amnya dan Jabatan Perkhidmatan Awam, selaku agensi yang menguruskan hal-hal persaraan dan pencen anggota serta sektor awam, khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menekankan sekali lagi bahawa pertambahan satu tahun perkhidmatan bagi anggota sektor awam melalui perlanjutan umur persaraan wajib kepada 56 tahun ini hanya merupakan satu permulaan. Sekiranya pemantauan oleh kerajaan menunjukkan bahawa dasar lanjutan umur persaraan wajib membawa kesan baik kepada kesan baik kepada pentadbiran kerajaan keseluruhannya, kerajaan bersedia menimbangkan perlanjutan umur persaraan wajib melebihi 56 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab beberapa soalan yang telah ditimbulkan yang kena-mengena dengan rang undang-undang ini tetapi kebanyakan soalan-soalan yang telah diketengahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, di pihak pembangkang merupakan soalan politik dan di pihak kerajaan, ada yang tidak baca rang undang-undang dan tidak faham apa yang telah diketengahkan oleh kerajaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Lanang telah menyebut berkenaan dengan pegawai-pegawai, guru-guru di Sarawak yang ramai yang datang dari Semenanjung dan telah diminta bersara dan sebagainya. Hal ini akan disiasat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan dengan sewajarnya.

Berkenaan dengan kadar elaun yang bertugas bagi pegawai Sabah dan Sarawak, di antara Semenanjung dan sebagainya, kini sedang dikaji.

Yang Berhormat bagi Tebrau, peluang kenaikan pangkat tidak ada. Ini tidak benar dan apabila peluang untuk melanjutkan usia daripada 55 ke 56 tahun, kesemua pegawai-pegawai kerajaan juga akan ditingkatkan. Jadi, yang akan mendapat pangkat itu juga akan meningkat kerana ia akan selari. Kajian semula SSB sedang dilakukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Larut, pencen penuh bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan bukan umur persaraan. Pencen penuh akan diberi jika pegawai berkhidmat selama 25 tahun.

Yang Berhormat bagi Arau telah membangkitkan satu perkara yang ingin saya jawab, khususnya berkenaan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang antikerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Arau, bukan semua pegawai yang anti kerajaan. Janganlah kerana nila setitik, kita habis susu sebelanga. Pegawai-pegawai kerajaan yang bekerja dengan kerajaan tahu di atas

amanah dan tanggungjawab mereka terhadap tugas mereka untuk memberi penyelesaian kepada rakyat.

Mereka senantiasia akur di atas apa yang telah diarahkan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa rakyat mendapat penyelesaian yang kerajaan kehendaki. Jadi, janganlah kerana nila setitik, habis susu sebelanga. Kita sedar bahawa ada juga pegawai-pegawai kerajaan yang memang sengaja tidak mahu menjalankan tugas mereka dengan penuh amanah dan tanggungjawab tetapi saya berkeyakinan jika pegawai-pegawai ini sedar di atas apa yang telah dididik kepada mereka dalam jurusan keagamaan, khususnya pegawai-pegawai Islam bahawa mereka ini ditugaskan dengan penuh amanah dan tanggungjawab, saya berkeyakinan bahawa mereka tidak akan melakukan perkara-perkara yang telah mereka lakukan.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Berkenaan dengan *sexual harassment*, ini bukan dalam bidang kuasa saya...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Yang mana hendak beri, Yang Berhormat bagi Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Arau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana jawapan sebentar tadi. Saya amat bersetuju apa Yang Berhormat sebutkan tadi, tidak ramai pegawai-pegawai kerajaan menentang kerajaan, cuma sebahagian kecil sahaja tetapi sebahagian kecil ini kalau dari segi praktikal Tuan Yang di-Pertua, kalau nila setitik itu dia akan rosakkan susu sebelanga. Macam mana kita hendak membendung nila yang setitik itu supaya susu sebelanga tidak biru, dia akan tetap, kalau tidak biru pun dia tetap akan kelabu. Yang ini yang perlu..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Setitik pun birukah?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Biru, dia akan biru Barisan Nasional *[Ketawa]*. Ini Yang Berhormat Dato' yang perlu kita fikirkan dari menjejaskan pegawai-pegawai lain yang committed, dedikasi dan selama ini membantu kerajaan untuk menjayakan wawasan kita. Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Yang Berhormat, saya berkeyakinan jika mereka ini diberi peluang atau penjelasan dengan mendalam mereka ini akan mengubah sikap. Kebanyakan mereka ini tidak diberi penjelasan yang sedalam-dalamnya, itulah sebab apa yang dilakukan oleh kerajaan ada

kadang-kadang yang puak-puak pembangkang ini menjadi penghasut dan menghasut mereka kononnya apa yang dilakukan oleh kerajaan ini bertentangan dengan dasar-dasar ataupun dari segi perikemanusiaan dan sebagainya. Saya berkeyakinan jika kita dapat mendekati mereka dan memberi maklum balas dengan sebaik-baiknya, mereka ini akan mengikuti kerajaan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jeli dan Pokok Sena.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Yang di belakang itu dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setakat inilah saya cukup bimbang kerana kita cukup percaya dengan kakitangan kerajaan ini memang mereka berkhidmat untuk negara. Memang mereka ini layak mendapat pencen, bukan kerana mereka patut berterima kasih, tetapi layak diberi pencen kerana perkhidmatan mereka kepada negara. Jadi, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kesalahan-kesalahan nyata dan setakat mana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap mereka yang tuduh sebagai penghasut dan sebagainya di kalangan kerajaan. Apakah salah sekiranya, ini kita minta penjelasan ikhlas, apakah salah sekiranya mereka menyatakan beberapa tindakan-tindakan kerajaan tidak benar seperti mana saya memberi nasihat sekarang ini kepada kerajaan. Apakah salah? Kita memberi nasihat jangan umpamanya, bukan kita

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:...jangan ketawa. Umpamanya kita kata jangan swastakan ini, mungkin kita kata 10 tahun dahulu, semua orang ketawakan kita. Ini tidak progresif tetapi sekarang apa sudah jadi? Apa sudah jadi sekarang dengan penswastaan. Umpamanya makna rakyat pegawai-pegawai kerajaan ini langsung tidak boleh memangkah dari sudut pengundian. Langsung tidak boleh memangkah parti-parti lain selain daripada kerajaan kah, selain daripada UMNO, boleh atau tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Yang Berhormat, sdaya tidak tahu Yang Berhormat kata penswastan salah. Mana ada penswastan salah, Tidak ada satu pun penswastan salah, semua membawa kebaikan kepada rakyat khususnya jalan daripada utara ke selatan. Yang Berhormat bagi Pokok Sena pakai jalan itu juga, tidak ada masalah, tanpa jalan ini saya berkeyakinan Yang Berhormat bagi Pokok Sena hendak sampai ke Dewan Parlimen yang mulia ini pun lambat. Tidak sampai, lambat dan sebagainya, barangkali tidak mahu menjadi wakil rakyat langsung kut?

Jadi berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Arau tad,. Yang Berhormat bagi Arau ada menyebutkan berkenaan dengan umur persaraan pilihan sendiri. Umur persaraan pilihan sendiri, *optional*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah 40 tahun bagi lelaki dan perempuan. Undang-undang yang diwujudkan oleh Yang Berhormat telah sebutkan tadi kebanyakannya telahpun dipinda. Kalau saya sebutkan *outdated* minta maaf, *outdated*, dengan izin.

Undang-undang ini banyak telah diubah, malahan pencen bagi golongan ini dibayar kepada pegawai perempuan lebih awal iaitu kalau orang perempuan hendak berpencen umur 45 tahun dan ini menguntungkan pegawai perempuan dan bagi lelaki 50 tahun. Berkenaan dengan pencen terbitan dikurangkan ke-70%

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya sedikit dari segi pencen, seorang suami pencen, isteri kalau meninggal suami dapat pencen. Kalau ada dua isteri maknanya dibahagi dua termasuk anak yang mana ada anak umur di bawah 18 tahun di antara dua isteri itu akan mendapat pencen. Dalam pindaan ini katakanlah setahun lagi suami kahwin, dalam masa tidak sampai setahun suami meninggal, mungkin isteri dalam tempoh setahun itu melahirkan anak. Yang ini rasa saya boleh tidak kerajaan mengambil perhatian kerana kasihan, yang tua ,jadi yang muda baharu kahwin, dalam tempoh kerana hendak melanjutkan setahun 55 pergi ke -56 ini. Dalam tempoh setahun ini meragam datang kahwin lagi satu, dapat anak. Maka bila pencen umpamanya isteri muda akan dapat dan anak yang dapat ini kebetulan

kerana setahun itu dia sambung pencen dia berkahwin. Boleh tidak kerajaan jadikan syarat kalau.. ini undang-undang pencen pula, bermakna kalau apa-apa hal yang berlaku tetap isteri tua yang dapat. Saya sayang isteri yang tua ini cakap betul. Sebab itu sampai sekarang pun satu sahaja. Tidak tahulah coming soon. Sila Yang Berhormat boleh tidak? Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: *[Ketawa]* Yang Berhormat, ini tidak ada kena mengena dengan Rang undang-undang Pencen yang saya bantah. Walau macam mana pun perundangan kerajaan, mana-mana yang telah kahwin, walaupun dia kahwin sehari sebelum dia hendak pencen dan dia mati, pencen itu akan diberikan kepada isteri-isteri yang ada. Jadi, ini kita perlukan rang undang-undang yang baharulah, untuk makluman Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Yang Berhormat bagi Arau berkenaan dengan 70% daripada kadar asal selepas dua belas setengah tahun berkhidmat. Ini adalah kerana pencen asal adalah berasaskan keperluan suami dan isteri. Tetapi selepas kematian suami atau isteri pencen terbitan adalah bagi menanggung ahli keluarga yang tertinggal. 70% daripada kadar pencen asal difikirkan memadai kerana keluarga telahpun berkurangan kerana isteri ataupun suami telah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang balu atau duda iaitu isteri atau suami seorang anggota kerajaan telah meninggal dunia dan menerima pencen terbitan berkahwin semula, beliau menjadi isteri atau suami orang lain, terpulanglah kepada pasangan barunya untuk menanggung kehidupan beliau seterusnya. Pencen terbitan yang beliau terima bagi perkhidmatan suami atau isteri beliau yang telah meninggal dunia wajar dihentikan sekiranya perkahwinan semula berlaku. Seorang lelaki yang menerima pencen terbitan akan terhenti pencen itu sekiranya berkahwin sama seperti perempuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Walaupun disebutkan jawapan oleh Yang Berhormat tadi, yang kita persoalkan di sini ialah kerana kita hendak supaya tidak menjadi masalah kepada sama ada balu, atau isteri ataupun duda kepada isteri yang bekerja supaya dia tidak memikirkan soal kepentingan pencen sangat tetapi dia harus memikirkan soal masa depan kehidupan berkeluarga. Yang menjadi

masalah seperti yang saya katakan tadi, kalau yang sudah umur tua macam Yang Berhormat Tebrau kah mungkin tidak berapa hendak fikir soal [Ketawa] hendak kahwin lain. Mungkin dok fikir tak apa, habiskan sisa-sisa usia tuanya, pergi masjid dan sebagainya. Tetapi kalau sudah umur muda, gagah, macam Yang Berhormat bagi Sri Gading tengah tegap lagi, jadi sudah tentulah bahawa dia memikirkan antara pencen isteri pun banyak dan si isteri yang muda pun fikir suaminya pun banyak. Jadi asyik memikirkan antara pencen dengan kahwin akhirnya memilih pencen. Sedangkan membiarkan usia muda mereka yang sepatutnya hidup dalam berkeluarga dan sudah tentu bila sudah tidak berkahwin ini akan mendatangkan masalah sosial, di mana anak-anak terbiar tanpa kasih sayang daripada seorang ayah, begitu juga yang kematian isteri, anak-anak akan terbiar tanpa kasih sayang seorang ibu, tidak timbul soal kepada ibu tiri yang berperangai seperti dahulu. Jadi, ini yang sepatutnya yang difikirkan oleh pihak kerajaan .

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berkeyakinan kalau kita hendak berkahwin lagi satu selepas kita hilang balu ataupun kalau kita hendak bernikah dua dan sebagainya, kita mesti tahu landasan-landasan dan tugas sebagai seorang suami. Terbiarnya anak atau terbiarnya tanggungan kita sudah pasti tidak akan berlaku jika kita tahu tanggungjawab kita sebagai seorang bapa atau seorang ibu. Walau macam manapun, seperti yang telah saya sebutkan tadi, ini tidak termasuk dalam pindaan rang undang-undang yang saya bentangkan. Itu saya memberikan jawapan kepada Yang Berhormat sekadar yang saya beri jawapan sahajalah. Walau macam manapun, saya berkeyakinan bahawa pegawai-pegawai yang ada di sini akan mengambil catatan dan insya-Allah jika difikirkan apa Yang Berhormat telah sebutkan tadi, mempunyai kebaikan, kita akan mengambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri, Yang Berhormat. Ya Sri Gading.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Yang Berhormat bagi Sri Gading, silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Ini cerita janda dapat pencen, kahwin hilang pencen suami. Sudah banyak diperkatakan, terutama oleh wanita supaya walaupun dia sudah kahwin pencen itu terus dapat. Umpamanya begini, ini antara hujah yang kuatlah. Dia menjadi isteri sudah 20 tahun, 20 tahun sudah service dia kepada suaminya. Jadi jasa service dia ini kena iktiraf

walaupun dia berkahwin lagi, tidak pedulilah. Service telahpun dilaksanakan, jadi berhaklah atas dia pencen tersebut. Jadi, saya ingat kita berani pinda sahajalah maknanya lain kali kita buat bawa ke Parlimen dan kita pindalah. Si isteri atau si duda asal kahwin pencen-pencen yang pernah diterimanya itu diteruskan. Kita jalankan teruslah, ini undang-undang manusia, kita pinda sajalah. Banyak sangat permintaan, senenglah Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sri Gading. *[Ketawa]* Seperti mana yang telah saya sebutkan kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena, rang undang-undang yang saya bantangkan ini adalah untuk meminta kelulusan supaya umur daripada 55 dinaikkan ke-56 tahun. Walau macam manapun, insya-Allah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat tadi pegawai-pegawai yang hadir di sini akan mengambil catatan dan jika difikirkan sesuai kita akan mengetengahkan perkara ini kepada pihak kerajaan untuk dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk mendapat kelulusan.

Itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua yang dapat saya jawab dan izinkan saya sekali lagi untuk memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, jika ada perkara-perkara yang tidak dapat saya jawab perkara-perkara ini telahpun diambil perhatian oleh pegawai-pegawai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Arau berdiri lagi, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat Dato'. Saya hendak bertanya sebab Yang Berhormat Dato' tidak menjelaskan berkenaan dengan kod amalan mencegah dan membasmi gangguan seksual yang digunakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan adakah juga diguna pakai dalam perkhidmatan awam?

Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, ini rang undang-undang untuk mengubah tahun. Walau macam mana pun, saya telah sebutkan bahawa dengan izin, *sexual harassment* tidak termasuk di dalam apa yang telah saya bantangkan dan insya-Allah saya akan menanyakan perkara ini dengan perkhidmatan awam dan saya berkeyakinan bahawa kerajaan amat prihatin terhadap perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Jika difikirkan perkara ini akan membawa faedah kepada pekerja-pekerja sektor awam ini kita akan pastikan mengambil tindakan.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan perkara yang tidak dapat saya jawab, pertanyaan-pertanyaan, saya berkeyakinan bahawa segala pertanyaan yang saya telah jawab telah diambil catatan oleh pegawai-pegawai yang hadir di Dewan yang mulia ini dan perkara-perkara ini akan diambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagidiputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.35 tgh.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001 dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang meminda Akta Pencen 1980 (Akta 227) untuk membolehkan perlanjutan umur persaraan wajib pegawai-pegawai perkhidmatan awam daripada 55 tahun kepada 56 tahun telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada mesyuarat ini. Rang undang-undang yang saya mencadangkan sekarang ini pula

ialah untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) bagi tujuan yang sama bagi pekerja-pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan.

Pindaan undang-undang ini membolehkan semua pekerja tetap yang dilantik pada atau selepas 1 Oktober 2001 berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun. Ia juga membolehkan pemberian opsi kepada semua pekerja tetap yang sedang berkhidmat (termasuk pekerja-pekerja yang tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) untuk memilih melanjutkan perkhidmatan sehingga mencapai umur 56 tahun atau bersara pada umur 55 tahun seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan sebab-sebab di sebalik keputusan kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan wajib anggota-anggota sektor awam kepada 56 tahun semasa pembentangan rang undang-undang bernama Akta Pencen (Pindaan) 2001 di Dewan yang mulia ini sebelum ini. Kini adalah memadai sekiranya diulangi harapan kerajaan dan rakyat agar anggota-anggota sektor awam yang dibenarkan berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun tidak menghampakan hasrat di sebalik keputusan melanjutkan tempoh perkhidmatan mereka. Mereka hendaklah menganggapkan peluang menambahkan tempoh pekerjaan ini bukan semata-mata sebagai peluang menambah tempoh makan gaji tetapi sesungguhnya sebagai peluang keemasan untuk menambahkan jasa kepada negara dan bangsa sebagai penjawat awam yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, Gelang Patah, selepas ini Timbalan Menteri menjawab.

12.39 tgh.

Tuan Chang See Tentera [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sokong tentang pindaan ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memanjangkan umur perkhidmatan pegawai kerajaan kepada umur 56 tahun. Ini adalah satu perkara yang baik.

Di sini saya ingin ambil peluang keemasan ini minta supaya pihak kerajaan memberikan perhatian berat tentang kakitangan di pihak-pihak berkuasa tempatan yang mana kita dapati bahawa untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan di pihak-pihak berkuasa tempatan pihak kerajaan perlu memberikan peluang latihan dalam perkhidmatan kepada pegawai-pegawai kerajaan semasa mereka berkhidmat dan ini adalah selaras dengan pihak kerajaan untuk berusaha mempertingkatkan kecekapan dan ketelusan dalam jentera pentadbiran kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pihak berkuasa tempatan diharapkan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan yang profesional dapat diperbanyakkan memandangkan masa kini banyak pihak-pihak berkuasa tempatan menghadapi kekurangan pegawai-pegawai profesional seperti pegawai perancang, arkitek, jututera dan lain-lain. Diharapkan dengan peningkatan pegawai-pegawai di peringkat pihak berkuasa tempatan kita akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu kepada kalangan rakyat jelata di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menubuhkan jawatankuasa keutuhan pengurusan di pihak berkuasa tempatan supaya dengan usaha mengadakan jawatankuasa ini di semua pihak berkuasa tempatan kita dapat membanteraskan kelemahan atau gejala negatif rasuah dan penyelewengan di kalangan pegawai pihak berkuasa tempatan dapat ditangani secara menyeluruh dan dapat menaikkan imej pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ketua-ketua jabatan di pihak berkuasa tempatan perlu memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam semua aspek bidang pentadbiran dan perkhidmatan kepada orang awam bagi meningkatkan kawalan dalaman, kecekapan, ketelusan, integriti dan accountability dalam perkhidmatan jabatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya strategi-strategi yang tersebut di bawah ini dapat diadakan untuk memantapkan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan oleh pegawai-pegawai kerajaan di pihak berkuasa tempatan iaitu pertama, kita mesti menggalakkan amalan nilai-nilai murni di kalangan pegawai-pegawai kerajaan di pihak berkuasa tempatan supaya dengan kewujudan amalan nilai-nilai murni ini mereka akan berkhidmat dengan baiknya kepada orang-orang awam terutama kerani-kerani di kaunter yang mana bila orang awam datang ke pihak berkuasa tempatan untuk membuat apa-apa urusan mereka akan memberikan perkhidmatan yang ikhlas kepada mereka dengan senyuman.

Kita dapati dan kita dapat aduan bahawa ada orang beritahu dia ada urusan di pejabat pihak berkuasa tempatan hendak pohon lesen ataupun

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, apa kena mengenanya dengan akta ini?

Tuan Chang See Ten:ini misalan, kita harap melalui ini

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah panjang sangatlah.

Tuan Chang See Ten: ...okay, saya sebut sedikit supaya mereka dapat memberikan sambutan yang baik kepada sesiapa yang datang kepada mereka untuk minta pertolongan dan saya harap nilai ini dapat diadakan supaya mereka berkhidmat dengan bersopan-santun kepada orang awam.

Yang kedua, kita mesti memastikan bahawa pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kerja kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam pihak berkuasa tempatan supaya dengan mengadakan pematuhan undang-undang dan peraturan ini mereka akan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada jabatan mereka dan kepada orang awam.

Ketiga, strategi punitif iaitu apabila didapati mereka ada buat salah mesti ada tindakan disiplin terhadap mereka supaya kita dapat mengelakkan segala penyelewengan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk] [Ketawa]* saya ada perkara yang saya ingin sebutkan di sini, iaitu tentang masalah yang mana pihak kerajaan – sekarang kita bincang tentang pihak berkuasa tempatan, kita perlu peka dan prihatin tentang gaji yang diberikan kepada pegawai-pegawai di pihak berkuasa tempatan. Mereka bergaji sangat rendah terutama mereka yang pegang jawatan yang rendah terutama mereka di pihak berkuasa tempatan duduk di kawasan bandar dan kita harap selain daripada kita panjangkan umur berpencen, kita pun perlu prihatin tentang gaji mereka kerana kalau gaji rendah kemungkinan, oleh kerana gaji rendah mereka akan ada melakukan perkara seperti rasuah kerana mereka pun perlu jaga dan memberi keselesaan kepada keluarga mereka, mereka pun ada anak untuk berikan pendidikan yang berkualiti kepada anak mereka, mereka perlu sumber wang dan sebab itu kalau kita dari pihak kerajaan kita tidak mempertingkatkan gaji mereka bagaimana kita hendak harapkan mereka boleh tumpu masa mereka untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada orang ramai.

Ini adalah satu perkara yang saya harap selain daripada kita panjang umur pencen kita pun mesti naikkan gaji mereka, *[Disampuk]* ini adalah perkara yang sangat penting supaya kita dapat mempertingkatkan tahap ekonomi pegawai-pegawai dan kakitangan pihak berkuasa tempatan.

Dengan kata-kata demikian saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batu Pahat *[Disampuk]* lepas ini Timbalan Menteri menjawab.

12.50 tgh.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Malaysia kerana begitu prihatin dengan tanggungjawab yang dilaksanakan. Kita baru sahaja sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2001 di Dewan yang mulia ini.

Hari ini kita sekali lagi turut sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001 bagi badan-badan berkanun dan kerajaan tempatan.

Saya yang kita ketahui pihak berkuasa tempatan adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kita bersyukur kerana pihak berkuasa tempatan yang di bawah kuasa kerajaan negeri termasuk kerajaan negeri di bawah PAS seperti Kelantan dan Terengganu mengguna pakai Perintah-perintah Am Kerajaan Pusat seperti Perintah-perintah Am Pelantikan dan Kenaikan Pangkat, cuti, kelakuan dan tata tertib, rumah dan bangunan pejabat kerajaan, perubatan, waktu bekerja dan lebih masa, Arahan Perkhidmatan dan Arahan Perbendaharaan.

Bagi kakitangan awam di peringkat Persekutuan ia di bawah pengawalseliaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Begitu juga kakitangan awam di peringkat negeri ia dikawal selia oleh SPA kerajaan negeri. Begitu juga dengan badan-badan berkanun yang kebanyakannya telah pun mempunyai suruhanjaya perkhidmatannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin ketengahkan dalam perbahasan pada hari ini ialah mengenai pihak berkuasa tempatan yang kebanyakannya begitu longgar dan tidak mempunyai peraturan-peraturan yang boleh diguna pakai secara keseluruhan di peringkat negeri. Antara pihak berkuasa tempatan di sesuatu daerah atau kawasan dengan pihak berkuasa tempatan yang lain didapati tidak mempunyai keseragaman dalam melaksanakan tanggungjawab. Kebanyakan daripada kami

Ahli-ahli Parlimen apabila membuat soalan-soalan lisan mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan persoalan nasional seperti soal pelupusan sampah, alam sekitar dan kawasan perindustrian ia tidak dapat dijawab kerana terletak di bawah kerajaan negeri. Ini merupakan kekecewaan kepada kami kerana kurang diberi perhatian bagi memantau sesuatu isu.

Banyak isu di peringkat pihak berkuasa tempatan dilihat kadang-kadang memburukkan imej Kerajaan Pusat dan negeri. Banyak tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan mirip kepada kepentingan kumpulan tertentu dan kepentingan individu. So al rasuah dan kronism yang paling banyak berlaku dalam agensi di pihak berkuasa tempatan, kita lihat bagaimana seorang kakitangan bawahan boleh memiliki rumah dan peralatan yang baik-baik, pengangkutan kereta dan sebagainya dan berbelanja di luar kemampuan, ada yang berfoya-foya di waktu malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya memberi sedikit gambaran kemelut di pihak berkuasa tempatan kerana ia bukan menjadi persoalan pokok yang ingin saya ketengahkan. Saya melihat keseluruhan pihak berkuasa tempatan di negara kita begitu longgar peraturan dalam perkhidmatannya. Banyak daripada kerja-kerja yang sepatutnya dapat dilaksanakan telah tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya, ini kerana pegawai-pegawai bawahan lebih suka mengampu ketua-ketua mereka termasuk ketua jabatan daripada menyelesaikan kerja-kerja dan tanggungjawab yang diberi. Yang di-Pertua atau Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan lebih banyak berkompromi dengan pegawai bawahan kerana konsep mengampu tadi.

Saya juga melihat kebanyakan kakitangan pihak berkuasa tempatan diambil mengikut kroni-kroni orang tertentu dalam pihak berkuasa tempatan sendiri. Hasil yang kita lihat mutu kerja kebanyakan pihak berkuasa tempatan begitu rendah nilainya kalau dibandingkan dengan kakitangan awam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya kerajaan dapat memberi satu garis panduan kepada semua kerajaan negeri agar mewujudkan suatu suruhanjaya perkhidmatan pihak berkuasa tempatan negeri-negeri bagi mewujudkan keseragaman dalam perkhidmatan yang ada. Banyak kebaikan diperolehi apabila suruhanjaya ini dapat diwujudkan seperti:

- (i) suruhanjaya ini dapat melantik kakitangan pihak berkuasa tempatan dengan lebih adil dan bebas;

- (ii) ia boleh mengambil tindakan tatatertib secara lebih berkesan kepada kakitangan pihak berkuasa tempatan yang melanggar peraturan; dan
- (iii) suruhanjaya ini akan dapat menukarkan kakitangan pihak berkuasa tempatan ke kawasan lain dalam negeri yang sama atas sebab permohonan kakitangan atau sebab-sebab perkhidmatan.

Saya yakin dengan kewujudan suruhanjaya ini bukan sahaja dapat memberi kebaikan kepada perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di kawasan-kawasan malah dengan kewujudan suruhanjaya ini mungkin dapat diluaskan kepada bidang-bidang yang lain seperti bidang perbelanjaan pihak berkuasa tempatan. Mungkin dengan cara begini dapat mengelakkan sesetengah pihak berkuasa tempatan melaksanakan projek-projek umpamanya projek gajah putih yang tidak memberi faedah kepada mana-mana pihak.

Saya yakin dengan suruhanjaya ini juga kerajaan akan dapat melaksanakan projek-projek pembangunan kerajaan tempatan dengan lebih berkesan daripada masa-masa yang lalu.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta Timbalan Menteri menjawab. *[Disampuk]*

12.55 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada bersama dengan saya. Saya ingat hendak suruh dia jawab kerana ini masalah-masalah bukan kena mengena dengan rang undang-undang yang telah saya bantangkan kerana masalah-masalah yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi saya berkeyakinan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan kerajaan tempatan telah mengambil nota dan dia akan cuba mengambil tindakan-tindakan dengan sewajarnya.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat semasa perbahasan rang undang-undang ini. Perkara-perkara yang

telah ditimbulkan akan diambil perhatian sewajarnya oleh kerajaan khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam selaku agensi yang menguruskan hal-hal dan

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Batang Lupa berdiri Yang Berhormat.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor:.....pencen anggota sektor awam. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak cakap Tuan Yang di-Pertua, terima kasih beri peluang saya tanya soalan dengan Timbalan Menteri.

Saya ini banyak persoalan yang saya hendak tanya tetapi biarlah sebelum pukul 1.00 saya tanya satu sahaja pukul 2.30 nanti saya tanya soalan yang lain. Yang pertama saya hendak tanyakan kita sekarang hendak sambungkan pencen ini kepada *[Disampuk]* 56 tahun bukan? Ha, 56 tahun, tetapi persoalan yang saya bawakan ke Dewan ini semenjak tahun 1994, 1995, 1996 macam itu.

Saya persoalkan undang-undang Civil Law Act 72 ini, kalau orang itu sampai umurnya 55 tahun dia punya future earning dia tidak dikira lagi tetapi macam mana orang dibolehkan bekerja sampai 56 tahun, macam mana yang satu tahun itu? Umpamanya, kalau kemalangan berlaku pada umur dia 54 tahun, dia kata dia tidak boleh tuntutan selepas 55 tahun macam mana undang-undang Civil Law Act ini, adakah rancangan kerajaan untuk meminda undang-undang ini kerana orang Malaysia berlandaskan Civil Law Act ini tidak ada nilai nyawanya lagi selepas 55 tahun tetapi ini dibolehkan pula bekerja. Tetapi pada nilai Civil Law Act ini, dalam tuntutan sivil orang itu tidak layak menuntut lagi.

Jadi, macam mana pandangan kementerian dan adakah rancangan untuk meminda undang-undang ini?

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya berkeyakinan bahawa pegawai-pegawai jabatan yang hadir pada hari ini akan mengambil nota dan segala perundangan yang perlu dipinda mengikut pindaan daripada 55 tahun ke 56 tahun ini akan berjalan ataupun dengan izin, the act will be amended accordingly.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya dapat jawab dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah habis Yang Berhormat.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Sudah habis Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha. *[Disampuk]* Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2001**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

14.32 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang Akta Koperasi (Pindaan) 2001 dikemukakan untuk meminda peruntukan seksyen 83 Akta Koperasi 1993 bagi mencapai sesuatu tujuan tertentu iaitu membuat peruntukan bagi memberikan award yang dibuat oleh tribunal dikuatkuasakan oleh Mahkamah Sesyen dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Tribunal Koperasi Malaysia adalah satu badan yang telah ditubuhkan pada 1 Mei 1998 mengikut subseksyen 83 Akta Koperasi bagi mendengar dan juga menentukan apa-apa pertikaian melibatkan isu-isu yang dihadapi oleh koperasi-koperasi seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 82 Akta Koperasi yang dirujuk kepadanya.

Tribunal ini adalah merupakan sebuah badan bebas dan tidak terikat dengan kuasa-kuasa atau arahan-arahan Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia. Sebelum pengwujudan tribunal semua kes pertikaian yang dirujuk kepada Jabatan Pembangunan Koperasi diambil tindakan oleh Ketua Pendaftar Koperasi di bawah seksyen 82 Akta Koperasi di mana beliau boleh membuat keputusan seperti berikut:

- (i) memutuskan sendiri pertikaian itu;
- (ii) merujuk kepada seseorang penimbang tara atau penimbang-penimbang tara bagi diselesaikan;
- (iii) menghendaki pihak-pihak yang berkaitan merujuk pertikaian itu kepada mahkamah.

Sebahagian besar kes-kes adalah mengenai tuntutan yang kena dibayar kepada koperasi yang pada lazimnya diputuskan oleh Ketua Pendaftar untuk dirujuk kepada mahkamah. Memandangkan kes-kes seumpama ini dan kes-kes lain yang terlalu banyak diterima oleh Ketua Pendaftar pada setiap tahun, pengendaliannya tanpa kepakaran yang diperlukan menjadi sukar dan juga lambat.

Seksyen 83 akta telah memberi kuasa kepada Menteri atas syor Ketua Pendaftar Koperasi untuk menubuhkan tribunal bagi mempercepatkan pengendalian dan penyelesaian kes-kes pertikaian tribunal. Dengan yang demikian Tribunal Koperasi telah ditubuhkan pada 1 Mei 1998 melalui pengwujudan Peraturan-peraturan Tribunal Koperasi 1998.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang boleh dirujuk sebagai pertikaian kepada tribunal adalah perkara-perkara yang menyentuh penubuhan undang-undang kecil, pemilihan pegawai-pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan sesuatu koperasi berdaftar. Di samping itu, sesuatu tuntutan oleh koperasi bagi hutang atau tuntutan yang kena dibayar kepadanya oleh anggota, bekas anggota, waris atau wakil adalah juga disifatkan sebagai pertikaian yang boleh dirujuk kepada Tribunal untuk diputuskan.

Sejak Tribunal Koperasi ditubuhkan, lebih 1,500 rujukan pertikaian telah diterima dan lebih 700 kes diselesaikan, sementara 800 kes lagi sedang menunggu giliran untuk diselesaikan. Secara puratanya 500 rujukan pertikaian diterima setiap tahun.

Menurut subseksyen 83(6) akta, award yang dibuat oleh tribunal hendaklah dikuatkuasakan oleh Mahkamah Sesyen yang mempunyai bidang kuasa bagi tempat terletakinya pejabat koperasi berdaftar. Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan penguatkuasaan award tersebut, Akta Koperasi 19(3) tidak mempunyai peruntukan berkaitan prosedur bagaimana award tersebut itu boleh dikuatkuasakan. Akibat ketinggalan ini apa-apa award atas pertikaian yang telah diselesaikan tidak dapat dikuatkuasakan oleh Mahkamah Sesyen sebagaimana dikehendaki oleh akta.

Perkara ini telah menimbulkan masalah di kalangan koperasi kerana adanya pihak yang bertikai tidak mahu menepati award yang telah dibuat. Dalam hal ini, masalah tribunal koperasi itu yang membuat award tetapi tidak dapat memberi efek kuat kuasa perlu diatasi dan tindakan membetulkan keadaan ini hendaklah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi ratijah kepada kehendak dan tujuan penubuhan tribunal ini sendiri, pindaan kepada subseksyen 83(6) dicadangkan bagi membolehkan award-award yang dibuat dikuatkuasakan dengan sempurna. Cadangan pindaan yang dimaksudkan ini termasuklah memasukkan peruntukan-peruntukan baru subseksyen 83(6A), 83(6B) dan 83(6C). Tanpa pindaan kepada subseksyen 83(6) masalah penguatkuasaan award tribunal akan berterusan. Ini akan mempunyai implikasi serius ke atas gerakan koperasi kerana walaupun cara

penyelesaian terhadap kes-kes pertikaian adalah diperuntukkan tetapi ianya menjadi tidak efektif kerana award-award Tribunal tidak dapat dikuatkuasakan dan juga dilaksanakan.

Subseksyen 83(6) dipinda dengan membuat peruntukan bahawa award tribunal adalah mengikat pihak-pihak berkaitan. Pindaan ini melibatkan pengeluaran peruntukan yang tidak efektif dan digantikan dengan peruntukan-peruntukan baru berkaitan penguatkuasaannya. Peruntukan baru dicadangkan dimasukkan adalah mengenai penguatkuasaan award tribunal di Mahkamah Sesyen dengan membuat peruntukan di subseksyen baru iaitu subseksyen 83(6 A) di mana peruntukan mengenai tatacara bagaimana award yang telah dibuat tribunal disampaikan kepada Mahkamah Sesyen direkod dan selepas itu dikuatkuasakan sebagai suatu penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen mengikut apa-apa kaedah mahkamah yang terpakai baginya atau mengikut apa-apa cara yang disifatkan adil dan sesuai oleh Mahkamah Sesyen itu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi subseksyen 83(6B) perlu dicadangkan sebagai memberi efek kepada peruntukan baru subseksyen 83(6A) dan sebagai langkah bagi membolehkan award yang dibuat sebelum tarikh kuat kuasa. Cadangan pindaan ini dikuatkuasakan dalam tempoh 6 tahun dari tarikh kuat kuasa pindaan ini dan bukannya dari tarikh award itu dibuat. Ini bermakna award-award yang dibuat sebelum pindaan ini dan sebelum adanya peruntukan baru mengenai penguatkuasaan award masih boleh dikuatkuasakan dan tertakluk kepada tempoh yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Peruntukan baru subseksyen 83(6 C) memberi kuasanya kepada Mahkamah Sesyen untuk menguatkuasakan apa-apa award yang dibuat oleh tribunal dan tidak tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan. Dalam hal ini, Mahkamah Sesyen mempunyai kuasa mutlak untuk menguat kuasa award tribunal. Pindaan segera terhadap subseksyen 83(B) Akta Koperasi 1993 amat perlu, jika tidak, award tribunal yang telah dibuat sebelum ini mungkin boleh dipertikaikan oleh pihak-pihak tertentu. Kewibawaan tribunal serta award-award yang dibuat olehnya perlu dipelihara supaya matlamat penubuhannya tercapai.

Penyelesaian segera kes-kes pertikaian dan keberkesanan award yang dibuat adalah amat penting. Adalah tidak munasabah bagi undang-undang membuat peruntukan membolehkan sesuatu jalan penyelesaian diambil tetapi

penyelesaiannya tidak dapat pula dikuatkuasakan. Perkara seumpama ini perlulah diatasi segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tambun.

2.45 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya tidak banyak yang hendak dibincangkan kerana pindaan ini melibatkan mengukuhkan mechanism untuk penguatkuasaan ke atas award dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa daripada 1 Mei 1998 terdapat 1,500 kes yang mana lebih kurang 500 kes telah diselesaikan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa lamakah satu-satu kes akan diselesaikan dan berapa banyakkah nilai award yang telah diberikan ke atas kes-kes yang telah selesai itu.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kes-kes tersebut melibatkan pertikaian bentuk mana. Daripada apa Yang Berhormat menyatakan saya dapat membuat andaian ataupun tanggapan bahawa kes-kes melibatkan antara ahli-ahli yang terlibat dalam koperasi dan jika ini menjadi hakikatnya, dapat saya membuat andaian yang sebenarnya industri koperasi dalam negara kita tidak bergerak mengikut kaedah ataupun prinsip-prinsip koperasi kerana banyak ahli yang tidak mengetahui ataupun orang-orang yang memegang jawatan dalam koperasi yang tidak memahami prinsip-prinsip koperasi.

Di dalam laporan akhbar ada menyatakan terdapat 4,100 koperasi di mana keahlian adalah seramai 4.6 juta orang jika 4.6 juta orang dibandingkan dengan penduduk Malaysia lebih kurang 22% daripada penduduk Malaysia, bermakna satu jumlah besar iaitu kalau 22 juta penduduk, tetapi kalau kita ambil dari segi penduduk dewasa yang mengundi 21 tahun ke atas lebih kurang dalam 10 atau 12 juta, bermakna bilangan ini cukup besar, bilangan orang yang dianggap sudah bekerja, sudah boleh membuat keputusan, lebih kurang 50% daripada bilangan tersebut,

maka dari sudut itu saya melihat sektor koperasi ini satu sektor penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, saya berpendapat kementerian perlu meningkatkan kefahaman ahli-ahli mengenai dengan koperasi kerana kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, orang yang terlibat dalam koperasi sebahagian besar yang memegang jawatan sebenarnya seperti mana yang saya telah nyatakan tadi, ia bukannya orang koperasi, mereka adalah managers bukan orang koperasi, kerana kita tahu dalam dunia koperasi ada beberapa prinsip-prinsipnya. Antara prinsip-prinsip asas kepada koperasi iaitu satu penggabungan, individu-individu yang secara voluntary menubuhkan satu organisasi, bagi tujuan untuk memenuhi kepentingan bersama dalam bentuk ekonomi, sosial dan juga keperluan social melalui organisasi yang dianggap cukup demokratik. Kemudian nilai-nilai yang harus digunakan ialah nilai-nilai yang berasaskan kepada *self-responsibility, democracy equality, equity and solidarity*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian dari segi demokratik prosesnya, koperasi sebenarnya dikuasai oleh ahli-ahli bukan oleh lembaga pengarah, oleh ahli-ahli yang akan menetapkan dasar-dasar dan keputusan-keputusan, selain daripada memilih wakil-wakil yang memegang ahli lembaga, dan kemudiannya bertanggungjawab kepada ahli-ahli.

Inilah di antara prinsip-prinsip koperasi yang saya percaya sebahagian besar daripada ahli-ahli sebanyak 4.6 juta orang tidak memahami, dengan itu budaya koperasi itu tidak wujud, berlakulah pertikaian dan sebagainya kerana pertindihan kuasa di antara orang yang menjadi ahli lembaga dengan pihak pengurusan dengan ahli-ahli tidak tahu yang mana satu kuasa masing-masing. Di samping itu, oleh kerana ketidakfahaman akan konsep dan prinsip koperasi ini, berlaku penubuhan koperasi yang tidak mengikut kaedah, ini saya kerap kali nyatakan.

Jadi, pada hari ini saya ingin menekankan pentingnya koperasi ini diberi perhatian kerana terutama kita berhadapan dengan satu dunia ekonomi yang semakin mencabar, Tuan Yang di-Pertua, saya baca satu kenyataan seorang pemimpin, dengan izin, *'The chance of a synchronised worldwide recession has become a serious danger.'* Dan ada menyatakan jika ekonomi Amerika tidak pulih pada setengah tahun kedua *synchronised world wide recession* ini pasti akan berlaku dan orang Amerika pula menyatakan, dengan izin, *"six billion people in the world are being carried on the back of 330 million customers in the United States,*

eventually there is going to be a bad combination, US have become the customer of last resort."

Bermakna orang Amerika pun tidak percaya yang mereka mesti bertanggungjawab dalam memastikan *economic recession* ini tidak berlaku.

Sehubungan dengan itu, saya ingin memberi sedikit pandangan saya, pertama, untuk mewujudkan manusia koperasi, kita perlu memperkukuhkan struktur dan institusi koperasi. Oleh itu, saya berpendapat dari segi latihan dan pendidikan perlu diberi kepada semua ahli-ahli koperasi. Berasaskan kepada koperasi yang ada di daerah Kinta, saya dapati tidak ada kursus-kursus latihan serta pendidikan diberi kepada ahli-ahli koperasi.

Kedua, saya dapati sektor koperasi tidak diberi perhatian oleh mana-mana pihak, tidak ada perhatian oleh media, kita jarang jumpa banyak maklumat tentang koperasi, kita selalu dengar tentang syarikat-syarikat korporat. Hari ini saya mengambil bahagian dalam perbahasan selain memang saya hendak mengambil bahagian kerana saya rasa ini satu perubahan, kita sudah *overdosed* dengan syarikat-syarikat korporat yang bermasalah, hari ini kita bercakap tentang koperasi.

Pihak media tidak banyak memberi perhatian kepada koperasi, sehinggakan kita tidak sedar ada 4.6 juta ahli yang boleh dikatakan cukup ramai, tetapi seolah-olah koperasi adalah satu industri yang telah terpinggir, oleh itu tidak wujud minat orang kepada koperasi untuk memperkukuhkan struktur serta institusi koperasi ini tidak begitu mendatangkan minat kerana tidak ada banyak liputan dalam akhbar-akhbar.

Begitu juga dari segi kerajaan pun saya ingat kurang memberi perhatian. Dahulu ada Bank Kerjasama Koperasi, sekarang tinggal Bank Rakyat sahaja, tidak banyak sangat peluang-peluang untuk pembiayaan. Di samping itu, institusi-institusi untuk melahirkan orang koperasi tidak ada, sepatutnya kita ada diploma dalam bidang koperasi, bukan dibuat oleh kerajaan semata-mata, tetapi oleh badan profesional untuk kita wujudkan orang koperasi yang kini tidak ada dalam negara kita.

Kemudian kita tidak ada banyak badan-badan profesional mengenai dengan koperasi untuk meningkatkan dari segi kepakaran serta ilmu pengetahuan yang terkini untuk bidang ini, untuk meningkatkan *effectiveness* koperasi-koperasi dan sebagainya, menyediakan kemudahan-kemudahan seperti mengadakan nasihat strategik, bagaimana untuk memulakan koperasi, pengurusan projek dan

sebagainya, tidak begitu banyak. Kemudian dari segi pihak-pihak profesional dalam bidang ini juga individu-individu profesional tidak begitu banyak ada dalam sektor koperasi ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi sedikit pandangan mengenai struktur pasaran ekonomi negara kita. Kita dapati dari sudut *consumerism*, bukan daripada sudut ekonomi secara menyeluruh, salah satu daripada sektor yang kita dapati pasaran kita agak lemah ialah bidang perumahan. Bidang perumahan agak lemah kerana kita tahu masih ramai lagi rakyat kita yang tidak memiliki rumah.

Saya berpendapat bahawa koperasi boleh memainkan peranan yang cukup penting dari segi penyediaan rumah kerana kita tahu dalam bidang ini, antara halangan-halangan kepada pembeli untuk memiliki rumah pertama, masalah *downpayment* yang besar, kemudian dari segi pembayaran bulanan *end financing* yang agak tinggi.

Di sini apa yang boleh dimainkan oleh koperasi adalah oleh kerana koperasi bukan satu badan yang prinsipnya berasaskan kepada mencapai keuntungan maksimum, maka koperasi boleh mengadakan rumah yang lebih murah. Saya membuat survey salah satu koperasi di Ipoh, Koperasi Orang-orang Melayu kalau tidak silap saya, membuat rumah yang harganya 15% lebih murah daripada harga pasaran, dengan itu *downpayment* menjadi murah dan bayaran *end financing* juga menjadi murah, lebih rendah daripada yang ditentukan oleh kuasa pasaran.

Kita dapati ada koperasi yang berjaya mendapat tanah dan berjaya mendirikan rumah dan ada koperasi yang dapat tanah dan tidak mendirikan rumah. Di tempat saya banyak yang kerajaan telah pun memberi tanah tetapi tanah masih terbiar, Oleh kerana seperti mana saya nyatakan tadi dari segi struktur pasaran, pemilikan rumah salah satu daripada bidang yang menjadi kelemahan, saya berpendapat koperasi mesti melibatkan diri dan memberi keutamaan kepada usaha untuk pemilikan rumah, terutama banyak koperasi yang dapat tanah tidak memajukan tanah tersebut.

Sehubungan dengan itu, saya berpendapat seperti mana yang ada di beberapa negara, supaya pihak koperasi menubuhkan, dengan izin, National Association Of Housing Corporatives yang bertujuan untuk menggabungkan koperasi-koperasi yang memiliki tanah yang terlibat dalam bidang perumahan untuk membantu daripada semua sudut untuk menangani masalah-masalah mendapat

statutory approval, sumber kewangan untuk mendirikan rumah, pengurusan projek dan juga dari segi menjual rumah-rumah tersebut apabila siap nanti.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pengguna ini, kita tahu bahawa pengguna menghadapi masalah untuk membeli barangan keperluan kerana banyak sebab, dari segi CPI kita dapati kenaikan 1.6% tetapi CPI ini disediakan berasaskan kepada meletakkan beberapa produk dalam satu bakul (*basket of products*) dan menggunakan lebih kurang 15,000 outlets di seluruh negara bermakna sedikit sebanyak memberi gambaran betul tentang harga mengikut basket tersebut, 15,000 begitu banyak outlets. Malah telah diiktiraf oleh sebuah badan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berpangkalan di Bangkok yang menyatakan sistem kita menyediakan CPI ini antara yang terbaik di dunia kerana 15,000 outlet ia mengatasi Amerika Syarikat, negara ada 330 juta, tetapi dari segi nisbah, spread tidak begitu besar.

Oleh kerana ia merupakan *basket of products*, ada produk-produk yang harganya naik lebih tinggi lagi tetapi ditenggelami produk-produk lain dalam bakul. Jadi akhirnya 1.6% menggambarkan kenaikan harga tidak banyak tetapi produk-produk tertentu sebenarnya berlaku kenaikan harga tinggi. Ini salah satu punca mengapa konsumer kita menghadapi kuasa beli yang kecil.

Yang kedua, kita dapati sekarang ini pihak sektor perkilangan telah mula mengurangkan waktu kerja. Jadi bayaran gaji sudah jadi kecil. Orang yang dahulu dapat RM1,500; sekarang dia kerja tiga atau dua hari seminggu, dapat RM700-RM800. Jadi kuasa belinya sudah menjadi kecil.

Saya dapati di sini pihak koperasi boleh memainkan peranan. Kita seronok apabila kita baca sejarah-sejarah serta kejayaan-kejayaan Koperasi di negara-negara lain di UK, Koperasi satu.....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan daripada Yang Berhormat Tambun. Secara relatifnya kalau kita membuat perbandingan pergerakan koperasi di negara kita dengan negara-negara yang terkenal dengan pergerakan koperasi yang cukup baik seperti Sweden dan negara-negara Scandinavia, jelas memperlihatkan bahawa kita agak sama taraf dengan negara-negara berkenaan. Tokoh-tokoh *cooperator* seperti Profesor Diraja Ungku Aziz mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa terhadap usaha yang beliau jalankan antaranya bila Angkasa diwujudkan sebagai 'insitu' ataupun satu badan

induk yang mengorganisasikan pemotongan bayaran-bayaran tertentu secara bulanan oleh ahli-ahli koperasi.

Adakah Yang Berhormat Tambun berasa positif terhadap pergerakan koperasi di negara kita contohnya Yang Berhormat tadi mencadangkan supaya koperasi ini disatukan dalam usaha untuk membangun dan memajukan rumah kerana bidang perumahan adalah satu bidang yang agak memerlukan pengkhususan dari segi kepakaran. Ada atau tidak Yang Berhormat mencadangkan supaya SPN sebagai sebuah badan yang ditubuhkan oleh kerajaan khususnya sebuah syarikat Menteri Kewangan diperbadankan dan menjadi pemaju perumahan kerajaan supaya dapat membantu koperasi-koperasi ini daripada terbengkalai dalam banyak projek yang dilaksanakan, jadi SPN dapat dirundingi oleh koperasi-koperasi ini bagi menyelamatkan projek-projek berkenaan. Itu dua soalan yang saya mahukan jawapan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi Angkasa ataupun Profesor Ungku Aziz memang telah diiktiraf di peringkat dunia. Bermakna di dalam sektor tersebut ada institusi-institusi yang telah mencapai satu tahap yang tinggi ke peringkat dunia dan tentulah kita berbangga di atas kejayaan tersebut. Tetapi jika kita lihat daripada sudut keseluruhan, secara horizontal kita dapati bahawa koperasi kita masih lagi belum sampai ke peringkat kita boleh memperbandingkan dengan apa yang tercapai di negara-negara lain di UK, Sweden dan negara-negara Scandinavian. Saya ada baca berkenaan beberapa koperasi-koperasi - saya tidak bawa di sini - yang mempunyai perniagaan yang cukup banyak, dia punya *networking* dalam satu-satu negara itu. Begitu luas, tetapi ini tidak terjadi di negara kita.

Mengenai dengan industri perumahan, tentunya saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bagan Datok iaitu Pengerusi SPN, kita yakin atas kepimpinan beliau sebagai Pengerusi SPN dan oleh kerana bidang perumahan satu bidang yang agak *specialized* dan ada koperasi-koperasi yang tidak berupaya untuk membangunkan dan memajukan tanah-tanah yang diberikan. Saya mencadang dari tadi supaya satu persatuan, Association of Housing Cooperatives ditubuhkan. Di samping itu tidak ada masalah sebenarnya untuk pihak *association* tersebut ataupun koperasi untuk bergabung dengan SPN.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah terkeluar sedikit daripada tajuk.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Keluar ya? [Ketawa] Timbalan Menteri keluar kah? Okey, sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu kerana kalau kita bincang aspek pindaan ini, saya ingat satu minit setengah sudah selesai [Ketawa] Saya minta maaf ya, saya sentuh sedikit. Jadi saya bersetuju dalam konteks sekarang ini ada terminologi seperti *strategic alliance* dan sebagainya supaya perkara ini dapat dilaksanakan.

Tadi saya menyentuh mengenai keperluan konsumer. Oleh yang demikian, saya berpendapat pihak kementerian patut mempromosi pertumbuhan koperasi-koperasi berbentuk *retailing, supermarkets dan hypermarkets* supaya memberi kemudahan kepada ahli-ahli yang sekarang berjumlah 4.6 juta berbanding dengan bilangan pengundi lebih kurang 50%, dan boleh diperbesarkan kepada 70%. Ini bermakna ia boleh melibatkan sebahagian besar bilangan penduduk. Dari segi *household* saya ingat ada 4 juta *households* kalau tidak silap saya.. Jadi kalau sudah 4 juta, ini hampir semua *households* menjadi ahli koperasi, kecuali mungkin saya bukan jadi ahli koperasi. Walau bagaimanapun, saya ingat *vehicle* ini cukup baik

Tuan Yang di-Pertua, banyak kes yang saya kata di UK dengan izin, "*co-operative groups operate over 700 stores throughout the UK and account for over 25% of co-operative retail trade*". Ini satu sahaja.

Di tempat-tempat yang penduduk kecil, kalau di sini kita kata kampung, di peringkat kampung dia ada kedai-kedai kecil atau *retail outlets*. Di tempat-tempat besar dia ada *hypermarkets* dan menyediakan standard yang begitu tinggi untuk konsumer dengan menjual produk-produk yang berkualiti tinggi pada harga yang rendah bertujuan untuk melindungi konsumer. Dalam bidang peruncitan, Tuan Yang di-Pertua, biasanya pengusaha membuat keuntungan antara 5%-30% atas items atau produk-produk. Jika kita ambil kira pihak koperasi bukan berasaskan kepada mencapai keuntungan maksimum dengan izin, maknanya jika ditolak, dia diskaun harga, jadi pengguna akan mempunyai kuasa beli yang besar dan inilah perlindungan yang dapat diberi kepada pengguna. Dan saya percaya ini dapat memberi keuntungan kepada meningkatkan sosio ekonomi negara terutama dalam keadaan kita menghadapi masalah pemberhentian pekerja dan kerja separuh hari

dan sebagainya. Saya percaya dari segi politik juga dapat menguntungkan kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Pahat.

3.09 ptg.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya turut ingin sama-sama membahaskan Akta Koperasi (Pindaan) 2001 bagi meminda Seksyen 83 Akta Koperasi 1993 (502).

Sebelum saya meneruskan perbahasan, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah - saya rasa belum terlewat lagi - kepada Profesor Diraja Ungku Aziz seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok tadi kerana dipilih sebagai penerima Anugerah Wira Koperasi yang kalau tidak silap saya diadakan pada 21 Julai yang baru lalu sempena perayaan Hari Koperasi Antarabangsa ke 79 dan sambutan 30 tahun penubuhan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA). Sesungguhnya anugerah tersebut memanglah bertepatan dengan penglibatan aktif beliau sejak 30 tahun lalu apabila terlibat secara langsung dalam penubuhan Angkasa serta menerajuiinya sejak tahun 1971 lagi hinggalah ke hari ini. Dan saya juga ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya Profesor Diraja Ungku Aziz akan dikurniakan dengan Darjah Kebesaran seperti Tan Sri ataupun Tun.

Seperti yang sahabat saya nyatakan tadi, sahabat saya bagi Tambun menyatakan pada masa ini terdapat kira-kira 4,100 buah koperasi di negara kita dengan keanggotaan individu seramai 4.6 juta orang. Daripada 4,100 buah koperasi hanya 2,561 koperasi yang mendaftar dengan Angkasa termasuk 1,110 koperasi sekolah. Kejayaan gerakan koperasi kita terutama koperasi sekolah yang bergabung dengan angkasa mendapat pengiktirafan Ikatan Koperasi Antarabangsa sebagai antara gerakan koperasi sekolah yang terbaik di dunia.

Setiap individu menyertai koperasi kerana mahukan perkhidmatan daripada kemudahan yang disediakan oleh koperasi. Ada koperasi ditubuhkan untuk menumpukan perkhidmatan kepada anggotanya untuk memperbaiki mutu kehidupan ahli-ahlinya. Kalau kita ingat di sejarah awal penubuhan koperasi di negara kita, bidang peruncitan menjadi tumpuan kebanyakan koperasi sebelum ia berkembang dalam pelaburan sektor lain.

Dalam kegawatan ekonomi 1997/98 dilaporkan sebanyak 50 buah koperasi dihentikan operasinya kerana syarikat berkenaan terlibat dalam kegiatan spekulasi

dan menerima kesan kejatuhan nilai pasaran saham walaupun sebenarnya koperasi tidak digalakkan terbabit dalam kegiatan tersebut. Selain daripada itu terdapat lebih 100 koperasi yang berdaftar dengan Angkasa didapati tidak aktif walaupun mempunyai kemudahan mencukupi seperti bangunan dan wang beratus ribu ringgit di dalam bank. Keadaan ini berlaku kemungkinan koperasi-koperasi berkenaan mengalami masalah dalaman seperti perletakan jawatan pengerusi atau bendahari dan kadang-kadang gagal untuk mengadakan Mesyuarat Agung.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada perbahasan Akta Koperasi (Pindaan) 2001 mengenai beberapa aduan yang dibuat oleh ahli-ahli koperasi PDRM Berhad yang tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan baru-baru ini yang melahirkan rasa tidak puas hati dengan perjalanan koperasi yang dianggotainya. Ketidakpuasan ini dilahirkan apabila koperasi lain di negara ini dapat memberikan dividen 10% hingga 14% seperti Koperasi FELDA, Angkatan Tentera dan Bank Rakyat. Walaupun ketika kejatuhan ekonomi negara pada tahun 1998, koperasi berkenaan yang telah ditubuhkan sejak 73 tahun yang lalu hanya mampu memberi dividen sebanyak 3% bagi tahun 2000. Bagi tahun 1999, 6% dan hanya pada tahun 1996 dividen diterima sebanyak 10%. Tahun-tahun yang lain ahli-ahli hanya menerima dividen antara 2% hingga 4% sahaja setiap tahun.

Dalam masa yang sama pentadbiran koperasi berkenaan berbelanja terlalu mewah. Kekkerapan mengadakan mesyuarat biasa, seminar, kursus dan hari keluarga di hotel lima bintang di seluruh negara. Elaun menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan bagi Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan ahli lembaga pengarah kadang-kadang mencecah RM20,000 seorang. Di peringkat daerah, pengerusi RM2,000, Setiausaha -RM1,500 dan AJK - RM1,000. Yang jelasnya, untuk menjayakan Mesyuarat Tahunan sahaja perbelanjaan melebihi RM600,000 terpaksa dikeluarkan. Ini menyebabkan ramai di antara mereka yang sepatutnya menjadi ahli-ahli koperasi berkenaan berasa tawar hati untuk menjadi ahli terutama anggota -anggota baru.

Saya berharap keperluan ahli-ahli koperasi ini mendapat perhatian sewajarnya sejajar dengan matlamat penubuhan koperasi untuk memaksimumkan perkhidmatan kepada anggota dan memperbaiki mutu kehidupan mereka mengikut prinsip koperasi seperti yang tercatat pada perenggan 4(1) Akta Koperasi 1993. Saya juga berharap Jabatan Pembangunan Koperasi akan berusaha menghidupkan semula koperasi-koperasi yang tidak aktif termasuk koperasi-koperasi yang tidak

menjadi ahli Angkasa. Tumpuan juga harus dilibatkan sama kepada koperasi-koperasi yang terhenti operasinya kerana menerima kesan kejatuhan nilai pasaran saham ekoran kegawatan ekonomi 1997/1998. Selain daripada itu usaha-usaha ke arah budaya koperasi yang luhur dapat direalisasikan dalam semua koperasi di negara kita supaya ia menjadi sebuah koperasi yang tulen.

Ini berasaskan kepada tanggungjawab untuk membuat pemilihan permohonan secara lebih demokratik dan bukannya membiarkan pelantikan berdasarkan kuasa dari atas ke bawah. Sesungguhnya koperasi turut mempunyai peranan sebagai teras pembangunan ekonomi negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli.

3.15 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Dalam membincangkan tentang pindaan Akta Koperasi ini, izinkan saya merujuk kepada beberapa penekanan yang dibuat oleh agama Islam itu sendiri tentang betapa pentingnya tentang kerjasama itu sendiri. Di antaranya, satu firman Allah s.w.t. yang berbunyi [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: "*berpeganglah kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu bercerai-berai*". Bermaksud bahawa, kita perlu bekerjasama.

Jadi, saya melihat kepada *trend* ini di peringkat kampung-kampung umpamanya. Mereka melihat kepada perlu kerjasama ini. Sebab itu di peringkat kampung-kampung, mereka menggunakan *platform* ataupun medium koperasi sebagai satu medium di mana kepentingan ahli-ahli dapat dijaga. Umpamanya, kemungkinan di kebanyakan kampung, bermula dengan koperasi-koperasi yang berbentuk khairat kematian di mana bilamana satu ahli mengalami musibah ataupun kematian, maka ianya akan dibantu oleh koperasi itu sendiri. Tetapi, apa yang kita lihat bahawa koperasi rata-rata daripada senarai yang diberikan oleh pihak kementerian, sebegitu banyak koperasi yang ada dalam negara kita, umumnya, koperasi masih berlegar dalam bentuk perniagaan yang tidak ataupun kurang berdaya maju. Melainkan, koperasi-koperasi yang beroperasi di bandar-bandar besar dan juga di bandar-bandar.

Kemungkinan, koperasi-koperasi yang beroperasi di bandar-bandar besar dan juga di bandar-bandar, mereka mempunyai kakitangan yang mencukupi ataupun mereka mampu untuk menggaji, mereka mampu untuk melantik ataupun menawarkan jawatan-jawatan secara sepenuh masa atau secara tetap kepada mereka yang berkeelayakan untuk menerajui dan memelihara kepentingan koperasi tersebut. Kita merasa bangga bahawa pada suatu ketika, koperasi di negara kita sudah mencapai satu tahap yang agak maju bilamana pada suatu ketika telah ada bank kerjasama syarikat Malaysia dan sehingga 1986, apa yang dinamakan gegaran CTD, *Co-Operative Taking Deposit*. Sebelum pada peristiwa CTD ini, koperasi sangat-sangat diminati dan mendapat tempat yang begitu baik di kalangan masyarakat Malaysia. Tetapi apa yang berlaku, ialah bilamana keghairahan masyarakat untuk mencarum dan menjadi ahli koperasi itu, maka timbul di kala itu insiden di mana banyak pihak telah mengambil kesempatan daripada keghairahan rakyat untuk menjadi ahli koperasi, maka timbul penyalahgunaan kuasa di kalangan lembaga-lembaga pengarah sehingga koperasi-koperasi yang sudah mencapai status pada ketika itu, yang layak berada di Bursa Saham Kuala Lumpur, oleh kerana salah teraju, silap tadbir, penyalahgunaan kuasa oleh lembaga pengarah, menyebabkan sebahagian besar koperasi ini menghadapi perniagaan yang hampir ranap.

Inilah *fiasco* tahun 1982, 1983 di mana banyak koperasi yang terdiri daripada koperasi-koperasi yang dianggotai oleh para peniaga kecil, *the hawkers group* dengan izin, dan juga para petani telah menjadi mangsa kepada dosa yang tidak dilakukan oleh mereka tetapi dosa yang dilakukan oleh lembaga-lembaga pengarah pada ketika itu. Ini bukan hanya tertumpu kepada satu-satu bangsa tertentu tetapi kemungkinan banyak berlaku kepada saudara kita daripada bangsa Tionghua, bangsa Cina tetapi, ia merangkumi semua bangsa, merentasi semua bangsa pada ketika itu.

Ekoran daripada situ, kita lihat bahawa keghairahan masyarakat kepada koperasi agak sedikit menurun, sudah mula menurun. Jadi, sebab itu, saya merasakan bahawa dalam segi hendak memulihkan semula imej koperasi di kalangan masyarakat dan rakyat Malaysia, saya fikir pihak kementerian wa jarlah memohon dari kedua-dua pihak kemungkinan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga kemungkinan Kementerian Kewangan supaya kalau sebelum ini, penswastan banyak diagihkan, diberikan kepada individu-

individu yang diklasifikasikan sebagai kroni, maka kali ini lebih kita hendak menyelamatkan ramai orang daripada satu orang yang disebut sebagai kroni, maka saya rasa koperasilah yang sepatutnya dapat manfaat yang besar. Ini kerana kita lihat di negara-negara maju umpamanya di Jepun, di Korea, banyak koperasi yang memiliki saham-saham yang penting-penting dalam bank-bank yang besar.

Di antaranya bank yang terbesar di dunia, dimiliki di Jepun, banyak sahamnya dimiliki oleh koperasi di negara Jepun itu sendiri. Sebab itu, saya memikirkkan dari segi kita hendak berlawan dengan koperasi-koperasi di Jepun, di Korea itu, jauh lagi. Tetapi, walaupun jauh, tetapi sekiranya kementerian yang bertanggungjawab tentang koperasi boleh memainkan peranan supaya segala projek yang selama ini diberikan kepada kroni-kroni, maka sekarang ini, boleh dialihkan kepada koperasi-koperasi supaya dengan harapan ahli yang akan mendapat manfaat itu lebih ramai berbanding satu atau dua orang.

Sebab itu, saya fikir selain daripada itu, pihak lembaga pengarah juga hendaklah diberi pendakwaan yang lebih berbanding dengan yang sedia ada sekiranya mereka melakukan penyelewengan kerana sekiranya kita tidak mahu anggota-anggota koperasi yang kadang-kadang tidak tahu, kurang faham dan tidak banyak mengerti tentang hal-hal perniagaan koperasi itu menjadi mangsa kepada kesalahan tadbir oleh mereka yang dilantik sebagai pengarah kepada koperasi tersebut. Sebab itu, kita perhatikan bahawa baru-baru ini kerajaan telah memperkenalkan dan kerajaan telah meminda satu rang undang-undang akta iaitu, Akta Cukai Perkhidmatan, Akta Cukai Duti Eksais, Akta Cukai Jualan dan sebagainya dan kita perhatikan bahawa di dalam akta itu, ada menyebut bahawa bukan hanya lembaga pengarah sahaja yang bertanggungjawab, yang akan didakwa sekiranya koperasi tersebut tidak membayar hutang-hutang kerajaan bahkan ahli-ahlinya juga hendaklah bertanggungjawab dari segi membayar hutang-hutang kerajaan. Kalau tidak, maka mereka juga akan didakwa.

Saya fikir ini kurang sesuai kerana kebanyakan ahli-ahli kalau kita lihat di peringkat kampung-kampung, mereka masuk koperasi ini dalam keadaan mereka melihat tentang kepentingan sepertimana yang saya sebutkan tadi iaitu kepentingan bilamana berlaku kematian, mereka dapat lihat perolehan, bilamana anak-anak mereka masuk universiti, mereka ada sedikit imbuhan walaupun dari segi dividen, tersangat kecil dividen yang mereka perolehi terutama koperasi-koperasi di peringkat kampung. Sebab itu, pada suatu ketika dahulu, di mana kerajaan telah membuat

allotment dengan izin, saham-saham kepada syarikat-syarikat bumiputera, pada ketika itu, umpamanya Tenaga Nasional Berhad, Telekom dan DRB Hicom Berhad, maka pada waktu itu, bilangan saham tertentu telah diperuntukkan untuk koperasi-koperasi tersebut.

Sebab itu, saya fikir umpamanya kalau kerajaan menggunakan kaedah yang sama sepertimana terhadap Tenaga Nasional Berhad, terhadap DRB Hicom, sepatutnya kerajaan juga menggunakan kaedah yang sama kepada Pos Malaysia Berhad, maka kemungkinan koperasi-koperasi sama ada bumiputera dan bukan bumiputera juga mendapat peluang daripada *allotment* dengan izin, peruntukan saham-saham tersebut tetapi, alangkah malangnya bagi negara kita, Pos Malaysia telah diambil alih secara yang tidak jelas. Jadi, alasan yang digunakan oleh Timbalan Menteri mengatakan bahawa dia lebihkurang tepat bagi pandangan masyarakat terbanyak. Sebab itu, saya memohon supaya kementerian demi menjaga kepentingan anggota-anggota koperasi, lebih ramai lagi anggota-anggota koperasi, maka sila lihat kepada peluang-peluang perniagaan yang boleh dimanfaatkan oleh koperasi-koperasi itu sendiri. Umpamanya, dari segi permit-permit AP kereta, umpamanya dari segi bilangan lesen-lesen kereta memandu.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, saya fikir saya lari sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi.....[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua tidak kena.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Pasal apa Tuan Yang di-Pertua, dia hendak buat tribunal, tribunal sahaja, pindaan kita tribunal sahaja. Jadi, kita kena kaitkan sedikit sejarah-sejarah koperasi supaya koperasi mendapat banyak manfaat daripada cadangan-cadangan yang kita buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keluarlah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, saya akhiri dengan wabilahitaufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar.

3.27 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Belayar sampai Batang Lupar, baru balik ke Parlimen semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dari mula lagi mendengar dan berdiri tiap-tiap kali, dan alhamdulillah dapat juga. Mendengar Yang Berhormat bagi Tambun bercakap dan Yang Berhormat bagi Batu Pahat bercakap dan cukup tertarik hati dengan semua perbahasan yang dibuat. Yang terkeluar banyak memanglah Jeli, keluar semua bahas, semua sekali benda yang dia cakap itu. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Batu Pahat yang ingin saya sebutkan juga, saya banyak menyebut soalan koperasi polis ini. Ini bermakna banyak penyelewengan dan pentadbiran yang kurang jelas. Pokok pangkalnya ialah oleh kerana praktis demokrasi dalam badan itu sendiri. Apabila ahli-ahli yang masuk koperasi ini iaitu, daripada ahli pangkat rendah yang dahulunya mungkin mempunyai kelulusan *primary* 6, 5 ataupun *form* tiga ke bawah, dan mereka sekarang menjadi ahli koperasi lepasan polis dan sebagainya.

Apabila pemilihan berlaku, pegawai-pegawai kanan, pegawai yang mempunyai kebolehan, pegawai profesional yang berkebolehan mentadbirkan koperasi ini tidak mendapat tempat oleh kerana disisih oleh pihak rank and file. Dengan keadaan yang sedemikian wujudlah pentadbiran Lembaga yang mana tidak mempunyai latarbelakang kemampuan untuk mentadbirkan benda-benda yang besar. Jadi, itulah sebabnya dan saya tahu sendiri satu koperasi polis di Kuching yang saya telah beritahu di dalam Dewan ini tetapi, susulan daripada kementerian memang tidak ada. Saya tahu tidak ada kerana koperasi itu telah diberi tanah oleh pihak kerajaan negeri sehinggakan kerajaan negeri rasa pudar hendak memberi tanah kepada mana-mana koperasi lain oleh kerana pentadbiran koperasi ini mendatangkan yang mana ahlinya tidak mendapat apa-apa benda tetapi orang yang memanipulasikan koperasi ini, pihak peguam, pihak *planners* dan sebagainya mendapat untung dua, tiga kali daripada satu kontraktor pergi kepada satu kontraktor dan satu kontraktor yang lain, mereka sahajalah yang dapat.

Yang tidak dapat itulah ahli koperasi dan mungkin jawatankuasa koperasi itu dapat, saya tidak tahulah. Tetapi, ini perlu diselidik. Saya minta diselidik dahulu di Kuching, di Sarawak itu, tetapi sampai sekarang tidak buat. Kalau dibuat pun, saya tidak tahu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuhlah soalan pindaan ini. Pindaan ini walaupun pada pandang saya, saya alu-alukan dan saya menyokong,

telah terlambat oleh kerana dahulu tribunal diwujudkan pada tahun 1998, pada bulan Mei tetapi kenapa sekarang baru kita lihat yang kuasa untuk penguatkuasaan keputusan tribunal ini tidak dipandang pada masa dahulu, menunjukkan kenapa ini berlaku? Sepatutnya, tidak berlaku kerana kalau kita lihat daripada segi undang-undang ini, di zaman Nabi memang betul, kalau satu pengisytiharan yang kata dalam Al-Quran, hadis dan sebagainya keluar, apa yang Nabi kata, semua orang ikut. Tetapi sekarang, bukan zaman Nabi lagi. Zaman orang tidak ikut kata. Jadi, kuasa mesti diberi kepada satu-satu agensi untuk menguatkuasakan sesuatu benda. Ini telah kita lihat. Saya harap pihak kerajaan melihat pada masa yang akan datang, apabila tribunal dibuat, cara ataupun mekanisme untuk menguatkuasakan satu-satu perkara itu, mesti dibuat. Di sini, berbangkit satu, dua, tiga perkara.

Masalah yang pertama disebut dalam undang-undang ini sendiri, aturan dan kaedah-kaedah Mahkamah Rendah. Ini akan diatasi oleh pindaan ini sendiri. Tetapi, persoalan yang masih berbangkit, dalam 1,500 kes yang telah direfer kepada tribunal, 500 yang telah diselesaikan, tinggal lagi 1,000. Dalam yang 1,000 diselesaikan oleh tribunal itu, saya hendak bertanya, apakah *substantive matters* masih ada, masih wujud pertelingkahan di antara mereka ini.

Kalau berlaku satu *substantive matters* undang-undang ini telah tidak berupaya untuk mengatasinya kerana ini adalah penguatkuasaan keputusan tribunal tetapi tribunal membuat kesalahan tidak ada mekanisme untuk membuat satu rayuan ataupun apa kepada pihak-pihak atasan lain. Itu yang pertama.

Yang kedua dalam ini mengatakan (6C) walaupun mana-mana undang-undang bertulis ataupun rukun undang-undang yang berlawanan Mahkamah Seksyen hendaklah mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan apa-apa award yang dibuat oleh tribunal. Cukup jelas. Tetapi bagaimana kalau Mahkamah Seksyen itu sendiri tidak mempunyai bidang kuasa di bawah undang-undang lain yang memberi kuasa kepada Mahkamah Seksyen ada batasan-batasan dan had yang tertentu. Macam mana kalau had itu sendiri tidak ada, tidak cukup. Siapa pula yang mempunyai kuasa kerana di sini tidak mengatakan membenarkan mahkamah lain, diberi kepada Mahkamah Sesyen. Kalau Mahkamah Sesyen tidak mempunyai kuasa di bawah Judicial Act dan sebagainya, dengan sendiri mahkamah itu tekad di belakang tetapi di bidang kuasa di bawah ini tidak memberi kuasa kepada bidang mahkamah lain, Mahkamah Tinggi umpamanya.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri sebab saya baru terima surat ini tadi tidak baca undang-undang terlibat dan saya ingat undang-undang Tribunal Koperasi ini juga memberikan suatu perundangan kalau tidak makna masih ada dalam undang-undang dia *lacuna* dalam undang-undang ini ataupun jurang yang tidak ada diisi, *vacuum*, dengan izin. Bahawa keputusan tribunal itu adalah final. Kalau betul dia final barulah undang-undang ini mungkin telah diisi keseluruhannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian apabila pada masa-masa yang akan datang bawalah kepada pihak AG *draftman* undang-undang ini. Kalau perkara macam ini berlaku tribunal ditubuhkan, undang-undang penguat kuasa mestilah dibuat dan persoalan ini batasan had dan sebagainya ini mesti dilihat bersama.

Dan satu lagi, di sini telah juga memperuntukkan bahawa apabila keputusan tribunal itu dibuat dan had-had yang tertentu telah ditetapkan di bawah kaedah-kaedah Mahkamah Rendah ini. Jadi, di sini katakan tidak kisah benda itu sudah dibuat di sini apabila undang-undang ini dikuat kuasa dan had akan bermula pada masa undang-undang ini dikuatkuasakan. Dan persoalannya apabila masalah *substantive* berlaku, perkara lain berlaku, di mana letaknya limitation undang-undang, di mana batasnya. Di mana bermula. Kerana dulu kita sudah ikat tangan orang, sekarang kita hendak buka semula. Di mana bermulanya batasan dan had untuk rayuan. Ini persoalan yang amat relevan dengan undang-undang ini.

Jadi, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, soalan koperasi. Tadi Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat bagi Batu Pahat banyak menyebut persoalan pergerakan koperasi di negara kita ini dan masalah-masalah koperasi ada sedikit sebanyak disebut oleh Yang Berhormat bagi Tambun dan kita memang menerima baik anugerah-anugerah yang diberi kepada pemimpin koperasi yang telah diberi pengiktirafan oleh dunia tetapi nampak pada saya kalau koperasi-koperasi yang ada di Sarawak itu menjadi satu *yardstick* atau satu kayu pengukur, masih perlu banyak diperbuatkan.

Nampaknya kita hanya menekan kepada soalan form tetapi tidak kepada substance. Kalau peraturan dia baik, program baik, tidak kira sama ada dia untung ataupun rugi kita sudah kata baik. Jadi, ini sepatutnya tidak berlaku. Kalau koperasi dibuat, koperasi mesti boleh melaksanakan apa benda yang kita hendak gunakan koperasi itu. Kalau hendak mendatangkan sumber kewangan, mendatangkan

keuntungan, mendatangkan apa kepada ahlinya itulah matlamat yang penting. Tetapi soalan kita sudah beri garis panduan, kita sudah beri undang-undang, kita sudah buat apa benda sahaja itu tidak penting kepada saya. Kalau kita ada benda pun kalau tidak berjaya mendatangkan hasil kepada ahlinya makna dia belum berjaya lagi.

Jadi, dengan sendirinya apa yang kita terima itu adalah oleh kerana *top heavy arrangement* dengan izin, maknanya *structure* perundangan, *rules* dan sebagainya semua baik. Tetapi di bawahnya ahli-ahli dan lembaga, ahli-ahli koperasi, jawatankuasa koperasi, orang yang dipilih menjadi lembaga koperasi belum boleh melaksanakan dan mendatangkan hasil kepada ahli-ahlinya. Jadi, ini perlu dilihat. Pernah saya menyarankan supaya kita beri prasyarat orang yang hendak menjadi lembaga koperasi ini. Kalau saya sebut, saya berani sebut ahli lembaga koperasi Polis Sarawak, Royal Malaysia Police di Sarawak. Kalau ada orang daripada ahli lembaga ini yang lebih sekolah dia daripada Form 3, saya mungkin mengata minta maaf, yang saya tahu semua dia kurang daripada Form 3. Bukan saya kata orang tidak mempunyai persekolahan ini tidak boleh memandu apa-apa badan. Bukan itu yang saya katakan. Bolehlah mengundi orang, hendak jadi orang, boleh. Tetapi untuk memajukan tanah yang besar-besar mendatangkan untung dan sebagainya itu, mungkin kita boleh memikirkan sepatutnya orang profesional. Sepatutnya orang yang hendak dipilih ke tempat lembaga koperasi ini mempunyai satu prasyarat, kerajaan mesti mewujudkan satu prasyarat. Kalau hendak jadi lembaga ini sekurang-kurangnya ini, *pre-qualification* dia supaya dia kalau bila dipilih nanti bolehlah mentadbir dengan sebaik-baik mungkin. Tidaklah menjadi harapan yang tidak mendatangkan hasil kepada ahli-ahli yang mempunyai harapan besar sedemikian. Jadi, bolehlah koperasi ini menjadi satu lagi sistem yang mendatangkan hasil kepada masyarakat Malaysia. Kalau ini tidak dilihat dengan sendirinya. Kita banyak ahli 4.6 juta tetapi apa hasil kepada 4.6 juta ini.

Jadi, satu lagi yang penghabisan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak panjang cerita. Yang penghabisan, kawalan, pemantauan dan nasihat daripada jabatan. Kadang-kadang orang lihat Sarawak, orang lihat Sabah sama melihat Perlis, sama melihat Johor, sama melihat mana-mana negeri di Semenanjung. Tetapi negeri di Semenanjung ini kita masuk kereta daripada rumah dalam masa satu jam dua jam kita sudah sampai tempat kita. Tetapi di Sarawak ada masih banyak tempat daripada pejabat-pejabat koperasi ini yang makan masa mungkin dua hari atau tiga

hari baru sampai. Kalau hendak balik dua hari tiga hari lagi baru balik. Maksudnya seminggu baru berjumpa dengan pegawai-pegawai. Koperasi di pedalaman Sarawak beratus-ratus tetapi apakah pemantauan, apakah khidmat nasihat dan apakah pemantauan yang telah dibuat untuk kepentingan ahli-ahli koperasi ini.

Saya pernah bertanya dengan pegawai-pegawai koperasi di Sarawak. Jawapannya ialah satu. Tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk pegawai-pegawai pergi ke tempat-tempat yang strategik, tempat-tempat di pedalaman untuk memantau melihat, memberi khidmat nasihat kepada ahli-ahli lembaga koperasi. Dalam kita *exercise democratic rights* pilihan secara macam ini sahaja tidak ada pra-syarat kawalan daripada jabatan pula tidak mendatang. Oleh kerana pegawai itu telah diikat tangan dari belakang, kaki tidak boleh jalan sebab tempat koperasi itu jauh di pedalaman. Jangan hendak naik helikopter, naik bot pun tidak boleh sebab tidak cukup duit.

Jadi saya haraplah kalau di Sarawak cerita hal Sarawak dan Sabah itu, tolonglah lihat Sarawak dan Sabah itu mesti dilihat dalam satu golongan yang berlainan daripada segi *transport* dan *traveling* dia. Kalau kita hendak memajukan satu-satu perkara itu kita kena lihat, jangan lihat dalam pejabat kita atas paper. Kadang *map* macam itu sahaja, kita buat jengkal satu pun sudah sampai sudah. Tetapi kalau hendak berjalan naik bot daripada Miri ke Ulu Baram itu kena naik dua bot. Satu bot kena bawa satu drum minyak sebab minyak tak ada jual di Ulu. Kalau dia hendak pergi ulang balik ke Ulu dia kena bawa dua drum, satu naik satu turun. Satu bot memang tidak bekerja lain memang bawa minyak sahaja. Macam mana hendak buat.

Jadi, ini pendekatan mestilah kita lihat dari segi realitinya. Malaysia ini masih banyak perbezaan dia. Jadi, saya berharap jabatan koperasi di Sarawak itu mestilah diberi peruntukan yang mencukupi untuk mereka mentadbir, mengurus, mengawal, memantau dan sebagainya pergerakan koperasi di Sarawak itu supaya keseluruhannya jangan kita *top heavy* sahaja dapat award sudah buat *euphoria* dengan our success. Tetapi yang di pedalaman itu lihat pegawai pun belum, jangan kata hendak jumpa siapa. Pegawai macam mana hendak marah dia, kerajaan tidak bagi duit.

Jadi, saya berharap kementerian melihat dan realistik melihat keperluan jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai di kawasan-kawasan yang mana keperluan ialah untuk mereka pergi dan melihat pergerakan-pergerakan ini supaya jangan

bergerak di Kuching, di Sibu, di Miri di Bintulu kapal terbang ada memang okay. Kalau di Ba'kalalan di Ulu Baram, di Tinger, di Bario pun mungkin pegawai tidak boleh naik. Apa hendak marah, jangan marah sebab pegawai tidak dapat peruntukan. Jangan kata hendak bagi elaun, bagi tambang pun tidak boleh.

Jadi, saya sebut sekali ini saya rasa oleh kerana saya mengetahui masalah mereka ini. Kerana kadang-kadang persepsi kita berlainan. Kalau orang boleh daripada Johor pergi ke Perlis dengan tambang RM150 bayar tambang kereta api, saya berani jamin kalau kawasan di Sarawak daripada Miri pergi ke Ba 'kalalan tidak boleh dengan RM150 ataupun RM500.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata sedemikian saya ingin menyokong tetapi belum duduk lagi Datuk, rang undang-undang ini kena lihat sekali lagi persoalan-persoalan yang saya tanya tadi minta dijawab juga, persoalan undang-undang ini sendiri dan pindaan ini sendiri dan macam mana mekanisme-mekanisme yang saya tanya tadi dan tindakan-tindakan kerajaan seterusnya supaya kita kadang-kadang wujudkan satu benda tetapi mekanisme yang keseluruhannya tidak dilihat secara menyeluruh. Dengan kata-kata yang demikian saya menyokong.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Setiu.

3.43 ptg.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya untuk turut sama membincangkan berhubung dengan pindaan Akta Koperasi 1993 untuk meminda seksyen 83 Akta 502.

Sesungguhnya sudah sampai masanya untuk kita memastikan bahawa koperasi yang selama ini merupakan tempat di mana ramai ahli-ahli koperasi yang terdiri daripada golongan bawahan terutamanya golongan-golongan pekerja biasa yang meletakkan harapan yang begitu tinggi untuk mereka mendapat kemudahan-kemudahan, skim-skim dan pelbagai bentuk tawaran yang akan diberikan oleh koperasi bagi membantu mereka dalam meningkatkan ekonomi dan membantu ketika mana mereka menghadapi kesusahan. Bagaimanapun, kita dapati bahawa selama ini banyak kes-kes penyalahgunaan kuasa dan juga kes-kes yang mana golongan yang terlibat secara langsung dalam melakukan penyelewengan di dalam koperasi terlepas begitu sahaja.

Seperti mana kita ketahui bahawa dalam usaha negara kita untuk menjadi sebuah negara maju, kita telah membuat pelbagai pindaan sebenarnya untuk memastikan berlakunya ketelusan, *good governance* dan seumpamanya dan saya fikir inilah akta yang perlu kita pertegaskan supaya *good governance* dalam koperasi ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik dibanding dengan masa-masa yang lalu. Saya ingin mendapat kepastian jumlah sebenar ahli-ahli koperasi daripada pihak kementerian, pihak kerajaan sehingga sekarang dan berapa banyak sebenarnya duit ataupun wang yang dimiliki oleh koperasi-koperasi di seluruh negara. Sebab saya difahamkan Angkasa setiap bulan terima caruman hampir RM100 juta sebulan dan ini merupakan satu jumlah yang cukup besar.

Dan kita juga melihat beberapa koperasi yang selama ini dianggap sebagai koperasi gergasi dalam negara kita. Saya bagi contoh bagaimana kepentingan-kepentingan politik pihak-pihak tertentu dilaksanakan oleh Pengerusi dan Ahli Lembaga Koperasi. Sebagai contoh dalam KUB dahulu, ketika mana bersama-sama dengan rakan-rakan dahulu dikerah supaya menambahkan keahlian KUB dan dijanjikan bahawa di kalangan KUB akan lahir lebih kurang 50 orang jutawan..

Seorang Ahli: 300!

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Ha? Oh 300, itu jumlah barulah. Yang saya difahamkan lebih kurang 50 hingga 300 orang jutawan tetapi sehingga sekarang senyap sunyi dan baru-baru ini apabila berlakunya pertandingan Majlis Tertinggi UMNO, saya difahamkan bahawa hampir RM2 juta duit koperasi KUB digunakan untuk membuat kempen. Ini saya minta dipastikan supaya ramai ahli-ahli tidak teraniaya.

Kita juga dapati juga bahawa bagaimana dalam budaya koperasi, digalakkan membuat hutang. Sepatutnya koperasi ini menggalakkan ahli-ahlinya mendapat kemudahan pinjaman secara lebih baik ataupun secara yang jauh lebih rendah kadar dividennya dibandingkan dengan tempat-tempat lain, tetapi kita dapati bahawa terdapat penyelewengan dalam koperasi, umpamanya dalam skim beli barangan. Dan ini biasa berlaku iaitu bila menggunakan skim tersebut, barangnya tidak dihantar tetapi wangnya diperolehi menggunakan kaedah-kaedah di mana mereka mendapat wang cash secara langsung daripada koperasi tanpa memerlukan mereka untuk membeli barangan.

Banyak saya fikir perkara-perkara yang dilakukan dalam skim koperasi ini yang perlu dilihat dan saya mengharapkan dengan pindaan akta ini, membolehkan

pihak kerajaan khususnya mengambil tindakan segera terhadap mereka yang menyalahgunakan kedudukan mereka dalam koperasi.

Kita juga ketahui bahawa koperasi ini sepatutnya mempunyai sifat ataupun menjadikan koperasi ini sebagai tempat di mana ahli-ahlinya saling bantu-membantu dalam istilah yang digunakan sebagai konsep taawun, kerjasama, bantu-membantu, terutamanya di kalangan masyarakat nelayan dan petani di mana mereka sepatutnya menggunakan ataupun menjadikan koperasi-koperasi sebagai tempat di mana keluaran barangan mereka, dapat dipasarkan (*outlet*) sebab kita tengok koperasi-koperasi yang berjaya di negara luar, umpamanya di Holland ataupun di Belanda, terdapatnya hypermarket milik koperasi.

Malaysia sebenarnya masih muda lagi, masih kata orang, baru lagi dalam melibatkan diri dalam syarikat-syarikat besar dan ini memerlukan kepada pihak kerajaan untuk memberi peluang kepada koperasi-koperasi kita untuk turut sama terlibat dalam projek-projek besar. Saya mempunyai pandangan yang sama dengan Yang Berhormat bagi Jeli bahawa projek-projek penswastaaan, umpamanya, sepatutnya dengan keahlian koperasi yang begitu ramai dan mendapat manfaatnya daripada ramai ahli-ahli sepatutnya diberikan kepada koperasi-koperasi yang kita percayai sepertimana Pos Malaysia umpamanya, yang sepatutnya lebih munasabah untuk diserahkan sebahagiannya kepada pihak koperasi.

Dalam pengalaman kita juga, kita tengok bagaimana Koperasi Belia Islam (KBI) dengan ahlinya seramai 7,000 orang telah memohon kepada kerajaan untuk mendapatkan penswastaaan IKRAM (Institut Kerja Raya Malaysia) yang pada peringkat awalnya, memang KBI ini dengan MBO dengan pihak kakitangan IKRAM telah bersama-sama untuk membangunkan Institut Kerja Raya Malaysia ini, tetapi akhirnya dengan sikap kerajaan yang lebih mementingkan kepada kroni dan pihak-pihak tertentu, diserahkan penswastaaan ini kepada hanya satu-dua kerat manusia dengan mengetepikan 7,000 orang ahli koperasi dan ratusan pekerja-pekerja daripada Institut Kerja Raya Malaysia sendiri. Dan ini memberi gambaran kepada kita bahawa pihak kerajaan sepatutnya memandang serius kepada projek-projek yang dianggap mempunyai daya maju dan mempunyai keuntungan besar, sepatutnya koperasi-koperasi yang mempunyai keahlian yang ramai, sepatutnya diserahkan ataupun diberi kesempatan kepada mereka untuk turut sama mendapat kek ataupun mendapatkan peluang dan keuntungan daripada perniagaan yang dilaksanakan.

Tuan Saupi bin Daud: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada sahabat saya mengenai keadaan koperasi yang setengahnya didakwa bahawa koperasi ini selalunya berbelanja mewah tetapi ahli-ahli mendapat dividen yang sedikit. - Dan sebagaimana yang dinyatakan oleh saudara tadi, umpamanya saya ambil contoh daripada koperasi yang tidak sepatutnya berlaku iaitu Koperasi Polis Diraja Malaysia sendiri yang kita anggapkan bahawa koperasi ini adalah satu koperasi yang begitu mantap.

Beberapa dakwaan yang telah dibuat oleh ahli-ahli koperasi ini mengatakan bahawa pembahagian keuntungan sebahagian besarnya pergi kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan juga kepada mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah Koperasi itu sendiri, kemudian pembayaran ini dimasukkan di dalam akaun ataupun dipotong melalui dividen ahli dan menyebabkan dividen ahli sentiasa rugi pada setiap tahun. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat tentang hal ini.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih kepada sahabat saya dari Tanah Merah. Saya amat bersetuju bahawa koperasi seperti koperasi polis dan tentera sepatutnya mempunyai *secured buyer*, kata orang, yang mempunyai pelanggan tetap. Kalau apa pun yang dilaksanakan oleh pihak koperasi memang mereka mempunyai *ready market* yang mampu untuk melibatkan sama dalam menjayakan koperasi-koperasi milik mereka bersama, tetapi mungkin di kalangan ahli-ahli koperasi tentera dan polis sendiri, mereka kurang yakin kepada kepimpinan koperasi, Pengarah ataupun Lembaga Pengarah mereka. Dan ini yang berlaku sebab setiap tahun kita dapati bahawa dividen mereka semakin berkurangan.

Saya bagi contoh lagi bagaimana dalam koperasi polis dan tentera umpamanya, bagaimana kalau perumahan-perumahan ataupun kem-kem milik tentera dan polis ini kalau sebahagian daripada projek tersebut diserahkan sama kepada pihak koperasi mereka, ini tentunya akan memberi pulangan yang lebih lumayan kepada koperasi milik mereka ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak yang terlibat dengan koperasi ini supaya dapat kita kembalikan balik kepada konsep asal koperasi iaitu di mana koperasi dengan tujuan mereka menubuhkan ini ialah untuk menjana ekonomi awam, ekonomi ahli-ahli bagi menggantikan sumber kewangan yang sepatutnya mereka perolehi daripada bank yang mempunyai *interest* ataupun kadar faedah yang tinggi.

Dan dengan dana awam ataupun dana ahli ini, mereka mampu melakukan pelbagai projek yang nantinya hasil ataupun pulangan itu dapat dipulangkan kembali kepada ahli. Dan juga sepatutnya koperasi kembali kepada konsep untuk menawarkan barangan-barangan yang akan ditawarkan kepada ahli-ahli mereka dengan tawaran yang lebih murah dan konsep untuk membantu dan bekerjasama dengan ahli-ahli. Untuk itu, saya sekali lagi mencadangkan supaya dikuatkuasakan peranan audit dalam untuk memastikan bahawa sebarang bentuk penyalahgunaan perbelanjaan akan lebih telus. Ini dapat memastikan bahawa koperasi kita, insya-Allah akan menjadi koperasi yang akan dipercayai oleh ahli-ahli.

Saya menyokong pindaan koperasi ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Aman.

3.55 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah bercakap di atas berkenaan dengan rang undang-undang ini sahaja, ya. Berkenaan dengan award ataupun yang diberikan oleh tribunal itu hendak di-enforcekan di Mahkamah Sesyen. Yang itu sahaja, tiga itu sahaja.

Tuan Jimmy Lim Donald: Ini ada kaitan secara langsung Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya ingin cakap tentang kaitan ini dengan apa yang terjadi di seluruh Malaysia, lebih-lebih lagi di kawasan saya di Sarawak, oleh kerana saya minta kementerian ini apabila memikirkan rang undang-undang ini, minta kementerian dan menteri menilai semula falsafah berkoperasi dan mengolah semula arah yang baru yang dapat disukai, dapat dihormati dan juga dapat diikuti oleh semua, oleh kerana tidak guna kita membentangkan ini di Parlimen kalau prinsip koperasi pun kita sudah lupakan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1950-an, koperasi telah ditubuhkan di Sarawak. Bermula dengan kedai runcit, tetapi selepas itu, kedai runcit itu pun uzur dan bankrap. Apabila permulaan, semua orang bangga, "Saya adalah pegawai koperasi" tetapi pada masa sekarang, tidak pernah saya mendengar orang bangga mengatakan mereka adalah pegawai koperasi. Dan apabila koperasi-koperasi di rumah panjang itu bankrap, koperasi menerima nama buruk dan semangat berkoperasi pun menjadi tidak disukai orang.

Saya rasa ini adalah kerana tidak ada ceramah susulan, tidak ada motivasi daripada pemimpin-pemimpin. Dan saya juga ingin bertanya apakah relevance dari

segi kementerian, relevance untuk berkoperasi di luar-luar bandar seperti di Sarawak untuk masa kini, tetapi masalah yang boleh diselesaikan melalui koperasi masih ada. Kemiskinan di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, masih ada; orang tengah yang mengeksploitasikan orang luar bandar yang boleh diselesaikan melalui koperasi masih ada; keperluan untuk kedai runcit masih ada; keperluan untuk supermarket masih ada; keperluan untuk memasarkan barang-barang dari luar bandar melalui koperasi masih ada; dan tanah-tanah di luar bandar, lebih-lebih lagi di Sarawak masih luas, masih tidak dimajukan melalui penanaman kelapa sawit ataupun melalui penternakan ikan air tawar. Semua keperluan ini masih ada dan boleh diselesaikan melalui koperasi.

Bumiputera di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, juga masih sangat miskin, masih memerlukan pertolongan, tetapi saya tidak nampak ada semangat dari kementerian ini untuk menyelesaikan masalah-masalah ini melalui koperasi.

Saya juga ingin menyentuh mengenai koperasi sekolah. Saya nampak koperasi sekolah masih lemah dan tidak mendapat sambutan yang baik. Guru-guru dan murid-murid merasa koperasi sekolah ini membuang masa dan kalaulah sekolah itu, jumlah murid seramai 2,000 ataupun 1,000 orang, apabila kita menjemput mereka bermesyuarat koperasi, mendapat 30 orang murid hadir pun tidak dapat, 5 orang guru hadir pun tidak dapat.

Jadi, saya minta kementerian ini mengolah langkah baru, arah baru dan kaedah baru untuk menyelesaikan keadaan yang seperti ini dan juga oleh kerana saya rasa, kementerian ini memerlukan prinsip baru, arah baru dan falsafah baru. Sebenarnya orang ingin berkoperasi tetapi mereka meragui kualiti kepimpinan dan mungkin mereka ragu tentang undang-undang koperasi yang kadang-kadang pudar dan lemah dan penguatkuasaan juga pudar dan lemah.

Jadi, saya sebagai mengakhiri ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, DG dan pegawai-pegawai kanan balik ke kolej koperasi ataupun pergi ke Cameron Highlands ataupun pergi ke negara-negara di mana koperasi ini maju, adakan *retreat*, wujudkan falsafah dan idea yang baru. Mereka dapat mengadakan percambahan fikiran apabila mereka mengadakan *retreats* supaya idea koperasi ini dapat diterima oleh semua.

Untuk renungan kita semua Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, berapa orang kita di dewan ini mengatakan menteri koperasi inilah yang lebih berpengaruh daripada menteri-menteri yang lain. Saya fikir tidak pernah terlintas di

fikiran kita tetapi kalau jumlah orang yang berkoperasi ini 4.6 juta dengan izin he should be one of the most influential ministers in the country. Jadi, inilah yang kita mahu dan inilah yang saya mahu diselesaikan oleh mereka lebih-lebih lagi kalau kita memikirkan orang-orang yang masih belum sampai ke tahap orang yang duduk di Kuala Lumpur, iaitu orang-orang di pedalaman dan di luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Arau dan selepas itu menteri menjawab. Oh Yang Berhormat bagi Sepang, sorry, minta maaf, ya.

4.02 ptg.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993. Saya amat bersetuju dengan pindaan seksyen 83 Akta 502 bagi memudahkan penguatkuasaan award yang dibuat oleh tribunal kepada Mahkamah Sesyen. Selama ini award yang dibuat oleh tribunal direkodkan dan dikuat kuasa sebagai penghakiman Mahkamah Sesyen. Subseksyen baru 6A, 6B dan 6C yang dimaksudkan di dalam subseksyen ini akan memudahkan penguatkuasaan award oleh Mahkamah Sesyen dengan peruntukan tatacara tersendiri penguatkuasaan di Mahkamah Sesyen.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini penting untuk memartabatkan imej koperasi dari segi pengawalan undang-undang dan sistem perundangan yang lebih sistematik dan jitu. Hakikatnya Mahkamah Sesyen bertanggungjawab dalam membicarakan semua jenis kesalahan-kesalahan selain dari hukuman mati. Malah mahkamah ini boleh menjalankan siasatan permulaan dan mempunyai kuasa tambahan yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga. Situasi yang mana Mahkamah Sesyen mempunyai kuasa menguatkuasakan apa-apa award yang dibuat oleh tribunal menunjukkan keputusan yang dibuat oleh tribunal itu akan lebih terjamin kedudukannya. Malah keputusan yang dibuat oleh tribunal itu akan lebih dihormati. Perkara ini juga menunjukkan bahawa sistem melalui tindakan Mahkamah Sesyen turut berupaya mengawal penyelewengan dalam koperasi dan melicinkan lagi jentera yang melibatkan pengurusan perundangan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini beberapa penyelewengan yang melibatkan koperasi-koperasi didedahkan di dalam dada-dada akhbar di mana Pengerusi Angkatan Koperasi Kebangsaan Berhad (ANGKASA) Profesor Diraja Ungku Aziz baru-baru ini telah mendedahkan tentang kes penipuan yang

membabitkan beberapa kakitangan kerajaan yang mendapatkan pinjaman secara segera melalui ejen kewangan koperasi. Malah terdapat kes empat orang guru di beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur dan Selangor ditipu oleh seorang wanita yang menjadi ejen peminjam wang segera daripada sebuah koperasi menjual barangan elektrik secara ansuran sejak tahun lalu. Individu atau mangsa penipuan di minta mengisi borang menjadi ahli sebelum mendapat peluang menikmati pinjaman ataupun pembelian barangan.

Orang dalam digunakan untuk memastikan proses pinjaman diuruskan dengan lancar dan taktik penipuan tidak dapat dikesan oleh peminjam. Kemungkinan terdapat unsur rasuah dalam kegiatan ini. Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, sejarah ada mencatatkan tentang masalah koperasi, pengambil deposit pada tahun 1986 yang mengambil deposit secara terbuka tanpa menentukan matlamat kegunaannya. Kelonggaran akta koperasi pada waktu tersebut digunakan oleh orang-orang perseorangan atau peniaga menubuhkan koperasi dengan tujuan mengambil deposit. Namun koperasi pengambil deposit tidak mempunyai perancangan yang kemas bagi penggunaan wang deposit. Koperasi ini menjalankan pelaburan secara membuta tuli, malah memungut deposit daripada orang ramai untuk faedah sendiri. Akhirnya Bank Negara telah membekukan semua wang harta dan aset 23 koperasi pengambil deposit. Antara koperasi yang terlibat ialah Koperasi Serbaguna Gunung Mas, Koperasi Pemuda Malaysia Berhad dan Koperasi ENE Berhad. Oleh itu wajarlah akta koperasi ini dipinda dari masa ke semasa bagi mengawal dan memartabatkan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin wanita saya perlu menyentuh tentang kedudukan wanita dalam gerakan koperasi di Malaysia. Hakikatnya gerakan koperasi di Malaysia telah bertapak sejak tahun 1922. Apabila ianya cuba diperkenalkan oleh penjajah British. Pada hari ini bilangan koperasi telah meningkat kepada 3,933 buah dengan keanggotaan seramai 5.18 juta orang. Realitinya terdapat satu perkembangan yang baik apabila terdapat peningkatan penglibatan wanita dalam koperasi iaitu mencecah 34.5% dari angka keseluruhannya. Tetapi Tuan Yang di-Pertua malangnya saya merasa sedikit tercabar apabila Jabatan Pembangunan Koperasi memaparkan hanya 9.7% wanita terlibat dalam kepimpinan koperasi.

Di peringkat lembaga sebilangan besar wanita memegang jawatan anggota lembaga biasa dan kurang dilantik sebagai pengerusi. Situasi ini perlu diperbaiki

supaya matlamat penguasaan 30% wanita dalam tugas pembuat dasar negara dapat direalisasikan. Sebenarnya kepentingan wanita dalam koperasi begitu penting sebagai aset memantapkan kedudukan ekonomi wanita di samping menjadi model yang bertindak sebagai ejen anjakan paradigma dalam masyarakat. Wanita perlu menyedari bahawa koperasi memberi banyak kemudahan kepada mereka seperti pinjaman kewangan untuk pelajaran anak-anak, modal perniagaan, kemudahan kesihatan dan sebagainya. Malah wanita dididik bermentaliti celik dan terbuka kepada ilmu pengetahuan melalui program-program koperasi seperti membuat kertas-kertas kerja projek, kemahiran komputer dan sebagainya.

Saya berharap wanita diberi pendedahan berbentuk maklumat dan menggalakkan untuk menyertai koperasi. Ini memandangkan wanita kurang mengambil bahagian dalam barisan kepimpinan koperasi kerana kurangnya maklumat. Masalah budaya kurang keyakinan diri dan bebanan tugas di rumah. Wanita dalam dunia globalisasi ini tidak seharusnya mengasingkan diri dalam dunia koperasi. Malah apabila kita menyelusuri sejarah terdapat tokoh wanita seperti Saiyiditina Khadijah yang menyumbang dalam dunia ekonomi. Hakikatnya wanita pada hari ini telah berjaya mendominasi 60% dunia pendidikan tinggi dan 46% tenaga pekerja. Maka wanita sudah semestinya dapat menguasai kepimpinan dunia koperasi. Saya berharap pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Angkatan Koperasi Kebangsaan Sendirian Berhad (ANGKASA) dapat memperkasakan wanita dalam koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, koperasi kilang juga harus ditingkatkan kerana bilangan penubuhan koperasi kilang pada hari ini masih rendah jika dibandingkan dengan ribuan pekerja dan jumlah kilang yang terdapat di Malaysia. Setakat ini hanya terdapat 50 buah koperasi kilang dengan jumlah anggota seramai 33,866 orang dengan aset terkumpul sebanyak RM51,347,564.00. Penubuhan koperasi di kalangan pekerja kilang perlu digalakkan, bagi mengumpulkan mereka dalam satu pertubuhan untuk membantu mengatasi masalah kehidupan mereka. Kebanyakan pekerja kilang adalah wanita dan mereka perlu diberikan kesedaran tentang kepimpinan berkoperasi demi meningkatkan taraf sosial ekonomi. Sebenarnya kegiatan koperasi di kalangan para pekerja kilang ini perlu bagi melahirkan pekerja yang berkepimpinan dan dapat menguruskan sesuatu organisasi itu dengan baik.

Ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui kegiatan koperasi ini dapat dijadikan bekal jika berlakunya kemelesetan ekonomi dan pemberhentian pekerjaan.

Setakat ini terdapat beberapa buah koperasi yang berjaya menjalankan kegiatan koperasi seperti Koperasi NEC Berhad di Banting dan Koperasi Serbaguna Motorola Berhad. Oleh yang demikian kita memerlukan sokongan pihak pengurusan kilang di samping usaha Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi merangka dasar dan yang lebih menyeluruh bagi para pekerja kilang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya merasa bangga dengan pencapaian Angkatan Koperasi Kebangsaan Berhad iaitu ANGKASA dalam menghadapi alaf baru terutama dalam bidang pendidikan. Sememangnya koperasi perlu merangka pelan tindakan, mendirikan institusi pendidikan tinggi dan institusi kemahiran teknikal. Saya difahamkan ANGKASA telah berjaya melancarkan program Pendidikan Jarak Jauh atau PJJ yang akan membolehkan para pelajar mengikuti kursus perakaunan di rumah. Kursus jarak jauh itu disusun oleh Jabatan Pusat Berterusan Universiti Malaya. Saya juga difahamkan bahawa ANGKASA telah mengadakan Majlis Pelancaran Tabung Pinjaman Pendidikan Angkasa untuk memberi bantuan pinjaman kewangan kepada anak-anak anggota koperasi melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berharap rancangan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk membina Koperasi Kesihatan dapat direalisasikan. Ini memandangkan beberapa negara seperti Australia, Iran, Jepun dan Taiwan telah melaksanakan usaha ini. Di Jepun misalnya terdapat Saitama Koperatif Hospital yang dibuka pada tahun 1978 dan kini mampu melakukan 18,000 pemeriksaan kesihatan yang dikelolakan oleh anggota-anggota koperasi dengan jayanya. Semoga dengan wujudnya koperasi kesihatan ini prinsip koperasi iaitu prihatin kepada masyarakat dapat direalisasikan. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kementerian menjawab.

4.11 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr Tan Kee Kwong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam debat pada petang ini iaitu meminda Akta Koperasi

Pindaan 2001. Di antara beberapa Ahli Parlimen yang mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat bagi Tambun, Batu Pahat, Jeli, Batang Lupar, Setiu, Sri Aman dan juga Ahli Parlimen Sepang.

Komen-komen dari Ahli Parlimen Tambun mengenai satu-satu kes dapat diselesaikan. Terdapat dua jenis masalah untuk diselesaikan iaitu kes tuntutan hutang oleh koperasi dan juga kes-kes pertikaian dan perubahan pengurusan koperasi. Bagi masalah tuntutan wang iaitu dapat diselesaikan dengan cepat. Bagi kes pertikaian ianya lebih rumit dan memerlukan masa kira-kira 3 hingga 5 bulan untuk diselesaikan.

Tentang komen berapa nilai award oleh tribunal. Tribunal menyelesaikan tuntutan hutang dan oleh itu tidak memberi award berdasarkan nilai. Bagi kes-kes seperti pertikaian juga ianya tidak melibatkan pemberian award berdasarkan nilai. Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga mencadangkan koperasi JPK ditubuhkan koperasi atau National Association Housing Corporation. Pihak Jabatan Pembangunan Koperasi adalah mengamalkan koperasi bekerjasama untuk mendapatkan faedah tertentu. Jika ada koperasi yang hendak bergabung pihak JPK sedia memberi bantuan. Bagi Komen latihan dan pendidikan, kementerian sedar akan pentingnya pengetahuan dan juga pendidikan berkoperasi.

Sepanjang tahun 2000, 600 kursus telah diberikan yang melibatkan lebih kurang 33,000 peserta. Latihan-latihan diberi melalui Maktab Kerjasama Malaysia dan juga ANGKASA. Dari segi komen publisiti untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tambun pihak JPK dan juga Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sentiasa membuat pengenalan dan juga promosi mengenai koperasi melalui ceramah di sekolah-sekolah, di tempat kerja dan juga di kawasan perumahan. Promosi melalui cara-cara lain akan dipertingkatkan. Mengenai komen koperasi patut memainkan peranan memang aktiviti yang lebih besar. Kementerian sedar dan memang menggalakkan koperasi melibatkan diri dalam semua bidang ekonomi termasuk peruncitan. Pada masa ini sebanyak 2,420 koperasi terlibat dalam bidang pengguna dengan anggota melebihi 2.08 juta orang dan syer bernilai RM545 juta.

Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat mencadangkan beri award kepada Royal Profesor Ungku Aziz atau kita panggil 'Pak Ungku'. Baru-baru ini di hari ICA Pak Ungku dapat satu award 'Wira Korperasi' dan tentang lain-lain award kita akan timbangkan. Juga dari segi komen JPK tentang koperasi yang tidak aktif, JPK memang sentiasa memantau perjalanan koperasi-koperasi dan sebelum sebuah

koperasi itu dibatalkan atau ditutup, usaha-usaha akan dijalankan untuk memulihkannya dahulu. Hanya jika usaha ini gagal barulah koperasi itu ditutup. Koperasi yang tidak aktif hanya 226 buah iaitu lebih kurang 5% dari bilangan koperasi. JPK mengambil langkah-langkah berikut untuk pemulihan koperasi:

- (i) memberi latihan dan kursus;
- (ii) mengaudit akaun koperasi dengan fi yang terendah;
- (iii) memberi bantuan kewangan sama ada dalam bentuk geran atau pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Satu perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana pentingnya koperasi pengguna dari segi retailing, supermarket dan sebagainya. Tadi Yang Berhormat mengatakan sebanyak 2,240 koperasi berbentuk demikian dan modalnya RM540 juta, dan bila saya convert dari segi modal untuk satu-satu koperasi tersebut secara purata lebih kurang 241,000, bermakna satu jumlah yang cukup kecil. Jadi, apakah peranan yang pihak kementerian akan dan patut jalankan supaya koperasi berbentuk ini memainkan peranan penting di mana saya katakan dalam kedudukan ekonomi sekarang ini koperasi berbentuk ini amat penting.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Pihak JPK dan juga kementerian saya memang ambil berat tentang perkara ini. Kalau berbanding dengan koperasi seperti Co-operatives Wholesale Society (CWS) di Manchester, United Kingdom koperasi itu dalam satu tahun turnover koperasi itu 5 bilion pound. Kalau berbanding dengan koperasi kita memang kecil. Sebab itu kementerian saya sentiasa ambil berat tentang perkara ini dan kalau boleh sebab di antara banyak koperasi yang mengambil bahagian dengan aktiviti pengguna iaitu ahli-ahli tidak berapa besar, mungkin 100 atau 200 dan kita harap pihak ahli-ahli koperasi yang terlibat di koperasi kecil ini boleh digabungkan. Itu lebih kuat dan lebih efektif.

Tentang Ahli Yang Berhormat bagi Jeli, dia beri banyak komen yang tak berapa terlibat tentang hal perkara yang kita ada bincangkan hari ini, tetapi perkara tentang koperasi lebih ramai orang yang dapat faedah. Perkara ini memang diambil perhatian dan kerajaan akan memberi bantuan-bantuan kepada koperasi dan pihak kementerian dan JPK akan meminta kerajaan memberi pertimbangan lebih dan juga pihak JPK memandangkan berat tentang kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh ahli-ahli

lembaga. Ahli-ahli koperasi juga dinasihatkan untuk membuat laporan polis serta kepada pihak-pihak lain seperti BPR jika perlu supaya tindakan dapat diambil.

Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang sentiasa mengambil berat dan prihatin tentang peranan koperasi terutamanya di Sarawak. Tentang apa-apa *substantive matter*, tentang kes-kes yang banyak adalah mengenai kes tuntutan hutang ahli kepada koperasi. Ini meliputi sehingga 90% daripada kes-kes. Bakinya adalah kes-kes pertikaian dan dengan pindaan undang-undang yang dicadangkan ini kes-kes pertikaian ini boleh diselesaikan.

Komen tentang ahli-ahli yang hendak dilantik jadi lembaga. Pelantikan....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Dr. Tan Kee Kwong: Saya belum habis, nanti saya bagi peluang ya. Tentang ahli-ahli yang dilantik menjadi ahli lembaga, pelantikan seseorang menjadi ahli lembaga adalah terpulang kepada pemilihan ahli-ahli koperasi semasa mesyuarat agung tahunan. Jika ditetapkan syarat, banyak anggota yang mungkin tidak dapat dilantik. Walau bagaimanapun, pihak JPK akan meneliti perkara ini dari masa ke semasa. Tentang komen lain.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Dr. Tan Kee Kwong:dan peruntukan tambahan, lementerian dan juga JPK akan pertimbangkan peruntukan tambahan sama ada Jabatan Koperasi di Sarawak dan Sabah. Saya habis jawapan tentang ini.

Pindaan tentang mahkamah ini saya sedar Ahli Yang Berhormat pun sebagai peguam yang cukup pengalaman. Bidang kuasa Mahkamah Sesyen ini akan memberi kuasa kepada Mahkamah Sesyen untuk menguatkuasakan apa-apa award yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi jika prosedur Mahkamah Rendah terhad sidang.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Masalah tadi jugalah. Yang pertama, bidang kuasa Mahkamah Sesyen, kerana bila disebut di sini walaupun ini hanya dalam bidang penguatkuasaan sahaja, bukan dalam bidang pembicaraan. Pembicaraan telah dibuat di peringkat Tribunal dan peringkat Tribunal itu saya tidak mempunyai perundangan di sini mengatakan apakah bidang kuasa untuk mengambil keputusan.

Jadi, masalah yang saya bangkitkan ini oleh kerana dalam undang-undang Subordinate Court Act 1948, seksyen 65(b), Mahkamah Sesyen hanya berkuasa dalam kes tidak melebihi RM250,000. Jadi, kalau ada masalah sedemikian lebih

RM1.00 umpamanya, maknanya dengan sendirinya Mahkamah Sesyen telah tidak mempunyai bidang kuasa dan di mana terletaknya bidang kuasa nanti kerana undang-undang ini tidak memberi macam mana penguatkuasaannya. Jadi, ini yang dipersoalkan saya. Itu yang pertama.

Yang kedua, soalan pelantikan lembaga. Saya memang cukup mengetahui soal pelantikan ini menerusi proses pemilihan daripada ahli. Inilah tadi kalau di bidang yang profesional, bidang yang mempunyai pengalaman dan kebolehan hanya sedikit, dengan sendirinya akan disisih atau diketepikan. Mereka yang banyak akan menerajui koperasi. Dalam keadaan sedemikian, kalau ada prasyarat yang tertentu dikehendaki supaya bila lembaga ini menjadi ahli lembaga umpamanya dan mereka ini tidak mempunyai kebolehan, dengan sendirinya koperasi itu tidak akan berjaya.

Sebagaimana saya sebut tadi Lembaga Koperasi Persatuan Polis di Sarawak. Saya melabur semenjak tahun 1965 sampai sekarang duit saya tinggal RM100 itu, RM100 itu jugalah sampai sekarang. Ini yang saya hendak tanya. Kenapa jadi sedemikian. Jadi, ini adalah menunjukkan kelemahan koperasi sedemikian. Jadi, inilah saya katakan jikalau boleh diselidik dan ditimbang supaya ada prasyarat lain, kalau tidak dilantik ini pun mereka mewujudkan satu majlis pentadbiran supaya pentadbiran ini boleh dibuat ataupun mempunyai pengurusan yang lebih baik yang boleh memajukan koperasi sedemikian. Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih atas komen Yang Berhormat dan juga saya setuju dengan komen-komen itu dan JPK sentiasa ada latihan, ceramah dan beri nasihat untuk ahli-ahli biasa dan juga ahli-ahli lembaga. Dengan penguatkuasaan subseksyen 83(6A) Tata cara award disampaikan kepada Mahkamah Sesyen dan direkod, dikuatkuasakan sebagai satu penghakiman yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen.

Ahli Yang Berhormat bagi Setiu pun ada ambil bahagian pada petang ini dan juga tentang statistik koperasi pada masa ini. Pada 30 Jun tahun ini bilangan koperasi iaitu 4,198 buah; bilangan anggota iaitu lebih kurang 4.6 juta orang; syer ialah RM3.78 bilion; dan juga aset lebih kurang RM16.09 bilion. Dan juga tentang komen kerajaan memberi lebih bantuan, perkara ini telah dijawab tadi dan juga JPK akan cuba mendapatkan kerajaan memberi pertimbangan yang lebih untuk mendapat projek-projek kerajaan. Tentang komen-komen jutaan di KUB, sebagai badan perniagaan KUB juga tertakluk kepada turun naik perniagaan dan sebenarnya

KUB yang dimaksudkan bukanlah koperasi tetapi merupakan syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat.

Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman mengemukakan tentang koperasi sekolah kurang mendapat sambutan, sebenarnya koperasi sekolah di Malaysia merupakan koperasi yang berjaya dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Pada masa ini bilangan koperasi sekolah ialah 1,421 buah dengan anggota seramai lebih kurang 1.39 juta murid-murid dan syer berjumlah RM10.4 juta.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat bagi Sepang tentang komen award tribunal tadi saya pun telah menjawab. Tentang koperasi wanita, pada pagi ini Setiausaha Parlimen kementerian saya sudah jawab di dalam sesi soalan lisan dan juga peranan Angkasa saya pun setuju, Angkasa ambil berat tentang perkara program jarak jauh ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja saya ada peluang menjawab komen-komen dan cadangan, kalau ada apa-apa komen yang saya tidak ada peluang menjawab saya ambil berat komen itu dan juga pegawai yang berada di dalam Dewan ini sudah ambil berat dan mengambil nota, kalau perlu saya sampaikan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.33 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 172 yang telah diperkenalkan pada tahun 1976 telah melalui pindaan pada tahun 1995 yang dikenali dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 atau Akta A933. Akta 172 memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk bertanggungjawab terhadap dasar berkenaan dengan pemeliharaan pentadbiran dan penggunaan tanah dan bangunan di dalam negeri.

Di samping itu, pihak berkuasa perancangan tempatan diberi tugas untuk mengatur, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan semula tanah dan bangunan dalam kawasanya. Sementara itu, Akta A933 telah memperkemaskan lagi Akta 172 dengan memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan dengan menyediakan peruntukan bagi pemeliharaan dan penanaman pokok, pemeliharaan keadaan asal topografi tanah dan penyediaan laporan cadangan pemajuan. Semenjak akta tersebut diperkenalkan negara terus melalui proses pembangunan yang pesat dan secara langsung telah memberi tekanan kepada pembangunan fizikal dan ekonomi negara.

Berikutan dengan itu juga beberapa isu pelaksanaan, perundangan dan penguatkuasaan di samping mempertingkatkan kelancaran dan keberkesanan hal ehwal perancangan bandar dan desa di semua peringkat perlu diatasi melalui pindaan kepada perundangan sedia ada. Dalam hubungan ini, cadangan pindaan Akta 172 ini adalah bagi memperkukuhkan peranan perancangan bandar dan desa dalam pembangunan negara melalui perseimbangan dan perkongsian tanggungjawab di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri atas prinsip bahawa kepentingan awam hendaklah mengatasi kepentingan individu dalam penggunaan dan pemajuan tanah. Pembangunan perlu berasaskan kepada prinsip-prinsip perancangan bandar yang kukuh dan pembangunan mapan untuk kebaikan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan yang dicadangkan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 adalah seperti berikut. Akta ini bertujuan untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 ataupun Akta 172.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Dicapangkan supaya pihak berkuasa negeri dengan persetujuan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan akta yang dicadangkan ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau mana-mana kawasan itu dalam negeri ini.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda ayat menjadi undang-undang Akta 172 memandangkan jenis pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 6 bertujuan untuk memotong takrif tertentu dan memasukan takrif baru tertentu ekoran pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 2A dan 2B ke dalam Akta 172. Seksyen baru 2A mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Majlis Perancang Fizikal Negara dan fungsi yang akan dilaksanakan oleh majlis itu. Seksyen baru 2B menyatakan fungsi yang akan dilaksanakan oleh Ketua Pengarah, Perancang Bandar dan Desa.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda Seksyen 4 Akta 172 untuk mengadakan peruntukan bagi tambahan tiga anggota Jawatankuasa Perancang Negeri yang dilantik dari kalangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi tambahan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 5(2) Akta 172 bagi memperuntukkan bahawa Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan berkenaan dengan mana-mana kawasan di dalam sesuatu negeri yang tidak menjadi sebahagian daripada kawasan mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru IIA dan IIB ke dalam Akta 172. Bahagian baru IIA mengadakan peruntukan bagi penubuhan dan fungsi Jawatankuasa Perancang Wilayah bagi sesuatu wilayah yang terdiri daripada satu kawasan yang terletak di dalam dua negeri atau lebih. Bahagian baru IIB menghendaki Ketua Pengarah Perancang Bandar dan Desa menyediakan suatu

draf rancangan fizikal negara dan mengemukakanya bagi kelulusan Majlis Perancang Fizikal Negara.

Fasal 12, 13, 14 dan 15 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 7, 8, 9 dan 10 Akta 172 bagi memperuntukkan bahawa draf rancangan struktur yang sekarang ini disediakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan secara berasingan bagi kawasan mereka masing-masing hendaklah kini disediakan bagi seluruh negeri itu oleh Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri. Sebagai tambahan kepada perkara-perkara yang dikehendaki oleh peruntukan Akta 172 yang sedia ada draf rancangan struktur hendaklah mengandungi perkara-perkara yang ditentukan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara selain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan mestilah juga mengandungi langkah-langkah untuk memperelokkan persekitaran hidup dari segi fizikal, perhubungan, mengurus lalu-lintas, memperelok kesejahteraan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi di samping langkah-langkah untuk memudahkan pemajuan yang mapan.

Pindaan kepada Seksyen 10 Akta 172 juga mencadangkan supaya dalam menimbang sama ada untuk meluluskan atau menolak sesuatu draf rancangan struktur jawatankuasa negeri mestilah berunding dengan Majlis Perancang Fizikal Negara untuk mendapatkan arahan dan nasihatnya. Pindaan itu juga mencadangkan supaya diberikan kepada Majlis kuasa pihak berkuasa negeri di bawah subseksyen 10(5) untuk membuat keputusan tentang sesuatu draf rancangan struktur jika Jawatankuasa Perancang Negeri tidak atau abai untuk meluluskan atau menolak rancangan itu dalam tempoh enam bulan dari penyampaiannya kepada Jawatankuasa.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 172 untuk mengadakan peruntukan bagi kajian semula dan pengubahan sesuatu rancangan struktur manakala Fasal 17 mencadangkan kemasukan ke dalam Akta 172 seksyen baru 11A dan 11B dan mengandungi tatacara bagi kajian semula dan pengubahan itu.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 172 untuk menghendaki sesuatu pihak berkuasa perancang tempatan menyediakan suatu draf rancangan tempatan bagi kawasannya sendiri dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas suatu rancangan struktur bagi negeri itu telah mula berkuat kuasa.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A yang memperuntukkan bahawa sebelum pihak berkuasa perancangan tempatan

memulakan penyediaan rancangan tempatannya seranta diberikan di dalam kawasannya tentang draf rancangan yang hendak disediakan.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 15 untuk menghendaki pihak berkuasa perancang tempatan mengemukakan satu draf rancangan tempatan kepada jawatankuasa perancangan negeri untuk kelulusannya. Adalah dicadangkan juga supaya draf rancangan tempatan hendaklah hanya mula berkuat kuasa apabila persetujuan diberikan oleh pihak berkuasa negeri.

Di bawah peruntukan seksyen 15 yang sedia ada, sesuatu rancangan tempatan mula berkuat kuasa apabila diterima pakai oleh pihak berkuasa perancang tempatan. Di bawah Fasal 20 dicadangkan juga supaya jika terdapat perbezaan dalam peruntukan sesuatu rancangan tempatan dengan rancangan struktur bagi negeri itu, pihak berkuasa negeri boleh mengisytiharkan bahawa rancangan tempatan mengatasi rancangan struktur itu jika pihak berkuasa negeri berpuas hati bahawa perbezaan itu disebabkan rancangan struktur itu telah ketinggalan zaman.

Fasal 21 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 16A dan 16B ke dalam Akta 172. Seksyen baru 16A memberi jawatankuasa perancang negeri kuasa untuk mengarahkan pengarah perancang bandar dan desa negeri menyedia, mengubah dan memansuh atau menggantikan sesuatu rancangan tempatan jika pihak perancang tempatan telah gagal untuk berbuat demikian.

Seksyen baru 16B mengadakan peruntukan bagi menetapkan suatu kawasan khas di dalam negeri yang baginya suatu rancangan khas yang mempunyai kuat kuasa satu rancangan tempatan boleh disediakan.

Fasal 22 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 20A yang menghendaki tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri berunding dengan jawatankuasa perancang negeri mengenai apa-apa aktiviti pemajuan yang dicadangkan dalam negeri masing-masing.

Fasal 23 bertujuan untuk meminda seksyen 21 untuk memperkenalkan konsep tanah berjiran. Pemunya tanah itu mestilah dimaklumkan tentang hak mereka untuk membantah permohonan bagi kebenaran merancang. Peruntukan yang sedia ada hanya memperuntukkan hak itu kepada pemunya tanah yang bersempadan sahaja.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 21A supaya pihak berkuasa negeri boleh menghendaki bahawa bagi kategori pemajuan tertentu suatu analisis

tentang implikasi sosial bagi pemajuan itu mesti dimasukkan dalam laporan cadangan pemajuan.

Fasal 25 bertujuan untuk meminda seksyen 22 supaya jenis permohonan yang tertentu bagi mendapatkan kebenaran merancang yang melibatkan pemajuan yang utama hendaklah dikehendaki supaya dirujukkan oleh jawatankuasa perancang negeri kepada Majlis Perancang Fizikal Negara untuk mendapatkan nasihatnya.

Fasal 26, 27, 28, 30, 32, 33 dan 34 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 26, 27, 28, 29, 30, 35A, 35E dan 35H Akta 172 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen itu. Penalti itu kini termasuk tempoh pemenjaraan.

Fasal 31 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 31A bagi memperuntukkan bahawa rancangan pemajuan hendaklah mengatasi undang-undang kecil bangunan jika ke tidakselarasan timbul antaranya.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda seksyen 36 untuk membolehkan pihak berkuasa negeri melantik orang yang sesuai dengan kelayakan dan pengalaman yang sesuai sebagai tambahan kepada kelayakan dan pengalamannya sekarang, dinya takan dalam perenggan 36(2)(a) untuk menjadi pengerusi dan timbalan pengerusi lembaga rayuan.

Fasal 36 bertujuan untuk meminda subseksyen 38(1) bagi memperuntukkan bahawa rancangan kawasan khas yang diperuntukkan di bawah seksyen baru 16B hendaklah menjadi rancangan yang sewajarnya berkenaan dengan kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan kemajuan.

Fasal 37 bertujuan untuk meminda seksyen 58 Akta 172 untuk memberi Majlis Perancang Fizikal Negara kuasa untuk membuat kaedah-kaedah. Fasal itu juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika mana-mana kaedah yang dibuat oleh pihak berkuasa negeri tidak selaras dengan kaedah-kaedah yang dibuat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara, maka kaedah-kaedah yang dibuat oleh pihak berkuasa negeri hendaklah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

Fasal 38 mengandungi peruntukan kecualian bagi permohonan yang masih belum selesai bagi kebenaran merancang atau rayuan terhadap keengganan pihak berkuasa perancang tempatan untuk memberikan kebenaran merancang atau terhadap apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa perancangan tempatan apabila memberikan kebenaran merancang.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan di sini bahawa rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Bagan.

4.48 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil peluang ini untuk membahas sedikit sebanyak berkenaan dengan pindaan rang undang-undang ini.

Tujuan pindaan rang undang-undang ini ialah untuk menubuhkan satu Majlis Perancang Fizikal Negara dan dengan wujudnya Majlis Perancang Fizikal Negara ini, maka pihak berkuasa tempatan telah sekaligus dirampas. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengemukakan sedikit sebanyak persoalan berkenaan dengan perkara ini.

Fasal 9 iaitu pada satu masa dahulu di kawasan-kawasan atau tempat-tempat atau kawasan terpencil atau kampung-kampung di mana ia bukan dijaga oleh pihak berkuasa tempatan, maka segala pembangunan atau kegunaan tanah itu tidak perlu dikawal oleh pihak berkuasa tempatan melainkan ia perlu mematuhi syarat-syarat kegunaan tanah seperti tanah pertanian tidak boleh diguna sebagai satu tempat untuk membuat kilang atau satu tempat untuk membina rumah kediaman secara besar-besaran. Tetapi dengan wujudnya pengarah perancang bandar dan desa negeri ini, maka tempat-tempat yang saya sebut demikian telah jadi di bawah pengarah perancang bandar dan desa.

Saya ingin bertanya mengapa ia perlu pada masa sekarang di jaga oleh pengarah perancang bandar dan desa negeri. Apa sebabnya ia perlu dijaga kerana pada masa sekarang tanah-tanah terpencil atau kampung-kampung yang saya sebut tadi ini, tuan-tuan tanah boleh membina sesebuah rumah kediaman mereka untuk didiami atau boleh menggunakan tanah-tanah mereka ini untuk bengkel-bengkel kecil atau menjadikan tanah-tanah itu sebagai satu tempat untuk mengusahakan

produk-produk perniagaan. Dan dengan kawalan ini maka mereka ini pun sekarang di bawah kawalan pengarah perancang bandar dan desa ini. Sekiranya kita kira kepentingan peribadi, maka tidak ada sesiapa pun suka dikawal oleh satu badan atau satu kerajaan atau di mana-mana tempat kerana mereka adalah di tempat-tempat yang terpencil atau tempat-tempat di mana ada ladang, estet atau di dalam kawasan-kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12, 13, 14 dan 15, diperuntukkan bahawa draf rancangan struktur yang sekarang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan secara berasingan bagi kawasan-kawasan mereka masing-masing hendaklah kini disediakan bagi seluruh negeri itu oleh pengarah rancangan bandar dan desa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil misalannya, di Pulau Pinang ada dua majlis tempatan iaitu MPPP dan MPSP, dan MPSP telah mengadakan pelan struktur pada tahun 1995 dan disemak semula pada tahun 2000 dan kini berkuat kuasa. Adakah dengan pindaan ini bermakna pelan struktur yang kini diguna pakai telah jadi terbatal dan satu pelan struktur yang seluruhnya bagi satu negeri Pulau Pinang ini perlu digubal, perlu direka untuk menggantikan apa yang sedia ada ini? Dan saya pasti di Pulau Pinang sendiri iaitu MPPP mereka pun sekarang mengguna pakai pelan struktur MPPP. Adakah ini bermakna kedua-dua pelan struktur yang sedang diguna pakai sekarang tidak dapat dipakai lagi dan perlu digubal semula supaya menjadi satu pelan struktur seluruh negeri?

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 20 lebih kurang serupa dengan tadi yang saya bangkitkan iaitu pelan struktur yang sedang digunakan itu sekarang telah dibatalkan. Fasal 22 iaitu Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri perlu berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri mengenai apa-apa aktiviti-aktiviti kemajuan yang dicadangkan di dalam negeri masing-masing.

Pada satu masa dahulu dan pada masa sekarang juga, saya terdapat banyak sungutan pegawai-pegawai kerajaan tempatan, bahawa kuasa mereka terhadap mereka kata, apa projek-projek yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat, misalannya sekolah-sekolah, infrastruktur dan juga kilang-kilang orang asing dan juga projek-projek besar, mereka ini tidak berunding dengan pihak kerajaan tempatan, mereka terus meluluskan dan hanya memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bahawa ada wujudnya satu projek yang baru ini dan cuma memberitahu mereka dan sehingga pelan bangunan, pelan struktur seluruhnya pun tidak diberi kepada pihak berkuasa tempatan, adakah ini bermakna di mana pihak berkuasa

tempatan telah hilang langsung kuasa mereka bukan dengan pindaan ini tetapi dari awal pindaan ini pun, buat beberapa tahun yang ke hadapan ini pun dan mereka sangat memberi sungutan-sungutan mereka, kata apa gunanya ada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tetapi pihak Kerajaan Pusat tidak mengendahkan mereka dan terus sahaja meluluskan apa-apa yang mereka ingin patut dan juga langsung tidak memberitahu kepada MPSB berkenaan dengan pelan-pelan terperinci. Dan sekiranya ada apa-apa kemalangan berlaku seperti bangunan yang telah runtuh atau menyebabkan satu pengorbanan nyawa, maka PBT kena bertanggungjawab atas projek itu. Ini sungguh tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 23 apabila kita meminta kebenaran perancang misalnya saya ada memiliki sebidang tanah dan saya ingin merancang satu kemajuan di atas tanah saya ini, peruntukan sekarang ialah saya perlu mendapat persetujuan tanah jiran saya, iaitu di sebelah kiri saya, di sebelah kanan saya, di sebelah belakang saya, di sebelah depan saya. Empat orang sahaja, saya perlu mendapat keizinan atau pendapat mereka berkenaan dengan permohonan perancangan ini dan sekiranya ada di antara mereka ini membantah kepada *submission* saya ini, maka Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil pandangan orang yang membantah dan meneliti sebab-sebab ia membantah, tetapi dengan pindaan ini bukan sahaja di jiran saya, kanan, kiri, hadapan, belakang, tetapi di seluruh kawasan itu, sebab dia kata tanah berjiranan ia bererti ada satu tafsiran, ia bererti orang-orang yang duduk di kawasan itu juga.

Even sudah lepas satu jalan, 60 meter, even melangkau satu jalan atau melangkau satu sungai, dia pun kira tanah jiran, ini cukup merunsingkan tanah-tanah yang hendak dimajukan itu kemungkinan kerana kepentingan peribadi atau apa-apa sebab maka mereka akan membantah *submission* yang saya maksudkan itu. Dan ini akan menjadi lebih susah lagi, lebih sulit lagi untuk memohon satu-satu kebenaran perancangan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 24 iaitu pihak berkuasa negeri boleh mengehendaki bagi kategori pemajuan tertentu, suatu analisis tentang implikasi sosial. Ini satu soalan di mana di Pulau Pinang ini, Balik Pulau dikategorikan sebagai satu Malay Strategic Area, jadi dalam Balik Pulau ini ia tidak boleh ada pembangunan kediaman atau housing scheme yang raksasa, mereka tidak membenarkan, mereka cuba membenarkan tempat-tempat tertentu di jalan-jalan raya, di tepi-tepi jalan raya untuk dimajukan sebagai suatu projek perumahan tetapi

di tempat-tempat yang lebih pedalaman di mana ada penduduk-penduduk, kebanyakan mereka adalah Malay, saya bukan maksud hendak menghina atau mengkritik atau apa-apa, cuma ini satu faktor di mana kebanyakan penduduk adalah terdiri dari kaum bumiputera, maka kemajuan perumahan tidak boleh dibenarkan.

Inilah implikasi sosial atau kategori kemajuan tertentu di mana Malay Strategic Area ditentukan. Ada buruknya kategori ini kerana saya pasti tuan tanah di kawasan sana tentu tidak gembira kerana tanah mereka tidak berharga, tidak bernilai, kalau dibandingkan dengan tempat-tempat yang bebas digunakan, mungkin di tempat-tempat yang bebas digunakan, satu kaki persegi mungkin melangkau sehingga RM10, RM20 tetapi kalau dikategorikan sebagai tempat-tempat yang hanya untuk satu tujuan sahaja, maka mungkin RM2 atau RM3 pun tak sampai.

Saya ingat mungkin ini adalah perlu disemak semula kerana dengan wujudnya rancangan perumahan ia boleh dikuotakan seperti 70%, 30% kepada bukan bumiputera, 70% kepada bumiputera, ini juga akan membawa suatu implikasi di mana tempat itu boleh dimajukan, taraf hidup rakyat di sana boleh dipertingkatkan dan tempat itu pun boleh nampaknya ada kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menghabiskan soalan berkenaan ini dan ingin seterusnya melibatkan sedikit sebanyak mengenai penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesuatu projek perancangan atau suatu projek kemajuan, ia perlu dikategorikan dan pihak berkuasa tempatan dahulunya perlu mengikut zon untuk meluluskan sama ada rancangan itu boleh dibenarkan dan saya mengambil kesempatan ini untuk bertanya di satu kawasan perindustrian ringan dan berjiran atau berhampiran dengan satu kawasan kediaman, maka di antara kawasan perindustrian ringan ini dengan kawasan kediaman ini ada satu *buffer zone*, di mana *buffer zone* ini perlu ditanam dengan pokok-pokok, bunga-bunga supaya dipisahkan kekacauan, kebisingan industri ini dari mengganggu gugat kawasan kediaman, tetapi *buffer zone* ini kerana ia ada di tepi kawasan perindustrian, maka pengusaha-pengusaha industri akan mengguna pakai *buffer zone* ini untuk menyimpan bahan-bahan, untuk membuat *fabrications* atau untuk meletak jentera-jentera tetapi ini tidak diindah, tidak diambil tahu oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi, apa gunanya ada perancangan tetapi perancangan itu tidak dikuatkuasakan, tidak dipatuhi dan mengakibatkan gangguan kepada penduduk-penduduk setempat.

Saya ada satu pengalaman, saya telah menulis sepucuk surat kepada pegawai daerah di kawasan saya iaitu Pegawai Daerah SPU, saya mengadu

berkenaan dengan masalah ini, jawapannya ialah, pada masa sekarang tidak ada rancangan untuk mengindahkan taman itu, jadi dia kata tidak boleh buat apa, dia kata boleh saya meminta kepada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPSB untuk mereka mengindahkan kawasan itu iaitu menanam pokok ataupun menanam bunga dijadikan taman permainan budak-budakkah, mereka kata sekiranya ada rancangan itu, duit sudah bersedia, maka pihak pejabat tanah akan mengusirkan pengusaha-pengusaha industri ini keluar dari kawasan itu.

Tetapi bila sampai ada satu masa baru boleh dapat wang untuk memajukan tempat itu. Kalau pihak MPSB atau pihak berkuasa tempatan itu, selama lima tahun tidak ada duit untuk memajukan kawasan itu, maka tempat itu akan dibiarkan untuk pengusaha-pengusaha industri untuk memakainya dan ini adalah menafikan kepentingan orang ramai kerana siapa yang menggunakan *buffer zone* ini bukan ramai, mungkin satu, dua kilang sahaja yang menggunakannya. Tetapi orang yang duduk di kawasan itu mungkin ada 200 atau 300 orang. Dengan hal yang demikian ini saya menyerulah supaya penguatkuasaan juga perlu dijalankan dengan ketat demi untuk mempertahankan erti perancang bandar pada satu-satu tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, *zoning* juga banyak tempat sekarang pada satu masa dahulu rumah kediaman di tepi jalan raya, dikhaskan untuk kediaman sahaja tetapi mengikut kemajuan semasa, ramai sudah *convert*, dengan izin, rumah kediaman mereka ini kepada rumah kedai untuk membuat perniagaan atau menyewakannya kepada pekedai-pekedai untuk membuka kedai dan ini kadang-kadang mereka perlu menukar syarat atau menukar status kegunaan bangunan mereka ini dan ada kadang kala langsung tidak diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan apabila tidak mendapat kebenaran untuk menukar status maka pekedai-pekedai akan dikompaun, akan diambil tindakan mahkamah kerana kesalahan guna status yang sedia ada ini. Dalam hal yang demikian, saya juga menyeru supaya pihak berkuasa boleh menimbangkan keperluan ini mengikut masa sekarang atau semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa dahulu, mungkin 10 atau 20 tahun yang dahulu, di mana pemilik tanah apabila membangunkan sesebuah bangunan mereka tidak perlu mendapat kebenaran atau *submission of subdivision* atau *submission of perancangan*, maksud saya ia tidak perlu mengikut susun atur, *layout* yang sedia, maka mereka buat sebuah bangunan atau sebuah panggung wayang di tepi jalan itu, dan depan panggung wayang atau depan bangunan itu, tempat ruangnya ia dipagarkan untuk tujuan sendiri, untuk kegunaan sendiri dan lambat laun

pada masa sekarang ini, lepas 20 tahun atau 25 tahun, kedua-dua belah jirannya telah dimajukan sebagai rumah kedai, dan di hadapan rumah kedai ini, mereka perlu menyediakan *service road*. Jadi, di sebelah kiri ada *service road*, disebelah kanan ada *service road*, tetapi sampai di tengah-tengah kawasan ini yang bangunan itu telah dibina 20 tahun dahulu, mereka tidak perlu menyerahkan ruang tempat depan mereka kepada pihak berkuasa JKR atau PBT.

Maka tempat itulah menyebabkan laluan di antara kiri dan kanan itu tidak boleh ditembus, tidak boleh dijalan. Jadi, dalam hal ini bukan satu kes sahaja. Kalau kita pergi ke mana-mana bandar maka kita akan berjumpa dengan kes yang sama ini di mana bangunan baru ada *service road* dan bangunan lama tiada *service road* tetapi jalan itu tidak boleh diteruskan. Dalam hal ini, saya ingat pendekatan kerajaan perlu diambil untuk mengambil tanah-tanah yang tidak boleh ditembus itu iaitu tanah-tanah yang di hadapan bangunan lama itu supaya ia dijadikan *service road*. Kita ada Akta Pengambilan Tanah, itu boleh dipakai kerana masakan kita akan biarkan keadaan ini untuk selama-lamanya kalau tidak ambil tindakan pada masa sekarang kerana sekiranya adanya *service road* di mana-mana tempat atau di bandar-bandar ada *service road* maka trafik boleh dialih supaya ia tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas dan orang ramai sekiranya hendak pergi ke kedai-kedai untuk membeli-belah atau membuat perniagaan pun merasa senang kerana tidak perlu melalui jalan-jalan yang kian sesak pada masa sekarang.

Dengan pertanyaan-pertanyaan dan keraguan-keraguan yang saya bangkitkan itu saya harap boleh dapat satu penjelasan dari menteri yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau.

5.13 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana mengizinkan saya berucap sedikit sahaja untuk membahaskan Rang undang-undang (Enakmen) Perancang Bandar dan Desa 1976. Saya ingin menyentuh hanya dua perkara sahaja. Yang pertama, saya ingin minta kerajaan dengan pindaan yang dibuat ini ia akan lebih menguntungkan kepada rakyat kerana perancang adalah satu tujuan pembangunan yang amat baik tetapi walau bagaimanapun ada perkara-perkara yang tertentu mestilah diambil perhatian oleh pihak kerajaan sebelum ianya diluluskan oleh kerajaan atau pihak berkuasa

majlis tempatan dan lain-lain agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam masalah pembangunan tersebut.

Yang pertama, saya ingin membangkitkan berhubung dengan pembangunan untuk perumahan persendirian dan sebagainya. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini terdapat masalah yang timbul apabila projek tersebut diluluskan untuk pembangunan yang tersebut, masalah yang timbul ialah berhubung dengan masalah banjir kilat yang melanda kampung-kampung atau rumah-rumah yang telah sedia ada sebelum projek pembangunan diluluskan oleh Perancang Bandar dan Desa yang berhampiran dengan kawasan yang tersebut.

Yang pertama ialah berhubung dengan sebelum kelulusan dibuat, perumahan dan kampung yang sedia ada itu telah pun mempunyai perparitan, sungai yang berhampiran dengan rumah-rumah mereka tetapi apabila sesuatu projek besar diluluskan yang berhampiran atau jauh sedikit daripada projek perumahan yang telah ada maka ia akan melibatkan masalah kepada penduduk yang sedia ada ialah melanda banjir kilat. Yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, ialah banjir tanah lumpur kerana pemaju yang mana perancang telah luluskan itu telah mengorek dan menggali tanah-tanah itu untuk diratakan dan segala tanah-tanah dan lumpur-lumpur yang berkenaan akan mengalir bila berlaku hujan ke rumah-rumah yang berhampiran projek tersebut maka ini menjadi satu masalah dan beban yang besar kepada penduduk-penduduk yang sedia ada itu. Ini berlaku termasuk juga di kawasan saya yang mana projek perumahan yang ada itu agak jauh, satu atau dua kilometer daripada rumah tetapi saluran paip dan sungai yang berada itu akan melalui ke kampung yang tersebut.

Yang menjadi masalah ini, saya tidak tahu dari syarat kelulusan. Saya minta pihak kerajaan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, dia kena *check* betul-betullah, bukan on the paper sahaja, bukan atas pelan besar tetapi dia mesti ambil kira rumah yang ada berhampiran dengan projek yang tersebut supaya dia tahu bila projek itu dibangunkan, ditebang pokok kelapa sawit, dia tebang pokok getah dan jadi tanah yang luas dan terbuka maka sudah tentulah air yang ada itu akan mengalir kepada sungai yang dia tidak ambil kira kerana sungai yang ada itu sungai kecil kerana tidak ada pembangunan sebelum diluluskan projek yang saya sebutkan itu tadi dan perparitannya pun perparitan yang agak tidak besar kerana masa yang dibuat itu tidak ada pembangunan tetapi bila ada diluluskan pembangunan, maka akan timbul masalah saya sebutkan itu tadi.

Jadi, saya minta kementerian atau pihak yang berkuasa disyaratkan betul-betul. Maknanya, dia pergi lihat mana mengalir air sungai, ini selalu tidak pergi lihat pengaliran air sungai dan parit, dia lihat pada *paper* sahaja. Tetapi paip yang sedia ada, air yang melimpah ke parit yang berhampiran dengan rumah yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, kecil. Jadi bila berlaku banjir maka air serta merta akan naik sampai dua tiga kaki ke rumah dan mendatangkan kerugian kepada penduduk yang ada hinggalah kita terpaksa minta bantuan dengan kerajaan untuk membayar ganti rugi kepada rumah yang terlibat dengan banjir. Patutnya pemaju-pemaju yang berkenaan dikenakan bayaran tetapi kerana tidak ada syarat. Kalau sebelum diluluskan, dia kena syarat, dia mesti membesarkan sungai daripada mula projek perumahan itu diluluskan oleh Perancang Bandar dan Desa hingga ke penghujung yang melalui rumah orang, tengok parit itu dahulu. Maknanya, kalau paip yang ada tiga kaki, dia mesti besarkan sampai 12 kaki. Begitu juga sungai. Sungai yang ada kecil, sudah tidak dalam, memang tidak ada rumah dahulu. Ada kebun kelapa sawit dan kebun getah sahaja tetapi bila ada projek perumahan dia pakai sungai yang ada tentulah tidak boleh menampung air yang lalu begitu pantas.

Jadi, mesti dikenakan syarat wajib di dalam itu sekiranya tidak dipatuhi sebelum lulus itu maknanya kita akan ambil tindakan kepada pemaju yang dikenakan syarat, mesti besarkan parit, mesti besarkan sungai. Berapa jauh tidak kira. Jangan dia dapat untung tetapi masalah timbul kepada penduduk kampung. Kasihan saya tengok penduduk kampung yang dua tiga kali berlaku banjir. Bila kita siasat rupanya air itu datang dari satu projek perumahan, dia mengalir terus menuju ke rumah yang telah disebutkan dan sepanjang rumah terkena banjir yang begitu teruk sekali.

Jadi, saya harap dengan adanya pindaan ini kalau boleh dijadikan syarat, saya tengok dalam pindaan ini mungkin banyak yang boleh ditambah dan mempunyai tujuan yang baik dan dapat dielakkan perkara ini supaya kita hendakkan pembangunan juga tetapi masalah penduduk yang sedia ada itu janganlah menimpa kemalangan dari segi banjir kilat yang saya kata, memang sebab tidak dibesarkan parit.

Yang kedua Yang Berhormat, kalau ada dua tiga projek, ini pengalaman saya. Projek yang satu akan mengalir ke seberang jalan pergi ke projek yang lagi satu. Bila kita memanggil dua-dua orang, projek perumahan yang sedia ada kata dia sampai sini sahaja, seberang jalan orang lain punya cerita. Padahal projek yang

berkenaan itu kena pada yang kedua. Jadi, yang kedua kata ini bukan saya kerana yang sebelah itu punya hal. Yang sebelah kata, ini bukan kerja punya saya, ini rumah sana. Jadi, ini pun tidak selesai, banjir, bergaduh, saya melawat juga kawasan. Jadi, ini pun saya ingat kementerian kena ambil perhatian, projek rumah yang dua bersempadanan ini, sebelah lebuhraya sana ada rumah, sebelah sana pun ada projek yang baru dibina. Jadi, air akan mengalir masuk ke bawah lebuhraya dan menimpa rumah sebelah. Bila kita tanya pemaju rumah sebelah, dia kata sebelah punya pasal dek kerana projek. Yang sana kata, kita ikut kelulusan pelan, kita sampai takat parit itu sahaja, dekat lebuhraya sempadan tempat dia. Ini pun rasa saya tidak kena. Saya ingat ini kena ambil perhatian sebab bila kelulusan, kita kena pergi *check on the spot* air itu pergi ke mana? Lalu ke kampung mana? Jadi, biar semua bertanggungjawablah, sini pun tanggungjawab sama, sana pun tanggungjawab sama. Jadi, dalam perkara ini kementerian kena ambil perhatian yang serius Tuan Yang di-Pertua.

Tadi, kalau dia sudah langgar syarat, dikenakan denda. Selepas denda, kenakan ganti rugi. Kalau penduduk di tempat saya itu dilanda banjir lumpur, satu rumah hampir RM2,000-RM3,000 kerana TV habis, katil habis rosak, jadi kerajaan negeri bantu tidak banyak, jadi kalau ada syarat ini maknanya pemaju kena bertanggungjawab untuk membesarkan parit dan juga sungai.

Yang kedua, berhubung dengan Perancang Bandar dan pihak yang berkenaan mengenakan syarat kepada pemaju dan juga pihak-pihak yang berkenaan yang ingin memajukan sesuatu kawasan untuk tujuan perumahan dan juga pengisian dan sebagainya, kenakan syarat sedikit. Kalau kelulusan itu meliputi 500 ke 1,000 ekar ke atas, ada yang 2,000-8,000 ekar, ada beberapa syarat mesti dikenakan kepada pemaju untuk kemudahan sosial kepada penduduk yang akan menduduki projek perumahan tersebut.

Satu daripadanya ialah masalah padang bola. Masalah padang bola ini, Yang Berhormat, bila sudah siap satu projek perumahan, bukan main susah belia hendak cari padang. Tidak ada tanah di reserve untuk padang bola. Yang ada dia reserve ialah untuk surau, masjid dan lain-lain yang tertentu, tetapi, untuk tujuan padang bola tidak ada. Dia patut reserve satu atau dua ekar untuk padang bola. Untuk surau dan masjid, memang ada direservakan, dan juga untuk kegunaan keagamaan yang tertentu pun dia ada direservakan, tetapi, tidak ada padang bola. Itu yang pertama.

Kemudian reservekan untuk perpustakaan, *reserve untuk* Dewan Raya. Kita minta pemaju kalau boleh dia bantu sama, lihat keluasan projek yang diluluskan oleh pihak yang berkenaan. Kalau sampai RM8,000, RM7,000, saya ingat dia tidak ada benda. Buat Dewan Bandaraya pun RM200,000 ke RM300,000 sahaja. Begitu juga padang bola, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah ada tanah itu diratakan dengan rumput pun tidak berapa besar perbelanjaannya.

Jadi, adalah kegunaan sosial kepada belia-belia. Kalau tidak nanti belia jadi masalah bila dia hendak main bola, tidak ada padang, hendak tumpang padang sekolah tidak dapat. Jadi, belia-belia ini kita kena kawal juga. Belia-belia ini dia suka bolasepak. Ada masa untuk dia bermain atau beriadah di sebelah petang, dia suka bermain bola. Jadi, masa lapang dia kita kawal, kita jaga. Sekarang memang belia berminat dalam bola. Saya lihat di mana-mana tempat pun, kadang-kadang ada sekarang pun padang bola yang sesuai pun tidak ada tempat, dia gasak juga main kerana sudah tidak ada tempat.

Jadi, dalam masalah ini juga, pihak kerajaan kena ambil perhatian, dikenakan syarat kepada pemaju yang saya sebutkan itu tadi. Ini hanya semata-mata untuk kemudahan sosial kepada orang ramai yang berpindah ke rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat minat main bola? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dahulu minat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus kan, terus kan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sekarang, saya sudah *game* lain. *Game* itu dah tidak boleh lagi dah, pengsan. Tuan Yang di-Pertua, ma in bola? *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya pun boleh main bola sikit-sikit. Sila, sila terus kan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oohhh!!! Tuan Yang di-Pertua pun sama dengan saya juga. Terima kasihlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila. *[Ketawa].*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Allah, sudah tidak ingat apa lepas itu. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih dan menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Rantau Panjang.

5.23 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana pihak kerajaan telah berjaya membentangkan satu Akta Perancang Bandar dan Desa (Pindaan) ini. Sekurang-kurangnya pindaan ini boleh membantu sedikit sebanyak akta yang telah ada itu iaitu, Akta 171 yang barangkali kedul sedikit untuk kerajaan tempatan ataupun untuk majlis daerah. Apabila saya melihat dan meneliti beberapa seksyen baru di sini, saya nampak ada satu perkara yang cukup menarik kalau kita ambil perhatian dan kalau semua di kalangan kita ini mempunyai hati ataupun jiwa yang jitu.

Kita lihat di sini di bawah seksyen baru, 20A, kewajipan untuk berunding. Maka hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap jabatan atau agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk berunding dengan jawatankuasa tentang apa-apa aktiviti pemajuan yang ia bercadang supaya dijalankan di dalam negeri itu. Ini satu perkara yang baik. Apa yang saya pertikaikan di sini ialah, memang dari segi akta ini, seolah-olah mengarahkan di antara agensi-agensi kerajaan khususnya persekutuan dan negeri supaya berunding, duduk semeja untuk kita mencari jalan untuk memajukan sebuah negeri. Tetapi, sebaliknya apa yang berlaku ialah ada arahan-arahan mulut yang kita lihat, arahan-arahan mulut yang barangkali melalui arahan cara tulisan, mereka takut; arahan mulut di belakang itu supaya kalau berunding pun, buat payah sedikit, melambat-lambatkan sesuatu perundingan itu. Hendak dapat keputusan itu lambat sedikit. Atau yang keduanya, menangguk-nanggukkan, beberapa kali hendak berunding, tidak jadi berunding.

Ini pernah berlaku di Kelantan, di JPP Kelantan, Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kelantan. Memang kita lihat pegawai-pegawainya orang baik-baik, orang ikhlas. Memang orang ini kita nampak jelas dan mereka ini bertanggungjawab untuk membangunkan Kelantan. Tetapi, bila kerajaan negeri jemput untuk beri taklimat di bilik gerakan negeri, kadang-kadang mereka ini tidak dapat hadir. Bila ditanya, tahu-tahu sendirilah.. Ini satu perkara yang cukup sedih

bagi kita dan kita harap dengan adanya akta ini, kita cuba laksanakan betul-betul, dengan ikhlas supaya tiap-tiap negeri itu akan dapat menerima cadangan-cadangan daripada pegawai-pegawai dengan keadaan yang baik.

Akhir sekali, saya melihat – bukan akhir ucapan saya, tidak - perkara-perkara yang dijangka berlaku. Pelan struktur pembangunan majlis daerah. Saya lihat sekarang ini, banyak majlis daerah telahpun buat dan pelan struktur pembangunan majlis daerah telah diselesaikan oleh konsultan-konsultan tertentu.. Tetapi, di Kelantan nampaknya tertangguh. Ada tiga lagi jajahan ataupun majlis daerah iaitu, Bachok, Pasir Mas, Tumpat kalau tidak silap saya. Saya dimaklumkan penangguhan ini tidak tahu sampai bila.

Ini satu perkara yang patut pihak kementerian meneliti dan mengkaji kenapa perkara ini berlaku dan kalau boleh janganlah menangguh perkara-perkara ini supaya besoknya bandar-bandar di seluruh Kelantan ini akan membangun dengan secara seimbang, dengan ini boleh membangun kerana pelan struktur pembangunan telah siap, ini belum siap lagi ataupun ini pun belum buat lagi, terbantut kerana ada halangan-halangan politik dan sebagainya.

Kalau saya melihat di sini, memang banyak fasal-fasal yang telah dipinda dan ada yang saya rasa yang baik dan ada juga yang barangkali yang dicurigai oleh saya. Pertama sekali ialah penubuhan Majlis Perancang Fizikal Negara.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Tanah Merah berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya ingin mendapat pandangan sedikit daripada Yang Berhormat berhubung dengan kuasa yang telah diberikan kepada majlis daerah tadi, yang Yang Berhormat utarakan. Umpamanya, kalau kita lihat kepada kawasan yang ditakrifkan di bawah sempadan majlis daerah itu, tidak apalah. Maksudnya, ada Jawatankuasa Perancang Negeri yang telah membuat perancangan. Tetapi, kepada kawasan-kawasan yang di luar daripada persempadanan kawasan yang diisytiharkan oleh majlis daerah itu, siapa pula yang bertanggungjawab dalam pembangunan kepada kawasan tersebut, kalau Yang Berhormat boleh menjawab?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Kalau kita lihat rang undang-undang yang dibentangkan kepada kita ini, pindaan ini nampak jelas bahawasanya kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi, nampaknya akan diambil alih oleh mereka yang lain pula. Kita lihat fasal 37. Fasal 37 ini bertujuan untuk meminda seksyen 58 Akta 172 untuk memberi Jawatankuasa Perancang Fizikal Negara iaitu yang diketuai oleh Perdana Menteri, memberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah. Fasal itu juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika mana-mana kaedah yang dibuat oleh pihak berkuasa negeri tidak selaras dengan kaedah-kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Perancang Fizikal Negara, maka kaedah-kaedah yang dibuat oleh pihak kerajaan berkuasa hendaklah terbatas setakat tidak keselarasan itu.

Kemudian kita melihat dalam hal ini, kita melihat sekarang ini diberi kuasa, mana-mana tempat yang tidak berada di bawah kerajaan tempatan, dengan secara automotiknya, ia dipinda kuasa ini kepada Pengarah Perancang Bandar Negeri yang terpaksa juga mendengar nasihat daripada Jawatankuasa Perancang Fizikal Negara iaitu, Perdana Menteri. Nampak jelas sekarang ini, kuasa telah diberi kepada orang lain, tidak kepada majlis kerajaan tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, boleh sambung besok, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Boleh, boleh sangatlah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Usul, menteri.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sokongan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haah, ok, terima kasih. Haa, ucapan penanguhan. Semula, semula. Ya, tujuh minit setengah, sila.

UCAPAN PENANGGUHAN

Sekatan dan Halangan Kerajaan Terhadap Parti Barisan Alternatif

5.30 ptg.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Waalaikumusalam warahmatullah.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Dalam sidang yang mulia kali ini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai suasana politik pasca pilihan raya 1999. Beberapa titik hitam mewarnai senario politik Malaysia setelah tersungkurnya Barisan Nasional di Kelantan dan Terengganu dan kehilangan banyak kerusi di Kedah, tembusnya kubu Barisan Nasional di Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Barisan Nasional kembali berkuasa tetapi *post-mortem* pilihan raya menunjukkan pengundi-pengundi terutamanya pengundi-pengundi Melayu telah beralih angin daripada menyokong Barisan Nasional kepada Barisan Alternatif.

Demi meneruskan kelangsungan survival parti pemerintah pada peringkat awal usaha dan pendekatan lunak serta mesra rakyat digunakan untuk memenangi kembali hati rakyat. Tetapi pada masa yang sama halangan dan sekatan dikenakan ke atas parti Barisan Alternatif, parti pemerintah seolah-olah hilang pertimbangan daripada bersifat adil dan saksama apabila menggunakan kuasa yang ada menyekat hak asasi dan kebebasan rakyat untuk bersuara. Tabiat politik ugut dan dendam menjadi-jadi dengan larangan berceramah kesukaran mendapat permit berceramah, hak mengadakan perhimpunan, menggunakan dewan orang ramai, mengurangkan kekerapan terbitan akhbar *Harakah*, membatalkan permit majalah *Detik* dan *Wasilah*.

Tabiat politik dendam dan ugut ini sebenarnya menunjukkan pertimbangan yang melambangkan keinginan untuk mengekalkan kekuasaan. Gerakan kebangkitan rakyat melalui kemenangan BA di Lunas tambah mencemaskan BN bahawa pendekatan lunak dan mesra rakyat sudah tidak relevan lagi. Parti pemerintah tiada jalan lain melainkan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ke atas aktivitis yang berkarisma memenuhi hati nurani rakyat menolak kezaliman.

Kita dukacita kerana kerajaan tanpa segan silu mendakwa dirinya demokratik sedangkan pada amalannya prinsip-prinsip demokrasi diketepikan. Politik demokrasi yang ada di negara ini sudah terlalu jauh menyimpang dari pengertian demokrasi yang konvensional yang telah disepakati oleh seluruh ahli-ahli sains politik. Adalah lebih baik berterus terang seperti Sukarno dan Castro. Dalam mendefinisikan demokrasi yang mereka jalankan, Sukarno mengatakan demokrasi Indonesia itu demokrasi terpimpin. Castro pula menyatakan sebuah demokrasi yang sebenar adalah tidak sahaja hak majoriti itu yang menang tetapi senjata-senjata yang sarat berisi peluru juga hendaklah diberikan kepada hak majoriti.

Sebenarnya rakyat telah pun banyak kehilangan hak dan kebebasan di bawah akta-akta yang sedia ada seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta Pertubuhan, Akta Rahsia Rasmi dan sebagainya. Dengan hak yang hanya tinggal sisa inilah rakyat menjalani kehidupan mereka sebagai warga negara demokrasi ala Malaysia yang kaya dengan akta-akta memperkosa. Sikap memekakkan telinga dari jerit pekik suara rakyat mungkin diambil oleh pemerintah yang tidak berjiwa rakyat dan tidak berjiwa Islam.

Sikap demikian berterang-terangan melanggar dasar semangat Syura, suatu kewajipan syari'e yang dikuatkuasakan oleh Allah sendiri yang bermaksud: *"Dan bermesyuarahlah dengan mereka dalam urusan [membaca sepotong ayat al-Quran].* Dan Rasulullah s.a.w. sebagai pemerintah teladan atau contoh dengan kewibawaannya yang tidak pernah dipertikaikan di samping dapat bimbingan langsung dengan wahyu Ilahi, namun dalam banyak peristiwa beliau bukan sahaja mendengar dan menghormati suara rakyat malah sering kali pula meminta rakyat menyatakan pendapat mereka, sebagaimana yang terungkap dalam sabdanya *[membaca sepotong hadis]* yang bermaksud: *"Berilah saranan kalian kepadaku."* Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, minta jawapan. *[Tepuk]*

5.34 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah menyekat atau menghalang parti-parti pembangkang daripada membuat ceramah sekiranya mereka mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan. Mengikut statistik, parti-parti pembangkang diberikan permit polis dan mengadakan tiga kali ganda ceramah politik jika dibandingkan dengan permit yang dikeluarkan untuk parti-parti kerajaan. Kerajaan telah mengamalkan kesaksamaan dalam perkara ini tetapi parti-parti pembangkang telah menunjukkan sifat tidak bertanggungjawab dengan mengadakan rusuhan, memusnahkan harta benda awam serta kekerasan kerana kononnya untuk melaksanakan hak mereka dalam demokrasi.

Kita telah lihat bagaimana tindak tanduk oleh demonstrasi jalanan boleh merosakkan sebuah negara. Kerajaan yang bertanggungjawab seperti Kerajaan Barisan Nasional tidak akan membenarkan keadaan yang sama terjadi di Malaysia. Kerajaan tidak boleh membuang masa seperti yang dilakukan oleh PAS yang hanya menghabiskan masa untuk ceramah politik dan menyebarkan dakyah agama yang songsang semata-mata. Kita mempunyai tugas dan tanggungjawab lebih besar untuk mentadbir negara dan memastikan rakyat kita aman dan sejahtera. Kerajaan tidak menggunakan undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta Rahsia Rasmi dan sebagainya dengan sewenang-wenangnya. Rekod kerajaan menunjukkan bahawa undang-undang tersebut hanya digunakan selepas diteliti dan hanya terhadap orang atau kumpulan yang membahayakan keselamatan negara.

Sebuah negara Barat yang diagung-agungkan oleh pembangkang telah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup terhadap seorang rakyat mereka yang didakwa membocorkan rahsia rasmi kepada negara lain. Pihak polis mereka telah menggunakan kekerasan dengan memukul penunjuk-penunjuk perasaan dan ini dapat dilihat melalui laporan-laporan media massa. Negara yang sebeginilah yang kononnya yang begitu mengamalkan demokrasi dan mendapat sokongan daripada Ahli Yang Berhormat dan parti-parti pembangkang. Kita tidak akan berkompromi dengan pihak yang ingin bertopengkan demokrasi tetapi tujuan sebenar mereka ialah

untuk merosakkan negara. Pihak pembangkang tidak perlu risau jika mereka tidak menyalahi undang-undang.

Mentadbir sesebuah negara majmuk seperti Malaysia dengan mewujudkan suasana yang aman dan makmur bukanlah satu perkara yang mudah. Bagaimanapun, jika ia tidak dijaga dengan sempurna, ia boleh dimusnahkan di dalam sekelip mata dan untuk membinanya semula akan mengambil masa puluhan tahun. Tidak perlu pihak pembangkang mengajar kita tentang demokrasi kerana merekalah yang perlu mempelajarinya. *[Tepuk]*.

Di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional, pihak pembangkang bebas berkempen setiap malam dan di bawah demokrasi inilah mereka mampu menang dalam pilihan raya di Kelantan dan Terengganu. Jika tidak ada demokrasi dan jika benar ada sekatan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit, maka sudah tentu Ahli Yang Berhormat tidak akan berada di dalam Dewan yang mulia ini untuk berucap dan kita tidak akan dapat melihat telatah-telatah kawan-kawan Ahli Yang Berhormat yang seringkali tidak menghormati Dewan yang mulia ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. *[Sorak][Tepuk]*

Bebas dan Hadapkan Kesemua Tahanan ISA Ke Mahkamah

5.39 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Demi keadilan dan demokrasi, kami di sebelah sini tidak akan hentikan ucapan dan bantahan ke atas ISA. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan tahunan 2000 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia terdapat 40 orang tahanan di bawah ISA dan ditempatkan di tempat tahanan perlindungan di Taiping. Akan tetapi di dalam jangka masa enam bulan tahun 2001 ini telah terdapat penambahan penahanan di bawah ISA iaitu daripada 40 orang hingga 69 orang. Peningkatan penahanan di bawah ISA ini adalah satu petanda yang amat merbahaya. Ketika lawatan SUHAKAM ke tempat tahanan tersebut baru-baru ini mereka yang ditahan adalah 21 orang kerana tekong, 30 orang kerana ROC, 15 orang kerana al-Ma'unah, 4 orang kerana movement, 3 orang kerana membuat wang palsu, 7 orang kerana memalsukan dokumen, 6 orang kerana aktivis reformasi dan 10 orang kerana memalsukan mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua 60 orang ini tidak dapat dikategorikan sebagai pesalah kerana mereka tidak dituduh di mahkamah. Mereka juga tidak boleh dikatakan tidak bersalah kerana mereka kini di bawah tahanan. Ini adalah kategori ketiga yang diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional selain kategori tidak bersalah dan bersalah. Saya namakan kategori ini, mangsa pencabulan hak asasi manusia oleh Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Kerajaan seringkali melaungkan negara kita adalah sebuah negara demokrasi, akan tetapi sedarkah negara ini bahawa prinsip-prinsip sebuah negara demokrasi tidak terhad kepada hak mengundi sebuah kerajaan oleh rakyat setiap lima tahun sahaja? Di mana hak kebebasan bersuara, berkumpul, hak perbicaraan yang adil, hak diwakili peguam, hak pembelaan diri kepada 60 orang tahan ISA ini. Hak kepada pendidikan oleh pelajar universiti juga kini dinafikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan penggunaan ISA untuk menahan Khairul dan Mohd. Fuad.

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan ini menyatakan bahawa pelajar ini ditahan kerana kerajaan menyayangi mereka. Pelepasan kedua-dua pelajar ini di peringkat penyiasatan yang baru-baru ini - seorang telah dilepaskan pada Sabtu yang lalu. Pelepasan kedua-dua pelajar ini di peringkat penyiasatan membuktikan tuduhan bahawa mereka ini mengancam keselamatan dan ketenteraman negara adalah tidak benar. Saya ingin tanya kerajaan, apakah ganti rugi ke atas kerosakan nama kedua-dua pelajar ini? *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bercakap keluar banyak daripada yang teks ini.

Puan Fong Po Kuan: Apakah Itu adalah penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, jangan panjang sangat Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Apakah sebab kesemua tahanan tidak dihadap ke mahkamah dan diberi hak pembelaan diri atau satu bentuk hak asasi manusia. Jika kerajaan tidak mempunyai bukti yang mencukupi, dengan ini, kesemua tahanan di bawah ISA harus dibebaskan serta-merta kerana mereka adalah dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah. Kalau kata ini adalah langkah pencegahan, ia boleh juga dicegah melalui perbicaraan.

Alasan bahawa demi untuk keamanan dan ketenteraman rakyat sejagat tidak boleh diterima langsung. Selagi mereka tidak dihadap ke mahkamah, mereka tidak

boleh dikatakan penggugat keselamatan dan keamanan negara. Kita mempunyai undang-undang yang lain dan mencukupi untuk mendakwa kesemua tahanan ISA ini. Ramai bekas tahanan ISA telah berkongsi pengalaman mereka semasa di bawah ISA. Mengapakah Kerajaan Barisan Nasional menggunakan taktik-taktik gangguan mental, fizikal dan jiwa ke atas mereka?

Alasan bahawa rampasan hak asasi di bawah ISA ini adalah dibenarkan di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dipakai. ISA ketika digubal adalah untuk membendung ancaman bahaya komunis. Mahkamah ketika mengguna pakai undang-undang akan melihat kepada niat atau tujuan penggubalan undang-undang iaitu Parlimen. Oleh itu, pihak kerajaan harus mempertimbangkan dengan sebaik-baiknya nasihat Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam bahawa Parlimen perlu mengkaji sama ada ISA masih relevan kepada suasana masa kini untuk mencegah penyalahgunaannya oleh pihak berkuasa.

Seksyen 8 akta tersebut telah memberi kuasa budi bicara kepada menteri untuk memerintah penahanan di bawah ISA dan ini kerap kali disalahgunakannya. Seksyen 8 memperuntukkan bahawa jika menteri berpuas hati bahawa penahanan diperlukan, kita nampak seksyen 8 ini telah digunakan oleh menteri asal menteri berpuas hati. Menteri seorang berpuas hati ia mengancam ketenteraman, itu boleh digunakan untuk menahan seseorang, menafikan hak asasi mereka.

Kerajaan harus ingat ISA, undang-undang yang mencabuli hak asasi tidak boleh dikatakan sebagai undang-undang kerana *a bad law is not a law*, dengan izin. [Tepuk] Oleh itu, saya ingin tahu bilakah kerajaan akan memansuhkan ISA. Sebelum ini Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim ada menyatakan kepada Suhakam bahawa ISA sedang dikaji semula. Sejauh mana pengajian tersebut dan apakah hasil-hasil kajian tersebut?

Kerajaan Barisan Nasional hendaklah hentikan pencabulan hak asasi manusia dengan menggunakan ISA demi untuk kepentingan politik mereka. Bebaskan kesemua tahanan di bawah ISA dan tuduh mereka di mahkamah dan mansuhkan ISA. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila jawab.

5.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah dengan suara yang lantang.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Sikap yang bebas bercakap *[Disampuk]* dalam Dewan yang mulia ini tetapi masih boleh bercakap dan masih belum ditahan di bawah ISA *[Ketawa]* kerana kita mengamalkan demokrasi yang tulen. *[Tepuk]* Kalau tidak, kalau dalam sesetengah negara yang lain, saya pun tidak tahulah apa akan terjadi kepada Yang Berhormat ini. Keluar daripada Dewan, dia tahulah ke mana dia pergi.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun ringkasnya dalam bahasa Inggeris, ISA (Internal Security Act) digubal dan seterusnya diluluskan oleh Parlimen di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Asas penggubalannya adalah untuk mencegah segala bentuk kegiatan. Saya ulangi, segala bentuk kegiatan sama ada yang dipercayai dilakukan atau akan dilakukan atau mungkin dilakukan dan akan memberi kesan keselamatan kepada negara yang majmuk ini. Saya ulangi, negara yang majmuk. Faham ya?

Penguatkuasaan dan pemakaian ISA dilakukan setelah diambil kira hak dan kebebasan yang dibenarkan seperti di bawah Perkara 5 - Hak Asasi Individu, Perkara 9 - Hak Kebebasan Bergerak dan Perkara 10 - Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Berpersatuan. Walau macam manapun, hak dan kebebasan yang diberi tidaklah melampaui berterusan amalan dan kepercayaan masyarakat. Hak tidak boleh dilihat sebagai satu mutlak. Ia adalah satu keistimewaan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah ISA sudah wajar dimansuhkan?

Puan Fong Po Kuan: Ya.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Soalan ini sering dimajukan atau diajukan kepada kerajaan oleh beberapa pihak, baik dari kalangan pembangkang, NGO mahupun kerajaan asing. Apakah perlu kita mendengar saranan daripada kerajaan asing untuk menentukan hidup dalam masyarakat negara kita ini. Mereka sering berhujah bahawa ISA hanya sesuai bagi menangani ancaman komunis, mencabul

hak asasi manusia - saya tidak tahu di mana pencabulan itu berlaku, tidak berperikemanusiaan - kalau tidak berperikemanusiaan, Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak boleh bercakap di dalam Dewan yang mulia ini, dan ketinggalan zaman. Apakah semua ini benar?

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, kita perlu kembali ke pangkal jalan dan bertanya mengapakah kerajaan mengadakan ISA, sedangkan ISA bermula daripada zaman penjajahan dahulu. Fakta utama pewujudan adalah soal keselamatan negara di mana komunis adalah salah satu daripada ancaman ketika itu. Adalah setelah berjaya menumpaskan mereka, bermakna kita telah bebas daripada ancaman yang boleh menggugat keselamatan negara.

Pernahkah 41 tahun lalu kita berfikir muncul ancaman-ancaman seperti sindiket kebanjiran pendatang tanpa izin, pemalsuan pasport Malaysia, pemalsuan kad pengenalan, pergerakan AHMa'unah, yang kalau misal kata diberikan kebebasan, akan cuba mengancam keadaan keamanan negara kita. Reformasi yang tidak menentu, mahupun Al-Arqam.

Sejarah masa lalu adalah umpama cermin yang dapat dijadikan iktibar dan juga peringatan, Tuan Yang di-Pertua. Kerana melupakan sejarahnya teretusnya pertelagahan kaum seperti insiden di Jalan Klang Lama dan juga insiden-insiden yang lebih teruk pada tahun-tahun yang lampau dan lain-lain kejadian yang boleh menjejaskan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum bercadang untuk memansuhkan ISA kerana berpendapat akta ini mampu disesuaikan dengan keadaan semasa, bagi diguna pakai untuk menangani ancaman yang boleh memudaratkan keselamatan negara. Keperluan untuk mengkaji akta pencegahan ini akan dipertimbangkan mengikut keperluan dan mengikut kesesuaian. Selanjutnya pihak yang menentang penggunaan ISA perlulah menerima hakikat bahawa akta ini dikuatkuasakan bagi tujuan mencegah daripada sebarang aktiviti yang boleh memudaratkan keselamatan, penyelenggaraan perkhidmatan perlu dan kehidupan ekonomi Malaysia.

Kerajaan tidak mahu ada yang terbunuh atau tercedera terlebih dahulu baharulah pindaan menahan dilakukan. Kerajaan akan mengambil langkah-langkah mencegah sebelum parah. Kerajaan yakin majoriti rakyat negara yang inginkan keamanan dan juga kemakmuran akan menyokong apa juga tindakan yang diambil

oleh kerajaan demi kebahagiaan dan keselamatan rakyat di negara ini. Kerajaan juga, saya jamin, tidak akan menggunakan ISA ini dengan sewenang-wenangnya.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.54 petang.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)

- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)

- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- Yang Berhormat Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Datuk Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)

- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- Yang Berhormat Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- ” Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- ” Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- Yang Berhormat Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- ” Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- ” Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato’ Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KEDUA

Jilid III	Bil. 36	Isnin	30 Julai 2001
------------------	----------------	--------------	----------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 23)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2001	(Halaman 24)
Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001	(Halaman 57)
Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2001	(Halaman 66)
Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001	(Halaman 102)

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 119)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Sekatan dan Halangan Kerajaan Terhadap Parti Barisan Alternatif

– *Y.B. Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat [Parit]* (Halaman 120)

Bebas dan Hadapkan Kesemua Tahanan ISA Ke Mahkamah

– *Y.B. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]* (Halaman 123)